

Naskhah belum disemak

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 20

Selasa

14 Disember 2010

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2011

(Halaman 27)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 72)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 14 Disember 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“14 Disember 2010

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Dewan Rakyat telah meluluskan Rancangan Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rancangan Undang-undang Perbekalan 2011

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishansamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang disebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi-strategi yang akan digunakan untuk menarik lebih daripada 4.3 juta pengundi berkeelayakan tetapi belum mendaftar untuk mengundi dan mengapakah sistem pendaftaran pengundi secara automatik tidak dapat dilaksanakan di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah bilangan pemilih berdaftar yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan pemilih. Permohonan pendaftaran pemilih ini boleh dikemukakan melalui saluran-saluran seperti berikut:-

- (i) Kaunter statik ibu pejabat SPR di Putrajaya;
- (ii) 14 kaunter-kaunter statik di 14 buah pejabat pilihan raya negeri di seluruh negara;
- (iii) 699 buah kaunter-kaunter statik pejabat pos di seluruh negara; dan
- (iv) kaunter-kaunter bergerak SPR melalui program *outreach* di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti pusat membeli belah, kawasan-kawasan penempatan penduduk di taman-taman perumahan dan kampung-kampung, pejabat-pejabat jabatan kerajaan, institut pengajian tinggi awam dan swasta serta pusat-pusat latihan kemahiran di seluruh negara.

Pelantikan melalui 7,214 Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) daripada kategori yang berikut juga adalah untuk membantu daftar pemilih.

- (i) PPP wakil politik;
- (ii) PPP wakil jabatan kerajaan;
- (iii) PPP pejabat pos;
- (iv) PPP wakil pertubuhan NGO; dan
- (v) PPP wakil universiti dan kolej universiti.

SPR akan terus mengadakan publisiti dalam media massa tentang pendaftaran pemilih. Selain itu, Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun (SPPST) diadakan sejak 16 Julai 2002

untuk kemudahan rakyat. Sebelum tahun 2002, hanya 21 hingga 42 hari sahaja pendaftaran dibuat dalam masa setahun. SPR juga mempunyai akademi pilihan raya yang tugasnya adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran tentang tanggungjawab, hak-hak mengundi serta pendidikan sistem pilihan raya di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun kerana sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dengan sebagainya.

Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka tinggal adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku, ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contohnya jika alamat yang tertera dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di suatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke satu tempat yang baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan pendaftaran automatik ini juga jika dilaksanakan amat bertentangan dengan kehendak perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan hendak mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat tinggal tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh daripada tempat kediaman mereka. Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan proses demokrasi.

Yang penting ialah sebahagian besar rakyat ingin mengundi di tempat kelahiran mereka dan bukan tempat kediaman mereka sekarang.

■1010

Berasaskan kepada hakikat ini, maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik. Namun begitu kerajaan sentiasa mengkaji cara yang lebih efektif dan pertimbangkan bagi cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahkan lagi kaedah pendaftaran yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah Suruhanjaya Pilihan Raya bercadang untuk mewujudkan kaedah pendaftaran pemilih secara *online* bagi memudahkan rakyat mendaftar? Tugas kerajaan ialah mendaftar. Tugas pemilih ialah untuk memilih semasa pilihan raya. Kalau boleh kita asingkan tugas-tugas tersebut. Kita jangan tanya rakyat. Kita sebagai kerajaan harus mendaftar. Oleh sebab itu, soalan saya tanya patut daftar automatik. Bila hendak pilihan raya terpulang kepada pemilih hendak pilih siapa. Barulah kita dapat kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab. Itu soalan yang pertama. Keduanya, umur manusia mengikut hayat ialah lelaki dia mati cepat, 71.6 umurnya. Akan tetapi perempuan pula ialah dia lebih sedikit, mungkin dia kerja kurang.

Timbalan Yang di-Pertua: Alhamdulillah.[*Ketawa*]

Tuan Ahmad bin Hussin: Umur 76.4. Jadi, berjaga-jaga. Cuma saya hendak pastikan, bagi mereka yang berumur 85 ke atas dan ada yang didaftar sampai 100 tahun sekarang. Di manakah mereka ini? Ada atau tidak dan bagaimanakah cara kaedah kerajaan hendak pastikan bahawa mereka-mereka ini masih ada. Apa kaedahnya kerana kita hendakkan sebab pilihan raya sudah hampir. Kita hendakkan sebenarnya ramai mana pengundi yang ada dalam negara ini supaya mereka ini boleh keluar mengundi dan melantik kerajaan. *Last* sekali ialah tentang badan pemantau. Selalu disebut badan pemantau pilihan raya. Yang ini saya hairan, kenapa kita hendak buat? Kita hendak pantau siapa? Apa lagi yang tidak puas hati? Minta kerajaan jelas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, biasanya soalan tambahan ini satu sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat bagi tiga, tidak mengapa. Yang pertamanya secara *online* itu, mengikut peraturan yang ada sekarang ini. Mengikut peraturan perkara 12, mereka yang layak untuk didaftarkan supaya menghantar sendiri permohonannya. Ini peraturan yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kita sedang mengkajilah tentang perkara ini tetapi tidak ada lagi sebarang keputusan tentang daftar secara *online*. Mereka yang berumur lanjut itu, nama mereka masih kekal dalam daftar pemilih. Kita dalam proses untuk membersihkan daftar pemilih itu tetapi hendaklah ada hubungan yang akrab dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Jika orang itu telah mati pun, kadang-kadang namanya masih ada dalam daftar pemilih.

Ini kerana untuk kita membersihkan, kita hendaklah ada surat mati baru boleh kita keluarkan mereka daripada daftar pemilih. Berkenaan dengan badan pemantau ini, ini kebanyakannya adalah berniat untuk tujuan politik. Mereka ingin menyatakan seolah-olah tidak wujud demokrasi yang baik dalam negara kita. Itu adalah sebenarnya untuk persepsi politik semata-mata dan kita tidak payah layan sangatlah mereka ini.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPR telah melantik beberapa badan untuk membantu mendaftarkan pengundi di negara kita dan salah satu daripadanya ialah parti-parti politik. Saya terbaca di dalam akhbar bahawa parti-parti politik ada kecenderungan untuk mendaftar dari masyarakatnya sahaja, orangnya sahaja. Contohnya DAP mendaftar kaum

Cina sedangkan kemahuan SPRM ialah semua parti politik ini mendaftar tanpa mengira bangsa dan keturunan. Daftar sahaja. Jadi bagaimanakah SPR boleh memantau ini dan juga memenuhi kehendak SPR ini supaya ia boleh dilakukan seperti kemahuan SPR? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan itu, saya ingin memaklumkan bahawa setakat 30 Jun 2010, jumlah pengundi di Malaysia ialah 11,381,193 orang. Saya juga ingin memaklumkan bahawa setiap tahun terdapat 450,000 ke 500,000 orang mencapai umur 21 tahun. Tiap-tiap tahun hampir setengah juta orang mencapai umur 21 tahun dan layak untuk mengundi.

Mengenai Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) untuk wakil parti politik, sebenarnya mereka sepatutnya lagi ramai yang mereka daftarkan lagi bagus. Saya ingin memaklumkan 7,214 orang penolong pendaftar pemilih sekarang ini. Imbuan yang mereka dapat ialah jika borang itu siap diproses dan diterima oleh SPR, satu daftar pemilih yang didaftarkan mereka dapat seringggit sahaja imbuan untuk satu orang. Setiap DUN parti-parti politik boleh memohon untuk meletakkan dua orang PPP. Tidak kira parti boleh tetapi hendaklah memohon daripada SPR tentang perkara itu.

Perkara ini dijalankan secara berterusan dan kita berharap semua pihak akan mengambil bahagian supaya 4.3 juta yang belum mendaftar itu akan kita daftarkan segera. Kita sentiasa mendaftarkan mereka ini tetapi setiap tahun bertambah lagi setengah jatuh. Mendaftarkan dan bertambah lagi setengah juga tiap-tiap tahun. Terima kasih.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kenapa SPR tidak membenarkan PPP atau Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik dalam parti politik itu untuk memindah atau menukar pemilih walaupun kad pengenalan mereka telah ditukar alamat yang baru contohnya dari Ipoh ke Kuantan? Jadi, kita boleh hulurkan kad pengenalan fotostat yang disahkan tuju kepada SPR tetapi tidak diterima. Hanya boleh tukar di pejabat pos sahaja. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, kita akan mengkaji kebenaran apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu dan untuk memperbaiki jika ia adalah benar. Terima kasih.

2. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperketatkan lagi peraturan kewangan dan sistem kawalan dalaman bagi jabatan kerajaan, badan berkanun dan GLC dengan tujuan mengelakkan penyelewengan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memantau dan mengawasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan supaya mengamalkan pengurusan kewangan yang baik, mematuhi segala sistem kawalan dalaman masing-masing. Bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, mereka juga tertakluk kepada tadbir urus korporat dan kawal selia oleh suruhanjaya sekuriti. Pada masa yang sama, lembaga pengarah syarikat-syarikat tersebut diamanahkan

untuk memastikan kepentingan kerajaan dan kepentingan awam sentiasa terjaga. Bagi jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun yang menerima peruntukan kewangan kerajaan secara langsung, mereka sentiasa dikawal selia oleh kerajaan dari segi pengurusan dan pematuhan kepada tatacara kewangan. Kementerian Kewangan sentiasa memantau pengurusan kewangan agensi-agensi dan badan berkanun tersebut terutamanya melalui laporan tahunan dan penyata kewangan yang dikemukakan oleh mereka dan dibentangkan di Parlimen. Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Mengikut akta syarikat sekarang, cuma syarikat senarai awam dengan izin *public listed company* yang diwajibkan mempunyai sistem kawalan dalaman ataupun *internal control system*. Adakah kerajaan bercadang untuk diwajibkan kepada semua badan berkanun, anak-anak syarikat dan juga GLC mempunyai sistem kawalan dalaman?

■1020

Soalan kedua adakah kerajaan pernah mengambil tindakan *surcharge* kepada kakitangan kerajaan dan badan berkanun yang cuai di bawah *financial procedure*. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih memang semua syarikat dan badan kerajaan dikenakan pematuhan kepada tatacara kewangan dalam pelbagai bidang, bukan sahaja yang disenaraikan. Umpamanya dari segi perolehan, ada tatacara tersendiri, perlunya ada tender bagi jumlah-jumlah yang tertentu, sebut harga dan sebagainya. Pengurusan akaun juga mengikuti tatacara-tatacara tertentu, cara-cara pembayaran. Ada juga audit dalaman dan juga audit negara yang membuat laporan. Latihan yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan terlibat dalam pengurusan kewangan termasuk bukan sahaja latihan di peringkat agensi tetapi di peringkat kebangsaan seperti mana yang diuruskan oleh INTAN. Dilantik juga pegawai pengawal di setiap kementerian dan jabatan sama ada ketua setiausaha dan ketua pengarah untuk memastikan tatacara ini diikuti dengan baik.

Ada peruntukan untuk tindakan-tindakan sekiranya didapati salah laku, tindakan tatatertib seperti amaran, turun pangkat, buang kerja dan bagi mereka yang sudah tidak berkhidmat boleh dikenakan tindakan undang-undang, *civil suite* dan sebagainya. Jadi memang peraturan itu sudah ada, soalnya kalau masih berlaku, itu soal yang lain. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, satu ketika dahulu, kita digemparkan dengan kerugian besar berbilion ringgit oleh syarikat Sime Darby dan sepanjang ingatan saya pengerusinya Yang Berbahagia Tun Musa Hitam berjanji akan menyiasat perkara tersebut dan tidak akan ada seberang *cover up*. Apakah kalau ada maklumat tentang punca-punca sebenarnya yang membawa kepada kerugian tersebut dan sekiranya adanya berlaku penyelewengan, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Ini merupakan soalan yang penting yang mendapat tumpuan, boleh dikatakan semua ahli Dewan bahkan ada soalan

khusus mengenainya. Akan tetapi untuk hari ini, soalnya agak ke bawah dan mungkin tidak dapat dijawab. Jadi bolehlah saya beri sedikit gambaran untuk makluman ahli Yang Berhormat sekalian. Memang perkara ini telah pun diumumkan pada 20 September 2010 mengenai penemuan audit forensik ke atas kerugian berlaku pada beberapa projek di Bahagian Tenaga dan Utiliti. Satu bahagian dalam Sime Darby khususnya mengenai pengendalian tenaga dan utilitinya. Didapati kemungkinan terdapat kemungkiran tugas, *breach of duties and obligation* dengan izin.

Sebenarnya, oleh sebab didapati terdapatnya kemungkinan kemungkiran tugas maka laporan kepada pihak-pihak berkuasa khususnya kepada SPRM dan juga Suruhanjaya Sekuriti telah dibuat dan tindakan susulan akan diambil. Pada masa yang sama Sime Darby telah melantik penasihat perundangan untuk meneliti apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas mereka yang terlibat. Buat masa ini, penasihat undang-undang telah menasihatkan Sime Darby agar tidak mendedahkan maklumat itu secara terperinci secara terbuka kerana ia boleh menjejaskan tindakan undang-undang yang akan diambil. Jadi pihak Sime Darby telah memberi keyakinan bahawa pengumuman yang berikutnya akan dibuat apabila tiba masa yang sesuai.

Jadi saya sendiri meminta maaf kerana tidak boleh beri secara terperinci kerana ini melibatkan tindakan undang-undang dan kita tidak mahu kes-kes ini terjejas dengan pendedahan maklumat yang boleh dipertikaikan nanti.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan saya amat berterima kasih atas penjelasan awal telah diberi. Saya cuma hendak menarik perhatian dua perkara Yang Berhormat, pertama bagaimana boleh berlaku kealpaan, kelalaian, *over sight* di pihak Sime Darby sedangkan perkara ini telah pun berselerak di dalam Internet. Pada saya, saya menemui maklumat ini seawal tahun 2009, itu satu.

Kedua, saya mohon komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk Dewan yang mulia ini bahawa adakah tindakan bukan sahaja diambil ke atas pihak pengurusan tertinggi Sime Darby malah ke atas lembaga pengarah, kedua audit dalaman, ketiga audit luar, keempat Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti dan kelima Pengerusi BSKL kerana saya rasa semua pihak ini terlibat kecuali mereka didapati sesungguhnya tidak bersalah. Mohon penjelasan, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat kata Yang Berhormat mendapati maklumat itu pada tahun 2009, barangkali maklumat-maklumat sedemikian inilah telah menyebabkan berlakunya audit forensik yang sudah tentu mengambil masa. Jadi kalau pengumumannya dibuat dalam tahun 2010, maknanya masanya tidaklah terlalu panjang daripada yang diketahui oleh Yang Berhormat.

Keduanya tindakan susulan, saya yakin kerana ini sekarang sudah ada di pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, saya rasa ini semua akan dikaji sebaik mungkin. Saya

tidak mahu menyahut saranan Yang Berhormat bahawa pengerusi-pengerusi ini mungkin turut terlibat kerana kita lebih baik buat masa ini serahkan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia supaya menilai. Saya rasa bukan sahaja Yang Berhormat tetapi seluruh rakyat Malaysia bahkan kerajaan perlu menerima apa jua yang perlu harus dilakukan serta wajib dilakukan untuk memastikan sesiapa yang terlibat, yang melakukan kesalahan serta kecuaiannya perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi kita bersifat terbuka, kita tidak boleh terlalu laju menamakan pihak-pihak yang mungkin terlibat dan saya rasa tidak ada faedah langsung bagi kerajaan untuk menutup apa-apa yang mungkin boleh diambil tindakan kerana ini adalah sesuatu yang tidak ada kepentingan kerajaan untuk melakukan apa-apa penutupan bahkan kalau kita lihat sudah terdapat perubahan dalam komposisi lembaga pengarah yang baru-baru ini sudah pun berlaku. Setakat mana ianya harus diubah lagi, itu terserahlah kepada susulan dari segi penemuan-penemuan mengenai kes ini. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi bencana sosial dan keruntuhan moral yang amat teruk sekarang ini seperti pembuangan bayi, remaja lari dari rumah, anak mendera ibu bapa dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, agenda sosial adalah penting dan sentiasa diberi perhatian untuk negara mencapai status negara maju melalui pembangunan yang seimbang. Kerajaan berusaha meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan.

■1030

Untuk itu, dasar pembangunan yang memberi penekanan kepada keseimbangan pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi diwujudkan. Keseimbangan ini dapat dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program berbentuk *advocacy*, intervensi pencegahan dan pemulihan. Sebagai langkah intervensi dan pencegahan, mekanisme pemantauan isu-isu gejala sosial di peringkat daerah, negeri, dan kebangsaan diwujudkan melalui Majlis Tindakan Daerah dan Majlis Tindakan Negeri dan sehingga peringkat tertinggi iaitu Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mekanisme pembangunan sosial di peringkat akar umbi pula diperkukuhkan dalam usaha memastikan isu-isu gejala sosial yang berbangkit dapat ditangani dengan cepat dan berkesan.

Untuk itu, kerajaan telah mewujudkan jentera pelaksanaan perkhidmatan di peringkat akar umbi atau NADI, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang). Ahli-ahli dalam jentera pelaksanaan ini kebanyakannya terdiri daripada pemimpin masyarakat setempat yang sentiasa berpeluang untuk

berdampingan dengan masyarakat. Mereka mengawasi isu-isu gejala sosial yang timbul di kawasan masing-masing bagi mengambil tindakan intervensi awal atau pencegahan daripada berlaku dan tindakan pemulihan sewajarnya.

Selain itu, sebagai langkah *advocacy*, kementerian juga menggalakkan penglibatan NGO dengan pemberian geran tahunan untuk mereka melaksanakan program-program menangani gejala sosial yang khusus dalam bidang atau kumpulan sasaran masing-masing. Antara program yang telah dilaksanakan ialah menjalinkan perkongsian pintar dengan Yayasan Pink Triangle bagi membolehkan yayasan ini mengurus dan memberi perkhidmatan kepada keperluan golongan yang menghidap HIV AIDS.

Bagi golongan remaja pula, kerjasama dijalinan bersama dengan Yayasan Salam untuk mengendalikan Kuala Lumpur Krash Pad iaitu pusat aktiviti remaja. Dengan adanya pusat sebegini, para remaja yang berisiko tinggi dapat berinteraksi, mengembangkan potensi diri melalui minat masing-masing seperti melukis mural, bermain muzik serta mendapatkan kemahiran dengan izin, *soft skill* dengan mengikuti kelas komuter. Program dan aktiviti yang dianjurkan membolehkan remaja memenuhi masa santai mereka dengan menyertai kegiatan yang berfaedah dan seterusnya mengurangkan potensi terlibat dengan gejala sosial.

Usaha-usaha untuk menangani gejala sosial diperkukuhkan dengan kementerian menguruskan tiga panel penyelarasan yang diwujudkan bagi tiga kumpulan sasaran iaitu belia, remaja, dan kanak-kanak. Panel penyelarasan belia diterajui oleh Kementerian Belia dan penyelarasan remaja oleh Kementerian Pelajaran, manakala panel penyelarasan kanak-kanak pula diterajui oleh Kementerian Kesihatan. Semua perkhidmatan program dan aktiviti bagi kumpulan sasaran tersebut di bawa ke Mesyuarat Majlis Sosial Negara untuk pertimbangan dan diselaraskan dengan matlamat pembangunan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha bagi menetapkan institusi keluarga juga telah dilaksanakan secara berterusan oleh kementerian melalui program-program seperti KLKP iaitu Pusat Remaja kafe@TEEN dan pusat aktiviti kanak-kanak yang menjurus kepada keperluan golongan remaja. Program Parenting@Work, SmartStart, Ilmu Keluarga@LPPKN, Modul Pakej Kasih, dan *Family Retreat Centre* untuk membantu keluarga dengan izin, *high risk* dan *at risk*. Kaunseling keluarga pula memfokuskan institusi keluarga.

Program NUR@rumah, Program Pemberian Bantuan Kewangan, Program Perancangan Pembangunan Wanita dan Program Pembangunan Kapasiti adalah bertujuan untuk memperkasakan ekonomi keluarga. Program-program ini dibangunkan bertujuan mengukuhkan modal insan dan membantu kestabilan ekonomi sesebuah keluarga. Keseimbangan kedua-dua faktor tersebut mampu menyumbang kepada pembentukan sahsiah serta jati diri ahli keluarga sekali gus membantu kepada kesejahteraan masyarakat amnya.

Dengan pelaksanaan pelbagai program yang menekankan aspek pencegahan intervensi, pemulihan, dan *advocacy* di atas, kementerian yakin isu-isu gejala sosial dapat ditangani dengan

baik selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai pembangunan seimbang. Sebagai langkah baru bagi menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat sedang memulakan inisiatif untuk mengubah modal baru sosial. Modal ini merupakan usaha strategik multi sektor bagi menangani isu-isu sosial di negara ini. Modul baru sosial dijangka siap pada pertengahan tahun 2011. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jawab begitu panjang. Saya ada sampel remaja lari dari rumah, kemudian mengandung dan melahirkan anak. Pertama, Aniza. Dia kata bapa dia panas baran. Keduanya, Suzi. Dia kata ibunya tidak ambil tahu, selalu sibuk sebagai seorang pegawai tinggi kerajaan. Ketiganya, Maya. Ibu sibuk dengan kerjaya. Selepas itu Ida. Dia selisih faham dengan ibu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak sangat contoh. Cukup itu.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: Jadi contoh-contoh ini Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa mereka ini kerana krisis dalam keluarga terutama ibu mereka – jawatan yang paling agung dalam dunia ialah jawatan ibu kerana pendidikan ibu boleh melahirkan pimpinan kepada negara untuk memajukan negara dan sebagainya. Keadaan yang berlaku sekarang adalah kerana tanggungjawab sebagai ibu ini tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Tadi Yang Berhormat mengatakan ada modal baru sosial untuk memantapkan institusi keluarga. Jadi, saya berharap sangat supaya kerajaan memasukkan peranan, tanggungjawab, pendidikan ibu, dan penyempurnaan jawatan ibu itu dilaksanakan agar gejala-gejala ini dapat dibanteras pada masa akan datang. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya kes-kes yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang telah diberi perhatian oleh kementerian ini. Walau bagaimanapun, saya harus menekankan bahawa sebenarnya tanggungjawab untuk mendidik anak tidak haruslah hanya dibebankan atau dipertanggungjawabkan kepada si ibu. Si bapa juga haruslah menanggung tanggungjawab secara bersama. *[Tepuk]* Walau bagaimanapun, cadangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat akan diambil perhatian dan dimasukkan dalam modul kita yang baru itu. Sekian, terima kasih.

4. Datuk Chandrasekar Suppiah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan senarai e-Kasih yang telah didaftarkan di ICU tetapi masih belum divarifikasikan. Bilakah proses ini akan disempurnakan demi kepentingan rakyat dalam agenda pembasmian kemiskinan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan ini. Senarai e-Kasih yang telah didaftar di ICU Jabatan Perdana Menteri masih belum diverifikasi adalah terkandung di bawah modul pendaftaran senarai terbuka

yang merupakan salah satu ciri yang ada di dalam sistem e-Kasih bermula pada Januari 2010. Ia diwujudkan bagi memantapkan data sedia ada e-Kasih fasa satu dan dua, dan juga mengelakkan tiada kumpulan sasar yang tercicir daripada menerima bantuan.

■1040

Walau bagaimanapun, sekiranya masih terdapat kumpulan sasar yang tidak berada dalam jaringan e-kasih fasa 1, fasa 2 dan pendaftaran terbuka, ia tidak menghalang atau menyekat agensi pemberi bantuan untuk menyalurkan bantuan sekiranya layak kepada pihak yang berkenaan.

Justeru, dalam memastikan permohonan pendaftaran terbuka diverifikasi, antara langkah-langkah yang telah diambil adalah dengan melantik pembanci sambilan tambahan yang dilatih dengan kerjasama Jabatan Perangkaan untuk melaksanakan proses verifikasi di peringkat lapangan. Selain itu, peranan Focus Group Daerah yang merupakan jentera penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan di peringkat daerah turut dimantapkan dengan menyemak kesahihan data pada peringkat awal sebelum proses verifikasi dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme pendaftaran terbuka ini adalah satu proses berterusan. Proses verifikasi yang sedang dilaksanakan ini adalah merupakan satu mekanisme pengesanan insiden kemiskinan yang komprehensif. Ia melibatkan satu kitaran aliran daripada proses penyuntingan data, permohonan di peringkat awal sebelum aktiviti verifikasi di peringkat lapangan yang melibatkan sesi bancian yang terperinci diadakan. Selepas itu, hasil bancian tersebut perlu disemak secara teliti melalui proses *consistency check* dengan izin, bagi memastikan ketepatan data sebelum ia boleh dimasukkan dalam sistem e-kasih melalui modul proses tangkapan data.

Oleh yang demikian, sedikit masa terpaksa diambil terhadap kitaran aliran proses kerja ini bagi memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang berkenaan. Adalah dijangka proses pendaftaran terbuka ini akan diselesaikan pada tahun hadapan dengan mengambil kira bilangan permohonan sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah langkah-langkah ini memberi kesan positif sejak pelaksanaan? Berapa peratus atau bilangan yang dapat dikeluarkan dari tahap miskin tegar sejak pelaksanaan?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ataupun kesan program-program setelah e-kasih telah dimulakan? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, proses bantuan ini berlaku secara berpanjangan, tidak hanya merujuk kepada e-kasih. Sistem e-kasih ini diwujudkan demi untuk menjaringkan seluruh kemiskinan, peringkat-peringkat kemiskinan di negara ini, kerana dahulu ada kalanya seorang penerima itu akan mendapat bantuan daripada lapan agensi sehingga dia boleh mendapat RM1,500 dengan hanya duduk di rumah. Maka sekarang oleh sebab dengan adanya data-data ini, mereka sudah pun mengesan

dari agensi mana seseorang itu telah mendapat bantuan agar kita dapat membuat penapisan. Kesanya pada peringkat sekarang adalah ada empat jenis program *cluster* bantuan yang diberikan.

Pertama, Program Peningkatan Ekonomi iaitu ada lebih kurang enam jenis bantuan, Program Penyediaan Kemudahan Asas, Program Pendidikan dan Latihan Bina Upaya, Program Sosio Kebajikan. Kebanyakan masyarakat India pada masa sekarang mendapat bantuan dari segi Program Sosio Kebajikan. Maka, kita hendak meningkatkan lagi kepada bina upaya.

Maka yang kedua itu dari segi perangkaan berapakah yang dapat dikeluarkan dan berapakah yang terperangkap dalam kancuh kemiskinan, setakat ini sehingga 30 November 2010, mengikut verifikasi yang dibuat dalam data e-kasih, statusnya miskin tegar setakat ini ialah 59 keluarga isi rumah, miskin – 1,404 keluarga isi rumah, mudah miskin – 3,545 dan yang terkeluar daripada kadar kemiskinan atau tahap kemiskinan ini adalah seramai 1,161 keluarga isi rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam keadaan di mana kerajaan tidak mempunyai guru Bahasa Inggeris yang mencukupi terutamanya di kawasan luar bandar, apakah perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah penyediaan bilangan guru Bahasa Inggeris yang mencukupi, kompeten dan berkualiti pada jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari masih terdapat kekurangan guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara terutamanya di luar bandar. Kementerian Pelajaran melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG), sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, hari bertemu pelanggan, kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. BPG juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di 27 institut pendidikan di seluruh negara. Di antaranya ialah *Bachelor of Education (TESL)* luar negara, *Bachelor of Education (TESL)* dalam negara, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Pengajian Inggeris bagi sekolah rendah dan sekolah menengah.

KPM juga telah merancang dan sedang melaksanakan program-program untuk meningkatkan dan mengukuhkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru Bahasa Inggeris. Program ini termasuk:

- (i) Peluasan dan pemantapan *proficiencies* guru-guru Bahasa Inggeris bukan opsyen sekolah rendah dan sekolah menengah luar bandar secara mode kursus pendek kelolaan institut KPKI;
- (ii) peluasan dan pemantapan pedagogi guru-guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dan sekolah menengah luar bandar secara KPKI;

- (iii) kursus kejurulatihan untuk guru cemerlang dan guru kanan Bahasa Inggeris untuk guru sekolah rendah dan sekolah menengah;
- (iv) kursus tukar opsyen bagi guru terlatih bukan opsyen Bahasa Inggeris, *Certificate in the Practice of English Language Teaching (CIPELT)*;
- (v) Kursus Kejurulatihan Training of Trainees bagi pensyarah Bahasa Inggeris di institut pendidikan guru; dan
- (vi) program penempatan 15 pakar penutur jati (*native speaker*) bahasa Inggeris di *English Language Teaching Centre (ELTC)* dan empat IPG Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris.

Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya percaya semua perancangan yang dibuat oleh kementerian akan mencapai kejayaan akhirnya. Akan tetapi salah satu daripada soalan saya ialah dari segi perancangan sekarang ini, untuk masa pendek ini, setakat manakah berjayanya rancangan kerajaan untuk mengambil guru-guru sementara dan tidak bolehkah *short term* nya kementerian mengadakan sistem pengambilan guru sambil sekadar untuk mengajar Bahasa Inggeris sahaja? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang perkara ini. Sebenarnya kita telah melakukan beberapa kaedah. Pertama, kita mengambil guru Bahasa Inggeris yang telah bersara atau akan bersara dan kita mengambilnya secara kontrak. Untuk tahun hadapan, 200 orang akan diambil oleh kementerian bagi memenuhi keperluan khususnya di kawasan luar bandar. Itu yang pertama.

Kedua, apa yang kita lakukan ialah kita buat secara berfasa. Oleh sebab MBI MBM ini di perkenalkan pada tahun hadapan untuk Tahun Satu dan sampailah tahun 2012 dengan lengkapnya enam tahun, kita memerlukan lebih kurang 9,496 orang guru. Jadi kita tidak bercita-cita besar – dalam tempoh setahun melahirkan 9,000 lebih. Untuk tahun hadapan sahaja, kita akan melahirkan 1,482. Ini dilakukan dengan cara kita melihat guru kita dalam sistem kita. Perjawatan yang sedia ada, kita melatih guru itu. Kalau kita lihat dari segi Bahasa Inggeris kita boleh latih dan tukar opsyen, itu yang kita lakukan. Kita sudah berjaya melahirkan 1,482 orang guru opsyen Bahasa Inggeris dan keduanya guru kontrak sepertimana yang saya katakan.

Di samping itu, satu lagi kaedah yang digunakan seperti mana yang diumumkan dalam bajet baru-baru ini iaitu kita mengambil 375 orang penutur jati. Bermaksud, mereka ini merupakan *native speakers* dari England, Australia dan New Zealand. Mereka akan ditempatkan di beberapa zon di samping kita meletakkannya di IPGM untuk guru-guru pelatih kita

Jadi banyak kaedah yang digunakan untuk kita memantapkan sistem kita dan kita mahu dari segi pedagogi dan *proficiency* guru Bahasa Inggeris kita baik. Terima kasih.

6. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan terdapat lebih daripada 41,000 siswazah dalam negara ini yang masih menganggur, ada yang telah lebih dari tiga tahun. Berikan butir-butir tentang siapakah siswazah-siswazah tersebut, jurusan yang diambil serta kelulusan. Apakah usaha kerajaan untuk membantu golongan modal insan yang disiasikan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu. Jumlah 41,000 yang dirujuk oleh Yang Berhormat adalah merujuk kepada bancian sistem kajian pengesanan graduan yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang telah dijalankan pada tahun 2009.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengukur tahap kebolehpekerjaan graduan dan melihat keberkesanan program di institusi pengajian tinggi. Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh yang singkat selepas tamat pengajian dan hasil daripada kajian tersebut – Yang Berhormat bertanya tentang jurusan yang diambil serta kelulusan.

Daripada kajian tersebut, dilihat bahawa mereka yang berkelulusan kedoktoran terdapat pada masa itu bilangan yang masih belum bekerja adalah 13 orang iaitu 2.79%, sarjana dalam 553 orang iaitu 8.9%, diploma lepas ijazah seramai 33 orang iaitu 2.26%, ijazah pertama di dalam 22,640 orang iaitu 29.15%, diploma lanjutan seramai 457 dalam 33.09%, lain-lain diploma 11,942 atau 22.55%, sijil 5,860 atau 40.55% dan di peringkat profesional dalam 16 orang iaitu 8.79%

Kajian memaparkan bahawa sebab-sebab graduan belum bekerja pada masa itu adalah seperti berikut:

Sebab-sebab	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Masih mencari pekerjaan	29,870	71.8
Kerja ditawarkan tidak sesuai	915	2.2
Tanggungjawab terhadap keluarga	835	2.0
Kurang keyakinan diri memasuki dunia pekerjaan	271	0.7
Memilih untuk tidak bekerja	179	0.4
Tidak berminat untuk bekerja	164	0.4
Ingin berehat dahulu	1,189	2.9
Masalah kesihatan	171	0.4
Menunggu penempatan untuk melanjutkan pengajian	6,923	16.7
Lain-lain	1,060	2.6
Jumlah	41,514	100

Soalan Yang Berhormat seterusnya apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka ini? Kerajaan melaksanakan berbagai-bagai inisiatif dan usaha untuk meningkatkan kebolehpekerjaan graduan ini. Di antaranya adalah program-program dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang mempunyai berbagai-bagai kaedah. Antaranya adalah bagi mereka yang sudah mempunyai ijazah, mereka mengikuti program untuk mendapat pentauliahan profesional dalam bidang-bidang yang diikuti.

Terdapat juga yang mengikuti program dengan izin, *fishing school* iaitu program persediaan memasuki pekerjaan di mana mereka diterap dengan kebolehan berkomunikasi, berbahasa Inggeris dengan izin, *grooming* dan lain-lain *soft skills* dengan izin. Terdapat juga program perantisan dan juga program merapatkan jurang dengan industri-industri dan juga latihan *internship* iaitu menjalani latihan-latihan amali.

Selain daripada itu, terdapat juga program-program yang dianjurkan oleh Khazanah Nasional, juga oleh Iskandar Malaysia, lain-lain kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam pembangunan usahawan. Juga, oleh institusi-institusi kewangan dan lain-lain pihak. Juga, termasuk di bawah Kementerian Kewangan di mana diadakan program pegawai skim perkhidmatan singkat. Kesemua ini melibatkan antara 30,000 hingga 40,000 graduan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Sumber Manusia sendiri, di mana kita mempunyai kemudahan untuk rakyat Malaysia termasuk graduan untuk mendaftar untuk mencari pekerjaan melalui portal JobsMalaysia, di mana carian kerja boleh dibuat melalui sistem elektronik. Kemudahan ini disokong dengan pewujudan 11 Pusat JobsMalaysia dan 99 JobsMalaysia Point selain daripada pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang ada di seluruh negara. Selain daripada perkhidmatan pendaftaran dan carian kerja, lain-lain khidmat juga seperti khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya dan temu duga terbuka juga dibuat di pusat-pusat ini.

Selain daripada itu, sepanjang tahun Kementerian Sumber Manusia menganjurkan karnival-karnival kerjaya. Sepanjang tahun 2010, bilangan majikan yang mendaftar pekerjaan kosong melalui sistem ini adalah sebanyak 35,349 dan jumlah kekosongan kerja yang aktif di semua kategori adalah dalam 172,587. Sehingga ini, melalui kaedah-kaedah di atas, lebih daripada 11,347 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan. Terima kasih.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, adakah pertumbuhan keperluan pekerjaan yang diwujudkan oleh kerajaan dan swasta adalah seiring dengan pertumbuhan jumlah graduan yang berjaya menamatkan pengajian setiap tahun di negara kita? Terima kasih.

Dato' Maznah bin Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan juga pihak swasta, majikan-majikan yang ada di

negara ini sentiasa melihat kepada pertumbuhan ekonomi negara kita yang menggalakkan, akan ada pekerjaan-pekerjaan yang mencukupi untuk rakyat Malaysia. Soalnya ialah sama ada kerja itu sesuai ataupun ingin diikuti oleh rakyat Malaysia adalah soalan yang sangat penting.

Kalau kita melihat takrifan pengangguran, ia bermaksud adalah bagi mereka yang tidak ada pekerjaan dan mencari kerja secara aktif sekurang-kurangnya selama sebulan. Jadi baru ia ditakrifkan sebagai menganggur. Jika mereka tidak berusaha mencari pekerjaan, mereka tidak boleh dianggap sebagai penganggur.

Mungkin untuk menjawab soalan Yang Berhormat tentang senario negara ini, saya boleh menunjukkan bahawa pada masa ini kita dapati bahawa kadar pengangguran negara pada masa ini adalah di bawah tahap 4% yang mana di bawah 4% kita anggapkan bahawa kita mempunyai *full employment* dengan izin. Kita dapati bahawa penyiasatan tenaga buruh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa trend pengangguran di negara ini sudah menurun iaitu dari suku tahun pertama 2010, kita dapati graduan menganggur adalah dalam 65,100 orang dan di suku tahun yang kedua menurun pada 57,100 orang.

■1100

Kita dapati bahawa kadar pengangguran negara pada masa ini kalau di dalam suku tahun pertama di kadar 3.7% kini sudah menurun kepada 3.1%. Terima kasih.

7. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan pendirian kerajaan mengenai fenomena Planet X atau Planet Nibiru yang dikatakan akan menyebabkan kerosakan yang teruk kepada bumi pada tahun 2012. Sejauh manakah kebenaran dakwaan yang sedemikian secara saintifik dan adakah Agensi Angkasa Negara telah membuat kajian ke atas perkara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]:

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira dengan minat yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat itu ke atas bidang sains astronomi dan angkasa lepas. Namun, kita semua sedia maklum bahawa tidak semua penulisan awam dalam penerbitan yang tidak berdaftar khususnya di internet itu betul dan sahih. Ini termasuklah dakwaan pelanggaran planet bumi kita dengan Planet Nibiru ataupun Planet X ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Agensi Angkasa Negara ataupun Angkasa sentiasa memantau perkembangan untuk mengenal pasti sama ada fenomena Planet Nibiru adalah benar dan akan berlaku ataupun tidak. Namun, Angkasa tidak mempunyai peralatan dan kepakaran yang sepenuhnya untuk membuat pemantauannya *Near Earth Objects* ataupun NEO di Malaysia. Sehubungan dengan itu, Angkasa bekerjasama dengan pihak agensi angkasa lepas antarabangsa yang lain seperti NASA dalam isu ancaman dari angkasa seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai pemantauan secara berterusan mengenai objek-objek samawi ataupun dengan izin, *celestial objects* seperti komet dan *asteroid* yang mengorbit berdekatan dengan bumi yang berpotensi untuk berlanggar dengan bumi iaitu *near earth objects*

telah dijalankan oleh beberapa inisiatif global seperti *safeguard survey* dan NASA NEO *Program Office*. Pemantauan juga dijalankan dengan menggunakan teleskop di angkasa lepas seperti *infrared*, astronomi satelit ataupun IRAS untuk memantau sebarang ancaman dari angkasa.

Pihak NASA telah mengatakan bahawa tiada bukti yang sahih mengenai kewujudan Planet Nibiru atau Planet X tersebut oleh mana-mana data atau pencerapan. Sehingga kini, tiada satu pun objek angkasa lepas yang dikenal pasti akan memberi ancaman kepada bumi secara langsung. Sekiranya kewujudan Planet Nibiru tersebut adalah sahih ia sepatutnya boleh dilihat dengan mata kasar dan pastinya ahli astronomi seluruh dunia akan membuat pemantauan objek tersebut kerana semakin menghampiri bumi seperti mana yang dituduh.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menjelaskan bahawa sehingga kini tidak ada penemuan saintifik yang menyokong dakwaan bahawa akan berlakunya pelanggaran Planet Nibiru dengan bumi pada tahun 2012. Terima kasih.

Tuan Haji Shamsudin bin Mehat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, saya rasa sudah dijawab tetapi saya baca sekali lagi soalan tambahan ini kalau ada yang perlu dijawab lagi. Iaitu apakah keupayaan sebenar kita dalam pembangunan struktur angkasa dan adakah kita mempunyai kepakaran dan peralatan yang berteknologi tinggi untuk memantau ruangan angkasa kita seperti menentusahkan fenomena seperti fenomena Planet X ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin. Sebahagian telah pun saya jawab. Sebenarnya cerita mengenai dengan Planet X ini dan yang akan bertembung dengan *earth* ataupun bumi pada tahun 2012 ini daripada cerita *Nostradamus*, okey. Ramalan beliau yang mengatakan bahawa planet bumi ini akan binasa disebabkan pelanggaran dengan komet Nibiru pada 21 Disember 2012 berasaskan kepada berakhirnya kalendar kaum Maya, South Africa Travel, dengan izin.

Akan tetapi, sepertimana yang saya katakan tadi tidak mempunyai asas sama sekali secara saintifik. Dari segi teknologi yang sedia ada, saya katakan tadi bahawa kita mempunyai jentera yang sedia ada sepertinya kita mempunyai *observatory* di Langkawi. Akan tetapi, semuanya itu tidak mencukupilah untuk meneliti perkara-perkara yang begitu spesifik seperti ini. Jadi kita *net working*, kita bekerjasama dengan NASA dan juga khususnya dengan *Office of the United Nations* dalam perkara ini.

Jadi apa maklumat yang kita ada, adalah maklumat yang terkini yang diperolehi oleh setiap negara yang sudah maju dalam bidang ini. Jadi tiada keraguan sama sekali, walaupun teknologi dalaman tidak mencukupi untuk tujuan penelitian perkara seperti ini tetapi dengan *networking, collaboration* dengan izin kepakaran yang ada di Malaysia boleh diperolehi melalui kepakaran di peringkat antarabangsa. Apa-apa perkara – jikalau ada apa-apa yang tidak dijangka dan saya sendiri tidak percaya ini akan terjadilah, tetapi di United Nations diketuai oleh Amerika Syarikat adalah pelan tindakan *navigating action*. Jikalau ada sesuatu yang betul sains tidak

dapat menerapinya ada langkah-langkah *standing*, amaran dan semuanya ada di *office outer space in United Nations*. Terima kasih.

8. Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah tahap kesedaran dan tanggungjawab pemandu kenderaan berat seperti bas, treler dan lori di negara kita ini berbanding dengan negara-negara lain. Pernahkah kementerian membuat *survey* atau kajian untuk perbandingan demi meningkatkan lagi mutu ujian bagi kecekapan dan tanggungjawab pemandu-pemandu yang kenderaan merbahaya ini sebelum lesen diberi kepada mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada kajian dijalankan secara spesifik bagi menentukan tahap kesedaran dan tanggungjawab bagi pemandu kenderaan berat yang melibatkan lori, bas dan treler. Namun begitu, kerajaan sentiasa mengkaji sistem dan kaedah latihan yang digunakan oleh institusi pemandu bagi melahirkan pemandu yang berhemah dan berdisiplin berasaskan tiga fokus utama, iaitu memastikan pemandu memiliki pengetahuan, memiliki kemahiran dan memiliki sikap dan sifat yang berhemah.

Kerajaan juga sentiasa bertindak tegas termasuk membatalkan lesen GDL atau PSV. Pemandu yang didapati melakukan kesalahan berulang bagi meningkatkan kesedaran pentingnya keselamatan di jalan raya. Selain daripada itu, kerajaan melalui agensi seperti JKGR, NKGR dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan pihak industri sentiasa menganjurkan Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya bagi meningkatkan kesedaran pemandu-pemandu terhadap peraturan lalu lintas. Antaranya, program '*respect your limit*' dengan izin yang dianjurkan dengan kerjasama PLUS Sdn. Bhd. yang memberikan fokus untuk meningkatkan kesedaran pemandu kenderaan berat. Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar iaitu langkah-langkah yang diambil sebelum ini mungkin tidak efektif. Mungkin perlu diubah caranya secara drastik, secara holistik supaya pemandu kenderaan berat khususnya lori, treler, bas yang kita dengar selalu. Apabila menjelang hari raya, selalu orang merai hari raya sambil juga terpaksa pergi kenduri kematian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Jadi soalan tambahan saya. Sedarkah kerajaan iaitu Operasi Sikap dan sebagainya itu harus dibubar sama sekali dan pemandu yang demikian itu diberi ujian yang sebenar-benarnya mengikut universal standard. Terima kasih, dengan izin.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya pernah menjadi Timbalan Menteri di kementerian ini, tetapi saya sudah berlalu

setahun lepas. Jadi saya akan jawab secara bertulis kerana pegawai-pegawai ada mengambil catatan soalan Yang Berhormat.

■ 1110

9. Datuk Maijol Mahap minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kenapakah harga rumah di bandar-bandar di Malaysia seperti di Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu semakin tinggi mendadak yang mana tidak mungkin rakyat, terutamanya mereka yang baru mula bekerja selepas menghabiskan pengajian tinggi, untuk membelinya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kenaikan harga rumah terutamanya di kawasan Lembah Kelang dan juga Kota Kinabalu ditentukan oleh beberapa faktor iaitu:

- (i) penawaran dan permintaan. Harga rumah akan meningkat apabila permintaan terhadap rumah di satu kawasan adalah lebih tinggi daripada penawaran. Walau bagaimanapun jika harga rumah meningkat terlalu tinggi dan keupayaan pembeli adalah rendah ada kemungkinan harga rumah tersebut akan menurun ke paras harga yang berpatutan dan oleh kerana tidak dapat pembeli yang mampu untuk membelinya;
- (ii) lokasi rumah yang berdekatan dengan kemudahan awam, kawasan komersial dan pusat bandar serta mempunyai kemudahan capaian yang tinggi juga merupakan faktor kenaikan harga rumah;
- (iii) harga tanah, faktor kekurangan tanah telah menyebabkan nilai tanah berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Selain daripada itu kawasan-kawasan terutama sekali seperti segi tiga emas di Kuala Lumpur dan juga mempunyai nilai tanah yang tinggi dianggarkan sebanyak RM2,000 untuk setiap kaki persegi;
- (iv) kenaikan harga bahan pembinaan merupakan kos-kos tambahan yang diserapkan dalam harga rumah menyebabkan kenaikan harga yang mendadak; dan
- (v) kenaikan kos bagi upah pekerja seperti kesukaran untuk mendapatkan tenaga buruh mahir merupakan satu lagi faktor kenaikan harga rumah. Kerajaan sememangnya prihatin akan kesukaran yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali golongan pembeli baru termasuk yang baru bekerja yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah.

Dalam hubungan ini kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku yang dilaksanakan oleh Cergas Berhad yang menawarkan jaminan kerajaan ke atas pembayaran

pendahuluan sebanyak 10% bagi harga rumah di bawah RM300,000 amaun yang telah dipinda sebelum ini RM220,000. Ini bermakna melalui skim ini ia akan membolehkan pembeli rumah mendapat pinjaman 100% tanpa perlu mengeluarkan 10% wang pendahuluan seperti yang diamalkan sebelum ini. Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jikalau harga rumah itu dipengaruhi oleh *lob supply and demand*, iaitu faktor pengeluaran dan permintaan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kenapakah kerajaan tidak mengalak atau mewajibkan pengusaha-pengusaha dan pemaju-pemaju rumah untuk membina lebih banyak rumah di kawasan tempat-tempat yang tertentu untuk menaikkan lagi pengeluaran (*supply*).

Kedua ialah, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan harga syiling - *shilling price*, dengan izin pada setiap jenis rumah di negara kita ini supaya pihak pemaju tidak dengan sewenang-wenangnya menetapkan harga rumah mengikut kemahuan mereka sendiri seperti mana diamalkan oleh mereka sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagai pemaju sudah tentunya mereka akan mencari lokasi yang mempunyai permintaan tinggi kerana ia juga menghadapi risiko agak tinggi kalau sekiranya mereka membina rumah-rumah itu di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya yang beraspal, tenaga elektrik, air dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada pembinaan rumah-rumah kos rendah di kawasan luar bandar adalah sebahagian daripada tanggungjawab ataupun *responsibility* kerajaan. Jadi saya kira soalan Yang Berhormat untuk kita meminta supaya pihak swasta untuk membina di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai permintaan tidak ada siapa pemaju yang ingin membina.

Bagi soalan yang kedua tentang menetapkan harga syiling bagi rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta kita tidak mempunyai cadangan pada masa kini tetapi kita juga, kementerian sedia mengawal ataupun membincangkan tentang harga-harga sebagaimana jawapan saya tadi kalau mereka juga memberikan harga yang terlalu mahal sudah tentu tidak ada pembeli yang mampu. Jadi ini kita akan berbincang dengan pihak pemaju, hanya kerajaan mengawal rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan, itu sahaja. Dengan harga di Semenanjung RM35,000 satu unit sementara di Sabah dan Sarawak RM42,000. Itu yang boleh dikawal oleh kerajaan pada masa kini. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan peluang ini. Ingin saya tanyakan kepada pihak kementerian dalam urusan pembinaan rumah memanglah penawaran dan permintaan adalah hal yang penting, tetapi jauh lebih penting adalah kemampuan kepada pembeli yang terdesak. Jadi saya inginkan kepastian dari pihak kementerian sebagai satu kerajaan yang prihatin berapa banyak bilangan rumah yang telah dibina dalam Skim Rumah Pertamaku yang disebutkan tadi di kawasan bandar besar ini ataupun pinggir bandar dan

juga, adakah apa-apa skim yang lain yang tidak disebutkan tadi yang boleh membantu pembeli yang terdesak ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Skim Rumah Pertamaku ini adalah terbuka kepada rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta iaitu tidak lebih daripada RM300,000 seunit. Jadi mana-mana rumah yang dibina dengan harga yang tidak lebih daripada RM300,000 dan orang ataupun generasi muda yang pertama kali untuk memiliki rumah, maka mereka layak untuk mendapatkan skim ini. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Banyak kali baru dapat hendak tanya. Soalan tambahan saya mengenai Skim Rumah Pertamaku melalui Cagamas, Bajet 2011. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah tidak membebankan kepada pembeli golongan muda ini kalau RM30,000 itu jaminan kerajaan tetapi kena bayar juga? Bagaimana mereka hendak bayar? Baki pinjaman 100% itu RM270,000 kena bayar RM3,500 atau RM4,000 sebulan. Bagaimana mereka hendak hidup kalau pendapatan RM3,000 sebulan? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Untuk makluman Yang Berhormat kita pun sedang – walaupun skim ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2011, tetapi kita sedang mengkaji secara mendalam tentang kaedah untuk kita bagi meringankan lagi beban pembeli-pembeli ini. Memang benar seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat, saya kira pun saya berbincang dengan pegawai-pegawai tadi bahawa kalau skim ini kita kata kita bagi 10%. Pada saya, saya fikir kita hanya bayar RM270,000 tetapi sebenarnya kita kena bayar 100%. Cuma pembeli yang pertama ini tidak perlu memikirkan untuk mencari 10% *down payment* untuk memiliki rumah itu sahaja. Jadi semuanya akan dibayar oleh pembeli. Terima kasih.

10. **Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah** minta Menteri Kesihatan menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan kematian yang disebabkan oleh jangkitan kuman kencing tikus atau '*leptospirosis*'; dan
- (b) apakah kaedah bagi mengawal penyakit yang boleh membawa maut ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menghapuskan bilangan tikus yang semakin banyak terutama di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod kemasukan ke hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan kes kematian disebabkan oleh penyakit '*leptospirosis*' bagi tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 adalah masing-masing 22, 22, 47 dan 62 kes. Penyakit '*leptospirosis*' ini

berpunca daripada pendedahan kepada air ataupun tanah yang tercemar oleh *urine* haiwan yang mengandungi bakteria '*leptospira*.'

Justeru kaedah utama untuk mengawal penyakit '*leptospirosis*' ini adalah dengan memastikan kebersihan persekitaran supaya ia tidak menarik kedatangan haiwan perumah bakteria '*leptospira*' seperti tikus. Di samping itu rawatan awal dengan antibiotik sedia ada boleh menyembuhkan penyakit dan mengelakkan kematian. Oleh itu pihak kementerian sentiasa berusaha mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit tersebut melalui Kempen Pendidikan Kesihatan, hebahan di dalam media serta menyediakan maklumat berkaitan di laman sesawang kementerian yang boleh dicapai oleh orang awam.

Pihak kementerian juga telah memasukkan penyakit '*leptospirosis*' di dalam senarai penyakit yang perlu dilaporkan menurut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) ataupun APPPB 1988.

■1120

Langkah ini bertujuan untuk membolehkan kementerian mengetahui beban sebenar jangkitan tersebut serta mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit yang lebih berkesan. Perlu ditegaskan populasi tikus di sesuatu kawasan yang meningkatkan risiko jangkitan leptospirosis sangat berkait dengan kebersihan persekitaran. Justeru itu, orang ramai perlu sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sama ada di rumah ataupun di tempat awam.

Di samping itu, kerjasama pelbagai pihak termasuklah pihak berkuasa tempatan juga penting bagi memastikan kebersihan persekitaran melalui aktiviti pengurusan sisa makanan dan sampah-sarap yang sempurna serta penyelenggaraan sistem perparitan yang lebih teratur, juga dapat membantu dalam mengawal bilangan tikus di sesuatu kawasan dan seterusnya mengurangkan risiko jangkitan penyakit berkenaan. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan angka yang diberikan oleh Timbalan Menteri, ia meningkat setiap tahun. Saya nampak kerajaan dan juga PBT tidak begitu serius mengendalikan masalah ini dengan kehadiran tikus di merata-rata tempat. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke mana-mana restoran yang bertaraf...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan, ya. Tidak perlu 'kalau'. Soalan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ada tikus di merata-rata tempat. Mengapakah kerajaan masih tidak mengambil tindakan secara keseluruhan dalam penghapusan tikus-tikus ini? Lagipun, adakah binatang-binatang peliharaan juga boleh dijangkiti penyakit kencing tikus atau leptospirosis? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang pelbagai haiwan domestik dan liar boleh dijangkiti dan juga menjadi perumah kepada bakteria *leptospira* seperti tikus, kucing, anjing, lembu, kambing, babi, kuda dan haiwan-haiwan liar yang lain. Namun

begitu, tikus dan lembu merupakan antara perumah yang utama Yang Berhormat. Jadi, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat tadi, saya ingin tegaskan lagi bahawa jangkitan leptospirosis sangat berkaitan dengan tahap kebersihan persekitaran. Persekitaran yang kotor mengundang kehadiran perumah haiwan dan meningkatkan risiko jangkitan, Yang Berhormat. Oleh itu, masyarakat diseru untuk sentiasa mengamalkan kebersihan dan tidak membuang sampah.

Jadi, ini – *This is a community responsibility*, dengan izin Yang Berhormat. Namun, pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dan telah menjalankan beberapa langkah pencegahan serta kawalan. Pertamanya adalah meningkatkan kesedaran mengenai penyakit tersebut melalui hebahan di media-media cetak dan elektronik seperti yang dilakukan pada masa kini, Yang Berhormat. Di samping itu, kita juga menjalankan kempen pendidikan dan seterusnya bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain termasuklah PBT dan juga Jabatan PERHILITAN untuk kawasan-kawasan rekreasi, Yang Berhormat.

Jadi, sekali lagi saya tegaskan apa Yang Berhormat mengatakan mengapa kerajaan tidak melakukan tindakan menyeluruh. Pada saya kita telah melakukan tindakan menyeluruh, Yang Berhormat. Apa yang penting adalah kesedaran orang ramai mengenai tahap kebersihan terutama sekali premis-premis. Di peringkat Kementerian Kesihatan sendiri kita telah mengenakan kompaun yang banyak terhadap *premises* yang gagal mengendalikan *premises* perniagaan mereka dengan bersih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga kerjasama yang dijalankan di antara Kementerian Kesihatan dan PBT sentiasa dipantau dengan melalui lawatan-lawatan secara mengejut pada *premises* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

11. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan pengiktirafan tambahan yang boleh diberi oleh kerajaan kepada atlet-atlet yang bertaraf dunia seperti Sazali Abdul Samad yang pernah merangkul gelaran Mr. Universe sebanyak 6 kali, Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Senator kerana telah menyebut beberapa orang ikon ataupun wira dan wirawati sukan negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan imbuhan tunai melalui skim hadiah kemenangan atlet Majlis Sukan Negara berdasarkan kelayakan mengikut taraf kejohanan dunia yang disertai.

Selain itu, kementerian turut menyediakan beberapa insentif tambahan sekiranya atlet tersebut berjaya mencatatkan kejayaan yang luar biasa. Contohnya, Datuk Nicol David telah diberikan pertimbangan khas berjumlah RM200,000 kerana memenangi Kejohanan Terbuka Dunia di Hong Kong buat pertama kalinya pada tahun 2005. Selain itu, insentif khas sebanyak RM50,000 juga telah diberikan kepada beliau kerana berjaya menjuarai 10 kejohanan berturut iaitu 53 perlawanan tanpa kalah dan mengekalkan status pemain nombor satu dunia selama 31 bulan pada tempoh Ogos 2006 sehingga Mac 2009.

Sebagai mengiktiraf sumbangan atlet-atlet yang berjaya mengharumkan nama baik negara di peringkat yang tertinggi, kementerian juga telah menamakan *venue*, dengan izin, gelanggang atau tempat latihan sukan atas nama atlet tersebut seperti mana yang dilaksanakan ketika ini ialah Arena Nicol David di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil dan Gelanggang Mokhtar Dahari di Kompleks Futsal Putrajaya. Atlet-atlet ini juga akan dicalonkan bagi memperoleh pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada atlet menerusi Anugerah Sukan Negara iaitu Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan yang akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atlet yang unggul dan ternama meraih kejayaan dengan pengorbanan yang besar dan titik peluh yang tidak terhingga demi untuk menaikkan imej negara. Adakah kerajaan menimbang untuk memberikan sesuatu insentif yang *perpetual* ataupun berkekalan sepanjang hayat? Umpamanya faedah rawatan rumah sakit sepanjang hayat untuk dia dan keluarga ataupun biasiswa untuk anak-anak melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap universiti dan juga pelbagai lagi terutamanya kepada atlet-atlet terunggul yang mana bidang sukan itu tidak terlalu glamor. Apabila tidak glamor, pendapatannya tidaklah banyak. Umpamanya yang saya sebutkan di sini ialah Mr. Universe...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup sudah Yang Berhormat. Sudah dua kali 'umpamanya, ya. [*Ketawa*]

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas soalan tambahan yang dibawa oleh Dato' Senator yang begitu prihatin atas kerjaya ataupun kebajikan atlet-atlet negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa daripada segi kebajikan ataupun insentif tambahan yang telah disalurkan kepada atlet-atlet kita termasuklah sumbangan ataupun program-program kebajikan yang disediakan oleh Yayasan Kebajikan Atlet (YAKEB).

Selain daripada itu, daripada segi kerjaya atlet-atlet negara kita adalah mustahak kita tidak meminggirkan mereka selepas mereka bersara atau pencen daripada bidang sukan masing-masing. Oleh sebab itu, program-program kejurulatihan telah diadakan untuk atlet-atlet negara kita termasuk juga program untuk menyerap mereka dalam JPA ataupun pasukan-pasukan ataupun badan-badan beruniform iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia, PDRM ataupun ATM juga telah diadakan.

Selain daripada itu, Majlis Sukan Negara juga telah sepanjang masa ini menyediakan latihan-latihan *soft skill*, dengan izin iaitu misalannya kelas-kelas komputer, kelas-kelas *English* dan juga program-program lain untuk membantu atlet-atlet negara kita bagi menyediakan mereka untuk masa depan. Begitu juga sekolah-sekolah sukan kita telah mengadakan program-program yang mana atlet-atlet negara kita sebaik sahaja mereka mempunyai tahap yang *basic* ataupun keputusan dalam pelajaran mereka bukan – misalannya di sekolah sukan, walaupun mereka tidak dapat beberapa 'A' untuk melanjutkan pelajaran mereka.

■1130

Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negara melalui sekolah sukan dan juga bantuan dari UPM, kita telah mengadakan program matrikulasi untuk membantu atlet-atlet negara kita dan juga untuk membenarkan mereka menjalankan kursus-kursus diploma dan ijazah di UPM. Setakat ini, kalau sejauh mana yang saya boleh ingat ialah seramai 87 orang atlet negara kita telah menjalankan program latihan ataupun pelajaran ijazah di UPM. Sekian.

12. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan pelajaran negara bagi mencapai Wawasan 2020 negara maju dan pembinaan negara bangsa dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu penyata pelajaran bagi matlamat tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan perancangan pelajaran negara dirancang dengan baik, bagi menyokong mencapai sasaran dasar Wawasan 2020. Melalui pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, salah satu inisiatif penting adalah untuk mencapai negara maju dan pembinaan negara bangsa. Sehubungan itu, KPM telah memberi fokus utama kepada setiap teras yang terdapat dalam PIPP supaya semua warga pendidik dapat memberi tumpuan yang sama kepada pelaksanaan seperti yang terkandung dalam teras tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada masa ini, KPM sedang merangka Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan bagi tahun 2011 hingga tahun 2020 sebagai kesinambungan PIPP yang akan tamat pada akhir tahun ini. Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan 2011-2020 akan memastikan perancangan pendidikan yang mantap dengan melaksanakan pembaharuan dan lonjakan bagi mencapai Wawasan 2020. Beberapa inisiatif telah dicadangkan seperti memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuhkan bahasa Inggeris, pendidikan awal kanak-kanak, mengarusperdanakan VOTEK, Dasar 1 Murid 1 Sukan, pembelajaran maya, perkongsian pintar awam-swasta, komuniti dan ibu bapa, serta inovasi dan kreativiti untuk menjadikan pendidikan negara relevan.

Dengan demikian, perancangan pendidikan ini dapat memacu modal insan yang menguasai ilmu dan kemahiran tinggi, menjunjung nilai budaya bangsa, memiliki semangat patriotisme yang utuh, dan mempunyai daya saing yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma saya hendak beri satu sahaja soalan tambahan yang terakhir. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pelbagai subjek diberikan penekanan seperti subjek Sejarah,

subjek Agama, subjek Vokasional, subjek Pendidikan Seksualiti, subjek Bahasa Inggeris, subjek Bahasa Malaysia dan sebagainya. Nampaknya makin banyak subjek-subjek ini baru diperkenalkan dan perlu diambil oleh pelajar, mungkin ini akan menambahkan beban kepada pelajar-pelajar. Jadi soalan tambahan saya, apakah bidang-bidang dan subjek-subjek yang menjadi fokus atau menjadi prioriti pihak kementerian dalam pembangunan pendidikan negara dalam menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebenarnya ramai yang mempunyai persepsi yang salah terhadap apa yang hendak dilakukan oleh kementerian. Saya memberi satu contoh di mana, kalau kita menyebut tentang subjek Sejarah. Dahulunya atau pada masa sekarang, kita memang ada subjek Kajian Tempatan dan mengandungi elemen sejarah. Sekarang apa yang hendak dilakukan ialah, secara khusus kita fokuskan komponen-komponen tersebut dengan mengemaskinikan kandungannya - itu yang pertama. Untuk mata pelajaran teras yang sedang diajar di peringkat sekolah menengah memang sudah ada, cuma sekarang hendak menjadikannya sebagai syarat wajib lulus. Saya rasa itu mungkin ada kecelaruan tentang perkara ini yang masih belum diterangkan.

Selepas itu, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tentang subjek-subjek tambahan ini. Sebenarnya, mungkin ada pihak yang salah anggap bahawa macam kononnya kita hendak memperkenalkan subjek Pendidikan Seksualiti. Tidak! Seperti mana yang telah dikatakan, subjek Pendidikan Kesihatan yang telah diajar sekarang - kita mengemaskinikan kandungannya dan elemen-elemen Pendidikan Kesihatan, Reproduksi dan Sosial akan dimasukkan. Kita buat secara berperingkat dan ia bukan semata-mata untuk hubungan seks. Banyak lagi yang terangkum dalam kandungan tersebut, termasuklah proses kedewasaan, bagaimana kita memberi pengukuhan terhadap institusi keluarga, kesemuanya dimasukkan.

Secara ringkasnya, ini semua telah terkandung dalam *syllabus* yang ada dan kita dari semasa ke semasa akan mengkaji semula kesesuaian kandungan tersebut dan kita hendak memasukkan elemen inovasi dan kreativiti dalam ini. Seperti mana saya jawab tadi, VOTEK akan diberi satu penekanan dan saya rasa ini adalah ke arah memartabatkan aliran VOTEK (Vokasional dan Teknikal) ini. Ini adalah bagi melahirkan mereka yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dalam pasaran. Itu tujuan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Demikianlah sudahnya jawapan lisan kita dan kita terus kepada acara seterusnya. Dipersilakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

11.37 pg.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat membentangkan Bajet 2011 di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya bajet ini digubal untuk membawa perubahan besar kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Transformasi ini dilaksanakan secara holistik meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik. Untuk itu, kerajaan telah berbincang dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak terdiri daripada sektor awam, sektor swasta, media massa, blog-blog serta sesi-sesi makmal.

Bajet 2011 merealisasikan agenda pembangunan negara untuk menjadi sebuah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Bajet ini merangkumi Gagasan 1Malaysia sebagai falsafah induk yang memandu hala tuju negara serta Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi peta panduan. GTP meliputi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara dan ETP memfokuskan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara. Model Baru Ekonomi dengan lapan inisiatif pembaharuan strategik telah digubal bagi mentransformasikan struktur ekonomi dan pentadbiran, untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11 akan menterjemahkan dasar dan strategi kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada suku ketiga tahun 2010, KDNK telah berkembang sebanyak 5.3%. Ekonomi negara telah berkembang pada kadar 8% bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2010, berbanding penguncupan 3.7% bagi tempoh sama tahun lalu. Penunjuk ekonomi utama menggambarkan pertumbuhan ekonomi terus kukuh, indeks komposit Bursa Malaysia melonjak kepada 1509.79 mata pada 13 Disember 2010. Hasil eksport meningkat sebanyak 18.1%, manakala pertumbuhan indeks pengeluaran perindustrian terus menokok 8.7% bagi sembilan bulan pertama tahun 2010. Rizab antarabangsa negara kekal tinggi berjumlah RM326.5 bilion pada 15 November 2010. Jumlah ini mampu membiayai 8.8 bilion import tertanggung dan 4.5 kali lebih tinggi daripada hutang jangka pendek. Dengan perkembangan positif ini, kerajaan yakin sasaran pertumbuhan sebanyak 7% bagi tahun 2010 dapat dicapai.

Bagi tahun 2011, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka sederhana sebanyak 4.2%, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah yang tidak menentu.

■1140

Perkembangan ini akan mempunyai impak ke atas pertumbuhan ekonomi negara, terutama dari segi permintaan terhadap eksport. Selaras dengan ini, ekonomi negara dijangka akan meningkat lima peratus hingga enam peratus pada tahun 2011. Untuk memastikan ekonomi negara terus kukuh dan mapan, kerajaan telah merangka berbagai-bagai langkah dasar seperti NEM, ETP dan GTP untuk mencergaskan pelaburan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berjaya mentransformasikan Malaysia menjadi di antara negara pengeksport barangan pembuatan besar di dunia. Cabaran hari ini adalah untuk membuat lonjakan seterusnya. Justeru bajet ini akan memberi tumpuan kepada usaha mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi, berpembangunan inklusif dengan pertumbuhan mapan diterajui sektor swasta, serta mendahulukan kesejahteraan rakyat. Bertemakan 'Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi', Bajet 2011 ini akan menumpukan kepada empat strategi utama berikut:

- (i) mendaya kembali pelaburan swasta;
- (ii) membangunkan modal insan;
- (iii) menyejahterakan hidup rakyat; dan
- (iv) memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Sejak krisis kewangan 1997-1998, kerajaan memainkan peranan yang signifikan dalam menjana ekonomi negara. Sudah tiba masanya sektor swasta kembali sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memberi penekanan kepada peranan sektor swasta dalam semua dasar dan strategi pembangunan negara.

Pada tahun 2011, kerajaan menganggarkan jumlah nilai semasa pelaburan swasta akan berkembang 12.5% kepada sebanyak RM86 bilion. Ini adalah berikutan permulaan pelaksanaan 12 NKEA dijangka menjana pelaburan bernilai lebih RM1.3 trilion atau USD444 bilion dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Daripada jumlah pelaburan ini, 92% akan dibiayai oleh sektor swasta dan bakinya oleh kerajaan.

Kerajaan akan mempergiatkan inisiatif projek perkongsian awam-swasta (PPP) bertujuan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam kegiatan ekonomi. Pelaksanaan projek PPP dengan peruntukan kerajaan yang disediakan sebagai *tipping point* untuk membangunkan infrastruktur sokongan bagi membolehkan projek swasta menjadi lebih berdaya maju. Bagi tahun 2011, sebanyak RM1 bilion disediakan daripada dana mudah cara. Di antara projek PPP yang akan dilaksanakan adalah pembinaan lebuh raya, loji jana kuasa, projek pembangunan hospital termasuk projek *Academic Medical Centre*.

Bagi mencergaskan pasaran modal domestik, kerajaan akan mengambil langkah liberalisasi antaranya syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), mengurangkan pegangan saham dalam syarikat utama di Bursa Malaysia, serta membenarkan mereka meningkatkan pelaburan di luar negara. Bursa Malaysia pula akan melancarkan sukuk dan bon konvensional untuk memenuhi permintaan pelabur runcit.

Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti akan menawarkan tiga lesen syarikat broker saham dan menambahkan bilangan *proprietary day traders* yang beroperasi di pasaran, serta memudahkan proses dan prosedur penyenaian syarikat dan produk terutamanya dana dagangan bursa.

Pasaran modal Islam akan terus diunggulkan dan untuk tujuan ini, usaha Malaysia akan membangunkan *international board* bagi membolehkan penyenaian saham asing termasuk produk patuh syariah. Bagi terus menggalakkan inovasi dalam produk sekuriti Islam, kerajaan mencadangkan perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti Islam yang menggunakan prinsip *murabahah* dan prinsip *al-Bai' Bithaman Ajil* berasaskan *tawarruq* diberi potongan cukai.

Kerajaan juga mencadangkan sumbangan takaful bagi kredit eksport diberi potongan cukai dua kali.

Bagi menggalakkan industri modal teroka untuk menyokong sektor berteknologi tinggi seperti ICT, bioteknologi dan industri kreatif, kerajaan akan menyediakan pelbagai inisiatif seperti latihan peningkatan keusahawanan dan penubuhan dana permulaan perniagaan berjumlah RM200 juta yang akan dikendalikan oleh *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC). MTDC juga akan menganjurkan *International Venture Capital Symposium* pada tahun hadapan.

Bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan hartanah komersial, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera telah melancarkan Skim Amanah Hartanah Bumiputera bersaiz RM1 bilion dan patuh syariah pada 29 November 2010. Melalui skim ini, golongan bumiputera dapat melanggan dalam tabung pemilikan hartanah komersial kelas utama di Lembah Klang.

Untuk merancakkan aktiviti pasaran modal, kerajaan akan melancarkan dana pencen swasta pada tahun 2011. Dana ini akan memberi manfaat kepada pekerja sektor swasta dan mereka yang bekerja sendiri. Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 sedia ada bagi caruman pekerja kepada KWSP diperluaskan untuk meliputi caruman yang dibuat pada dana pencen swasta, termasuk caruman bagi mereka yang bekerja sendiri. Majikan juga akan diberi potongan cukai ke atas caruman yang dibuat bagi pihak pekerjaannya. Ini akan memberikan pilihan kepada rakyat bagi melabur untuk hari tua mereka.

Industri elektrik dan elektronik merupakan penyumbang terbesar hasil eksport negara iaitu sebanyak 41% atau RM228 bilion pada tahun 2009. Untuk mewujudkan syarikat E&E

tempatan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa, sebanyak RM858 juta akan disediakan bagi syarikat tempatan yang melabur dalam aktiviti E&E bernilai tambah tinggi.

Manakala sektor minyak, gas dan tenaga menyumbang 10.2% kepada KDNK dengan pendapatan eksport bernilai RM56 bilion pada tahun 2009. Untuk meningkatkan aktiviti hiliran di industri ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM146 juta bagi penyediaan infrastruktur sokongan. Antara projek akan dilaksanakan adalah pusat perkhidmatan dan peralatan minyak di Johor dan projek *regasification* di Melaka.

Kerajaan komited untuk memajukan teknologi hijau bagi menjamin kelestarian pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan terus menyediakan beberapa insentif antaranya:

- (i) taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi aktiviti penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015;
- (ii) pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012;
- (iii) pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada perdagangan sijil *Certified Emission Reductions* dilanjutkan sehingga tahun tafsiran 2012; dan
- (iv) pengecualian duti import sepenuhnya dan duti eksais 50% telah diberi kepada pemegang francais kereta hibrid sehingga 31 Disember 2010.

Bagi terus menggalakkan pemilikan kereta hibrid, pengecualian duti import dan duti eksais ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2011 dan sebagai galakan tambahan, duti eksais diberi pengecualian sepenuhnya. Galakan ini juga diperluaskan kepada kereta elektrik serta motosikal hibrid dan elektrik.

Malaysia komited untuk mengurangkan pengeluaran karbon intensiti bagi memelihara alam sekitar. Untuk tujuan ini kerajaan akan melaksanakan antara lain Program Adunan Biobahan Api dengan Diesel Petroleum (Program B-5) secara mandatori pada bulan Jun 2011. Di samping itu kerajaan akan melaksanakan mekanisme *feed-in tariff* di bawah Akta Tenaga Boleh Diperbaharui.

Dalam memajukan sektor pertanian, kerajaan memperuntukkan RM3.8 bilion bagi tahun 2011 supaya sektor ini menjadi lebih produktif dan menjana pulangan lumayan. Antara langkah yang diambil adalah, membangunkan zon akuakultur bersepadu di Sabah dan Sarawak; meningkatkan aktiviti pengeluaran padi; membantu petani untuk memasarkan hasil pertanian; menambah baik Kolej Pertanian di Kubang Pasu, Kedah; dan membina Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan di Semenyih, Selangor. Selain itu kerajaan juga akan melanjutkan galakan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi

syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama lima tahun lagi sehingga tahun 2015.

Industri pelancongan yang menjana hasil RM53 bilion pada tahun 2009 berpotensi untuk mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan serta meningkatkan pendapatan negara. Untuk merencanakan industri ini, kerajaan memperuntukkan RM235 juta untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membolehkan pembinaan hotel dan *resort* di kawasan pedalaman; membangunkan *resort* bersepadu *eco-nature* di Sabah; dan membina beberapa laluan pejalan kaki berbumbung di kawasan lingkaran KLCC-Bukit Bintang.

■1150

Kerajaan juga akan menyusun semula Jabatan Penerbangan Awam menjadi Lembaga Penerbangan Awam. Bagi menjadikan Malaysia destinasi utama membeli-belah di rantau Asia, dengan menawarkan barangan berjenama pada harga yang kompetitif. Kerajaan mencadangkan supaya duti import ke atas kira-kira 300 barangan kegemaran pelancong dan rakyat tempatan pada kadar 5% sehingga 30% dimansuhkan.

Hasil eksport minyak sawit berjumlah RM37 bilion, manakala produk berasaskan minyak sawit mencecah RM13 bilion pada tahun 2009. Bagi meningkatkan produktiviti industri minyak sawit, kerajaan akan menggalakkan penanaman semula pokok sawit lama dengan klon baru bermutu tinggi dengan peruntukan sebanyak RM297 juta. Selain itu untuk mengembangkan industri hiliran minyak sawit, sejumlah RM150 juta diagihkan bagi menyokong syarikat *oleo derivatives* tempatan serta industri pengeluaran vitamin.

Dalam meningkatkan potensi industri teknologi maklumat (ICT), *MY Creative Content Programme* akan dilaksanakan bagi menggalakkan pembangunan penciptaan dan *hosting* kandungan tempatan dengan peruntukan sebanyak RM119 juta. Di samping itu, kerajaan akan melanjutkan tempoh galakan elaun pelaburan kepada penyedia kemudahan sambungan terakhir perkhidmatan jalur lebar, dan melanjutkan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar selama dua tahun sehingga tahun 2012. Kerajaan juga mencadangkan pengecualian cukai jualan ke atas semua jenis telefon bimbit.

Industri kreatif mempunyai potensi besar untuk dimajukan lagi bagi menjana pendapatan negara. Industri ini meliputi animasi, pengiklanan, perfileman, seni reka fesyen, kraf dan warisan budaya. Untuk memanfaatkan potensi industri ini, kerajaan akan membangunkan Dasar Industri Kreatif secara bersepadu. Sejumlah RM200 juta disediakan untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan dokumentari keluaran tempatan yang berkualiti tinggi.

Kerajaan akan menggalakkan kegiatan industri membaik pulih dan menyelenggarakan kapal terbang serta helikopter di kawasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Untuk ini, sejumlah RM91 juta disediakan bagi pembangunan modal insan dalam industri perkhidmatan penyelenggaraan, baik pulih dan rombak rawat (MRO), program latihan

kejuruteraan *aerospace* dan *aeronautical*, serta promosi perkhidmatan penyumberan luar negeri.

Selanjutnya, untuk melonjak ekonomi ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi, aktiviti penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan akan dijadikan landasan peningkatan aktiviti nilai ditambah dalam setiap bidang ekonomi dengan bajet sebanyak RM411 juta.

Selain itu, kerajaan telah menubuhkan Unit Inovasi Khas (UNIK) di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai pusat sehati untuk merangka dasar dan strategi bagi menyediakan ekosistem kondusif. Satu akta akan digubal untuk membolehkan UNIK mengkomersialkan hasil penemuan R&D oleh universiti dan institusi pendidikan. Bagi tahun 2011, UNIK diperuntukkan sebanyak RM71 juta.

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan negara dengan memantapkan kutipan hasil dan memastikan perbelanjaan secara berkhemah. Ini termasuklah menekankan nilai untuk wang (*value for money*) dan pengurusan nilai (*value management*) secara menyeluruh. Bagi memantapkan kutipan hasil, kerajaan akan memperkukuhkan sistem kutipan cukai dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan, serta memperluaskan liputan ke atas semua pihak yang sepatutnya membayar cukai. Untuk menambah hasil kerajaan, dicadangkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan 1% kepada 6%. Kenaikan ini adalah kecil dan tidak akan membebankan rakyat. Kerajaan juga mencadangkan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan penyiaran TV berbayar.

Tuan Yang di-Pertua. Modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif dan inovatif adalah prasyarat bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Oleh itu, aspek pendidikan dan latihan akan disusun semula dan dikukuhkan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM29.3 bilion disediakan untuk Kementerian Pelajaran, RM10.2 bilion untuk Kementerian Pengajian Tinggi; dan RM627 juta untuk Kementerian Sumber Manusia bagi perbelanjaan mengurus.

Talent Corporation telah dilancarkan pada 6 Disember 2010, dan akan mula beroperasi pada 1 Januari 2011 untuk menarik, memotivasikan dan mengekalkan modal insan yang berkemahiran dari dalam dan luar negara. *Talent Corporation* akan menggubal *National Talent Blueprint*, dan membangunkan pangkalan data tenaga kerja berkepakaran, serta menjalin kerjasama dengan jaringan bakat di seluruh dunia.

Sistem pendidikan negara akan memberi penekanan kepada daya pemikiran, sahsiah diri dan daya saing. Untuk Kementerian Pelajaran, peruntukan pembangunan sebanyak RM6.4 bilion disediakan bagi membina kemudahan pendidikan serta memartabatkan profesion guru. Sejumlah RM213 juta diperuntukkan sebagai ganjaran kepada sekolah berprestasi tinggi, serta imbuhan kepada pengetua atau guru besar dan guru cemerlang. Kerajaan juga akan meningkatkan kadar *enrolment* prasekolah dengan sasaran 72% menjelang tahun 2011, melalui

penambahan 1,700 kelas pementapan kurikulum serta pelantikan 800 orang guru prasekolah lepasan ijazah.

Bagi memantapkan bidang pendidikan rendah dan menengah, kerajaan akan mengambil pelbagai langkah, seperti menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM250 juta untuk pelbagai jenis sekolah bantuan modal dan jenis kebangsaan seluruh negara. Manakala sebanyak RM95 juta lagi sebagai bantuan untuk sekolah agama rakyat. Kerajaan turut menyediakan RM576 juta dalam bentuk biasiswa kepada guru yang ingin melanjutkan pengajian. Di samping itu, RM213 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, serta memperkemaskan kurikulum *standard* sekolah rendah dan mengambil guru penutur jati untuk meningkatkan pengajaran bahasa Inggeris.

Bagi memperkasakan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia, kerajaan akan menambah peratusan staf akademik berkelulusan PhD kepada 75% bagi universiti penyelidikan, dan 60% bagi IPTA lain dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Selain itu, pensyarah di IPTA boleh diberi pertimbangan kenaikan pangkat ke peringkat tertinggi - Gred Turus III, II dan I serta dianugerahkan sebagai Profesor Ulung tanpa memegang jawatan pentadbiran.

Bagi mempergiatkan lagi *Industrial Skills Enhancement Programme* di pusat latihan kemahiran negeri, sebanyak RM60 juta disediakan. Program ini akan meningkatkan kemahiran graduan kejuruteraan dan pekerja teknikal selaras dengan keperluan pasaran. Di samping itu, sejumlah RM220 juta turut disediakan bagi memastikan siswazah jurusan lain dapat mengembangkan kompetensi dan kebolehpasaran mereka. Antaranya melalui program pentauliahan profesional, pembangunan sukan, pembangunan keusahawanan dan skim pengurusan kebolehpasaran siswazah. Selain itu, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada *Multimedia Development Corporation* untuk melatih graduan dalam bidang ICT.

Negara memerlukan modal insan yang sentiasa menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru (*upskilling and reskilling*). Bagi tujuan ini, Program Latihan 1Malaysia akan dilaksanakan mulai bulan Januari 2011 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Program latihan ini mempunyai tiga komponen iaitu:

- (i) sejumlah RM200 juta diperuntukkan bagi latihan sambilan di sebelah malam dan di hujung minggu yang akan dikendalikan oleh kolej komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara, pusat GIATMARA dan Institut Latihan Perindustrian di seluruh negara. Antara kursus yang ditawarkan adalah pelbagai kursus bahasa, kelas muzik, kelas *baking*, kelas menjahit, kelas spa, kelas mekanik, kelas elektrik dan kelas kimpalan;
- (ii) latihan kursus untuk pekerja melalui pembiayaan sebanyak RM200 juta dari Tabung Pembangunan Sumber Manusia; dan

- (iii) program latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja dalam pelbagai bidang teknikal, dan peruntukan sejumlah RM100 juta daripada Kementerian Sumber Manusia akan disediakan.

■1200

Selaras dengan peningkatan produktiviti, golongan pekerja seharusnya mendapat upah dan ganjaran yang lebih tinggi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Untuk itu, Majlis Konsultasi Gaji Negara akan ditubuhkan sebagai platform utama dalam penetapan upah. Kadar dan mekanisme penetapan gaji minimum akan ditentukan oleh Majlis Konsultasi Gaji Negara. Majlis ini akan diwakili oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi Kerajaan, akademia, NGO dan individu. Sekretariat bagi majlis ini adalah Kementerian Sumber Manusia.

Bagi mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara serta meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang keusahawanan, kerajaan memperuntukkan RM30 juta. Antaranya memperkenalkan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal dan mengadakan Anugerah Perdana Usahawan dan Tokoh Aktivistik Wanita bersempena Hari Wanita mulai tahun 2011.

Bagi membantu golongan wanita yang tidak berkemampuan mendapat perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti bagi anak-anak mereka, kerajaan akan menyediakan dan menjenamakan semula 40 buah TASKA 1Malaysia, dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi menambah baik kemudahan cuti bersalin kepada penjawat awam wanita, kerajaan memberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh cuti bersalin bergaji penuh, tidak melebihi 90 hari berbanding 60 hari pada masa ini. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada kelayakan keseluruhan bilangan cuti bersalin sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM365 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk pembangunan dan mengurus aktiviti sukan, bagi tujuan melahirkan atlet yang berdaya saing. Bagi memajukan sukan bola sepak, kerajaan akan menubuhkan Akademi Bola Sepak, di Pahang, dengan peruntukan RM20.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab utama kerajaan adalah untuk memartabatkan kehidupan rakyat. Dalam usaha menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memantapkan pembangunan sosioekonomi secara *inclusive*. Ini penting bagi menghasilkan kemajuan yang lebih seimbang dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik.

Tumpuan akan terus diberikan untuk memastikan kebajikan golongan yang kurang bernasib baik terpelihara. Kerajaan memperuntukkan RM1.2 bilion ringgit kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjalankan pelbagai program

kebajikan dan kemasyarakatan. Antara program disediakan adalah bantuan kebajikan kepada warga emas, kanak-kanak dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Di samping itu pengecualian duti eksais ke atas pembelian kenderaan nasional oleh OKU dinaikkan kepada 100%. Kerajaan juga akan meneruskan pemberian rebat, bayaran bil elektrik bagi penggunaan bawah RM20 untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Bagi terus membantu meringankan kos membiayai perbelanjaan penjagaan ibu bapa, kerajaan mencadangkan pelepasan cukai sehingga RM5,000 yang sedia ada diperluaskan bagi meliputi perbelanjaan lain. Seperti bayaran menghantar ibu bapa ke rumah jagaan harian, bayaran menggaji pembantu khusus menjaga ibu bapa dan perbelanjaan keperluan harian mereka yang lain seperti lampin pakai buang.

Bagi meningkatkan pemilikan rumah terutamanya untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah, sejumlah RM568 juta disediakan di bawah Projek Bantuan Perumahan Bandar, Program Perumahan Rakyat dan Projek Bantuan Sewa Rumah. Selain itu, bagi membantu golongan pekerja estet memiliki rumah, kerajaan akan menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah dengan peruntukan RM50 juta dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional.

Bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan kurang daripada RM3 ribu sebulan untuk memiliki rumah, kerajaan akan memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku melalui Cagamas, yang akan menawarkan jaminan kerajaan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10% bagi harga rumah di bawah RM300,000. Pembeli rumah pertama juga akan diberi pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara pindah milik, sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM350,000.

Kerajaan juga mencadangkan pengecualian duti setem sebanyak 50% diberi ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi membiayai pembelian rumah pertama tersebut. Kerajaan komited meneruskan usaha pembangunan kawasan luar bandar sekalipun hampir 60% penduduk Malaysia kini tinggal di kawasan bandar. Sejumlah RM6.9 bilion disediakan untuk pelaksanaan infrastruktur asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar. Antara program yang akan dilaksanakan adalah:-

- (i) membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak;
- (ii) menyediakan bekalan air dan elektrik luar bandar di seluruh negara;
- (iii) melaksanakan Program Bantuan Rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar; dan
- (iv) menyediakan unit khas bergerak Jabatan Pendaftaran Negara.

Kerajaan memperuntukkan RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi serta RM270 juta untuk insentif pengeluaran dan pendapatan hasil padi. Kerajaan juga menyediakan sejumlah RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan nelayan serta pemilik dan pekerja bot untuk meningkatkan hasil tangkapan.

Kerajaan juga akan mewujudkan portal interaktif “1Malaysia Pengguna Bijak” bagi memudahkan pengguna mendapatkan barangan pada harga yang kompetitif. Untuk mengukuhkan sektor pemborongan dan peruncitan, satu Program Transformasi Kedai Runcit, Bengkel Automatif serta Projek Pasar Komuniti akan diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM73 juta. Kerajaan akan terus melaksanakan Program Penyelenggaraan Aset Awam atau lebih dikenali sebagai PIA/PIAS dengan peruntukan RM500 juta bagi membantu golongan kontraktor kelas F.

Antara aktiviti yang terlibat ialah membaik pulih dan menaik taraf kemudahan awam dan infrastruktur asas. Kerajaan menyanjung tinggi jasa golongan pemimpin masyarakat di peringkat kampung dan untuk menghargai peranan mereka, kerajaan akan menaikkan elaun bulanan pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan Persekutuan, Tok Batin, Pengerusi JKK Orang Asli dan Pengerusi Kampung Baru kepada RM800 sebulan.

Kerajaan juga akan memberikan elaun bulanan sebanyak RM800 kepada Pengerusi Jawatankuasa Kampung Baru Rangkaian dan Pengerusi Jawatankuasa Kampung Bagan. Menaikkan elaun kehadiran mesyuarat kepada semua ahli jawatankuasa kepada RM50 dan menaikkan elaun bulanan imam kepada RM750 dan imbuhan bulanan guru KAFA kepada RM800 berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli dan peribumi, sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program termasuk menyelesaikan isu pegangan hak milik tanah dan persempadanan, penempatan Orang Asli serta membangunkan model baru pembangunan Orang Asli. Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan disusun semula dan diperkukuhkan sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Kerajaan amat prihatin terhadap rakyat yang terpaksa menanggung kos pengangkutan yang semakin tinggi dan semakin meningkat. Untuk itu, kerajaan telah mengumumkan pada 15 Oktober yang lalu bahawa kadar tol di empat lebuh raya milik PLUS Ekspres Way Berhad tidak akan dinaikkan bagi tempoh lima tahun akan datang. Bagi memastikan akses kepada kesihatan berkualiti dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat, sejumlah RM15.2 bilion diperuntukkan untuk membina hospital baru, menambah bilangan doktor dan jururawat serta mendapatkan bilangan ubat dan peralatan perubatan.

Kerajaan juga akan menambah lagi sebanyak 25 buah Klinik 1Malaysia. Bagi meningkatkan persekitaran yang selamat, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM350 juta untuk melaksanakan pelbagai program termasuk program membanteras jenayah pecah rumah, kecurian motosikal dan kereta serta menjalankan Program Bandar Selamat dan Program Skim Rondaan Sukarela terutamanya di kawasan berisiko tinggi.

Di samping itu, kerajaan akan menambah 25 mahkamah khas untuk mempercepatkan perbicaraan. Kerajaan mengiktiraf sumbangan berharga NGO dalam mengatasi gejala sosial, membantu golongan kurang bernasib baik dan menyediakan kemudahan perlindungan serta

menjalankan Program Latihan dan Penjanaaan Pendapatan. Sehubungan itu, kerajaan akan memperuntukkan RM70 juta bagi melaksanakan Program Bersepadu yang melibatkan NGO terpilih bersama agensi kerajaan, terutamanya di kawasan berisiko tinggi berlakunya jenayah supaya dapat dicegah lebih awal.

Bagi memulihara alam sekitar, sejumlah RM1.9 bilion disediakan. Antaranya untuk melaksanakan Program Sungai Nadi Kehidupan dan Menghijaukan Kuala Lumpur, kerajaan juga akan menjalankan usaha untuk memelihara sumber marin dan persisiran, antaranya di Melaka, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengemudi Malaysia menjadi negara maju, kerajaan yang kini mempunyai 1.2 juta penjawat awam perlu mengoptimumkan sistem penyampaian kerajaan di mana penambahbaikan sentiasa wajar dilakukan untuk mempertingkatkan produktiviti negara. Bagi mempermudah sektor swasta berurusan dengan agensi kerajaan, langkah berikut telah diambil. Di antaranya ialah memperkenalkan inisiatif MyCoID ke agensi-agensi dan kementerian lain, memperkenalkan sistem pemarkahan untuk memudahkan permohonan taraf penduduk tetap dan mempercepatkan proses pendaftaran hartanah kepada satu hari sahaja dengan meminda Akta Setem 1949.

Dalam usaha menyediakan kerangka penilaian prestasi penjawat awam yang lebih berkesan, relevan dan menyeluruh serta mengambil kira maklum balas pada penjawat awam, kerajaan bersetuju memansuhkan sistem Penilaian Tahap Kecekapan atau PTK dan diganti dengan satu sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik oleh penjawat awam menjelang tahun 2011.

Kerajaan sentiasa menghargai sumbangan penjawat awam yang memberi komitmen penuh dalam menjayakan inisiatif kerajaan. Kerajaan telah memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM500 pada 1 Disember 2010 bagi membantu penjawat awam dalam perbelanjaan persiapan sekolah. Selain itu, kadar bantuan mengurus jenazah akan dinaikkan kepada RM3000. Bantuan ini juga akan dipanjangkan kepada pesara kerajaan.

Di samping itu, bagi memudahkan penjawat awam memiliki rumah serta membaiki syarat-syarat pinjaman perumahan, kerajaan akan membenarkan pembelian hartanah daripada ibu-bapa, anak dan adik-beradik. Bagi kerja-kerja tambahan rumah kos rendah untuk Kumpulan Sokongan II, kadar pinjaman akan digandakan kepada RM20,000. Selain itu, had kelayakan maksimum pinjaman perumahan dinaikkan kepada RM450,000. Kesemua langkah ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan strategi dan langkah yang telah dibentangkan, sejumlah RM212 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2011 iaitu 2.8% lebih tinggi berbanding peruntukan 2010. Daripada jumlah itu, RM162.8 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus. Manakala RM49.2 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan.

Di bawah peruntukan mengurus, RM45.6 bilion adalah bagi emolumen dan RM28.2 bilion disediakan bagi perkhidmatan dan bekalan. Manakala RM86.4 bilion diperuntukkan kepada pemberian dan pengenaan bayaran tetap. Sejumlah RM1.4 bilion disediakan untuk pembelian aset dan baki RM1.2 bilion untuk perbelanjaan lain. Bagi peruntukan pembangunan pula, sebanyak RM28.3 bilion disediakan bagi sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur, perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Sebanyak RM15.5 bilion diperuntukkan bagi sektor sosial termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat.

Seterusnya RM4.4 bilion diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan. RM955 juta bagi pentadbiran am dan RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Dengan mengambil kira anggaran hasil kerajaan persekutuan, jumlahnya dianggarkan meningkat 2.3% kepada RM165.8 bilion bagi tahun 2011. Defisit kerajaan persekutuan bagi tahun 2011 dijangka terus berkurangan kepada 5.4% daripada KDNK berbanding 5.6% pada tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2011 menyatupadukan semua dasar dan strategi kerajaan untuk melakukan transformasi total ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Transformasi akan dilaksanakan melalui pelaksanaan Gagasan 1Malaysia, Model Baru Ekonomi, GTP dan ETP. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat mesti memberi sokongan padu untuk merealisasikan inisiatif transformasi ini supaya negara terus makmur dan kesihatan rakyat terjamin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta salah seorang mohon memberi sokongan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah yang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum Yang Berhormat semua memulakan perbahasan, izinkan saya memberi sedikit sebanyak panduan kerana masa kita hanya ada tiga hari sahaja. Hari ini, esok dan lusa dan saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian. Bagi pembahas pertama dan kedua, saya beri masa 30 minit seorang. Selepas itu saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, kemukakan kepada saya, siapa yang nak berucap.

Seterusnya saya ingin juga memberi peringatan untuk bekerjasama dengan saya kerana masa itu amat terhad dan kedudukan untuk menentukan – saya cuba seboleh-bolehnya bersikap adil kepada semua dan bagi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat berucap. Masa berucap itu kalau boleh cubalah padat, tepat dan bernas. Kalau boleh elakkan meleret-leret dan

juga saya ingin menyatakan dalam Dewan ini, masa yang begitu suntuk. Semua Ahli Yang Berhormat adalah orang-orang yang berwibawa belaka. Cuba elakkan berpolitik yang tidak menentu. Ini masa kita serius untuk membahaskan daripada segi belanjawan. Sekian.

Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Datuk Akhbar bin Ali dan saya minta juga semua yang nak berucap itu bagi saya nota sedikit, senang saya nak atur. Saya akan bagi ruang kepada semua, yang boleh nanti. Sekian.

12.17 tgh.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang pertama untuk saya membahaskan dan menyokong Belanjawan 2011. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Kewangan Kedua kerana telah datang sendiri ke Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan Bajet 2011. Sebelum saya mulakan perbahasan saya, lebih kurang ada tujuh perkara hendak saya sentuh tetapi sebelum itu saya ingin mengingatkan diri saya bahawa di satu pihak, saya harus bercakap sebagai Yang Berhormat yang mewakili rakyat khususnya rakyat Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka kerana saya dilantik oleh Dewan.

Jadi saya wajar menyampaikan hasrat rakyat dan mungkin hasrat itu pula saya kena sedar, mungkin melebihi daripada apa yang termampu dipenuhi oleh kerajaan. Mungkin juga hasrat itu mungkin *in conflict* dengan izin, dengan hasrat rakyat Malaysia yang lain. Di pihak satu lagi, saya kena berusaha meletakkan dengan izin, *to put myself in the shoes of the government* supaya saya boleh faham masalah kekangan dan kemampuan yang ada pada kerajaan.

Contohnya saya kena faham bahawa di satu pihak, permintaan terlalu tinggi atau dipanggil *expansible demands* dengan izin tetapi sumber yang ada adalah terhad. Kerajaan pula kena memperhatikan dan menimbangkan sehalus-halusnya semua permintaan mengikut negeri, kaum, umur dan mengikut kelompok sosioekonomi dan ada masanya ianya sejajar dan ada masanya ianya mungkin *in conflict* dan perlu diharmonikan.

Jadi saya kena sedar ini semua apabila saya membahaskan Bajet 2011 ini. Pertama sekali saya ingin menyingkap semula apa yang pernah saya cakap di Dewan yang mulia ini sejak Disember 2008 dan saya ingin menarik perhatian Dewan, ada beberapa perkara atau ramalan yang saya buat di Dewan ini dan nampaknya betul.

■1220

Pertama, apabila dibahaskan tentang ekonomi tahun 2009. Menteri pada masa itu memberikan gambaran cukup *rosy* dengan izin, pada tahun 2009. Kalau kita ingat kawan-kawan, Datuk Gooi menarik perhatian Menteri bahawa kita tidak harus terus berada dalam sindrom *denial* iaitu menafikan kemungkinan bahawa ekonomi pada 2009 adalah teruk. Sesungguhnya ekonomi pada tahun 2009 adalah lebih teruk daripada apa yang cuba digambarkan oleh Menteri berkenaan pada Disember 2008 dan terbukti *quarter* pertama dan *quarter* kedua pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah negatif -6 dan -3.4 dengan izin.

Pada Disember 2009, Dato' Sri sendiri telah menyampaikan tentang ramalan ekonomi tahun 2009 yang diketahui pada awal 2010. Beliau agak konservatif pada masa itu meramalkan pertumbuhan ekonomi -3%, kalau Dato' Sri masih ingat. Itu adalah satu unjuran yang berhati-hati dan konservatif *to be on the safer side*. Akan tetapi saya ingin menyuntik sedikit semangat kepada kerajaan bahawa saya telah maklumkan bahawa walaupun pertumbuhan dijangka negatif tetapi dia lebih baik daripada yang diramalkan dan betul berlaku. Daripada -3 kepada -1.7 bagi tahun 2009.

Keduanya, saya juga telah menarik perhatian bahawa dalam persidangan bulan April 2009 apabila kita mendapat Perdana Menteri yang baru. Dia semacam memberikan suntikan semangat baru dengan aura yang baru. Saya telah *quotes* Lincoln pada masa itu bahawa saya menyamakan, pada hemat saya Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sama lebih kurang dengan Abraham Lincoln. Dari segi – tolong semak Hansard, "*Lincoln he has the gut to do the right thing against a great apposition.*" Sesungguhnya Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak cuba melakukan sesuatu yang betul tetapi beliau juga sedar dan diakui baru-baru ini menerima beberapa tentangan.

Namun demikian beliau terus mengemukakan empat tiang seri, *the four pillar*, 1Malaysia, GTP, ETP dan RMKe-10, *with a great apposition*. Saya juga katakan bahawa kita akan dapat merasakan bahawa Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai tali pengikat yang jauh ditarik dekat, yang dekat bertambah rapat, yang rapat semakin erat. Antara tidur dan jaga kita melihat tanpa sedar rupa-rupanya semakin banyak hati yang sudah terpicik. Justeru itu kita dapat lihat daripada *Survey Merdeka Centre* bahawa sokongan kepada beliau amat tinggi sekali, sekitar 70%. Namun demikian kita kena *mindful* bahawa sokongan kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tidak semestinya boleh *translate* kepada sokongan undi untuk kerajaan. Jadi kita kena kerja lebih kukuh lagi.

Seterusnya saya juga telah menarik perhatian bahawa dalam usaha memperkenalkan enam NKRA termasuk rasuah. Ini adalah satu usaha yang baik untuk menangani rasuah namun demikian saya menarik perhatian bahawa malangnya berlaku pendedahan masalah PKFZ. Dijangkakan bahawa terlalu besar liputan yang diberikan dan *Corruption Perception Index* (CPI) oleh *Transparency International* yang menumpukan kepada rasuah sektor awam. Maka pendedahan itu akan menyebabkan sedikit sebanyak ukuran rasuah akan bertambah buruk dan betul pun nampaknya CPI telah menurun dari 4.5 kepada 4.4. Walaupun turun 0.1 tetapi itu satu penurunan kerana satu mata kenaikan dari segi ukuran CPI telah dikira dan diterjemahkan kepada kenaikan 5% FDI bagi sesebuah negara.

Jadi kalau usaha kita untuk meningkatkan GNI per kapita atau GNI *per say* maka salah satu usaha mestilah membasmi rasuah. Yang Amat Berhormat telah memilih satu parameter yang tepat di dalam komposit NKRA iaitu rasuah. Seterusnya saya telah memberitahu bahawa jika dibandingkan antara Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada masa itu dengan

Brown semasa masih Perdana Menteri Britain. Nicolas Sarkozy masih Presiden Perancis pada masa ini dan juga Obama, Presiden Amerika. Obama walaupun dia popular semasa dipilih sebagai Presiden tetapi kerana tindakan beliau yang berunsur 'diod,' *one way traffic electricity from point of view, diode*.

Maka beliau telah mengalami masalah di Kongres dan diterjemahkan dengan kekalahan *Democrat Party*. Bila dibandingkan dengan Brown yang tidak mendengar cakap rakyat maka dia telah kalah dalam pilihan raya dan Sarkozy juga menghadapi masalah kerana beliau banyak mengumumkan projek-projek tetapi tidak dipantau. Ini berbeza dengan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Saya bercakap ini berdasarkan fakta bukan kita hendak puji tanpa fakta. Ini banyak statistik menunjukkan, apabila beliau memperkenalkan projek, satu kekuatan beliau memperkenalkan projek dan program ada mekanisme memantau.

Itu yang membuatkan beliau lebih kukuh lebih mantap daripada Sarkozy. Apabila beliau juga mendengar rintihan rakyat seperti Klinik 1Malaysia dan sebagainya maka beliau lebih baik daripada Obama yang *one way traffic*. Apabila beliau juga berusaha untuk *revive the economy* maka beliau bernasib lebih baik daripada Brown. Ini adalah fakta apabila kita membandingkan secara global di mana kedudukan kekuatan pemimpin kita. Supaya kita sedar dan insaf bahawa kita bernasib baik mempunyai pemimpin macam ini. Bukanlah anugerah Tuhan tetapi kita bernasib baik, kita ada pemimpin seperti ini.

Seterusnya saya katakan apabila berlaku letupan *volcano* yang besar di *island* pada tahun ini. Saya katakan akan berlaku *very bad winter this year* dan sesungguhnya ia berlaku sekarang. Jadi, saya minta kalau adalah sedikit-sedikit yang ingin saya perkatakan, marilah kita kongsi bersama sekurang-kurangnya melalui bajet ini. Pertama sekali saya ingin merakamkan di atas keupayaan kerajaan melihat senario apa yang boleh saya panggil dengan izin, '*hostile' geopolitical global economy environment*. Dalam merangka bajet ini, dalam konteks mencapai sasaran GNI per kapita sebanyak USD15,000 menjelang 2020, perlu bermula sekarang.

Dalam konteks *global economy*, dalam masa terdekat tahun 2011 seperti mana yang dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tadi. Sesungguhnya nampaknya menunjukkan lebih lemah daripada tahun ini. Sama ada kita ambil unjuran ADB, unjuran IMF unjuran OECD atau unjuran OPEC, semuanya menunjukkan satu trend iaitu lebih lemah. *World GDP economic growth*. Ada yang *quotes* tahun ini 4.4% ada *quotes* 3.6% dan pada tahun hadapan, sekitar 3.6% dan sebagainya. Ini adalah kerana ada dikotomi dalam ekonomi negara. Saya menarik ini kerana kita hendak memberikan penghargaan, bagaimana Bajet 2011 *is being crafted* untuk memastikan bahawa mengambil kira semua ini.

■ 1230

Dikotomi yang saya maksudkan tadi, di satu pihak kita ada *robust economy* dalam EM atau *emerging market*, China, India, Brazil dan sebagainya dan di satu pihak lagi kita ada 3B pasaran, *bumpy, below-par and brittle* di negara-negara maju yang mana disebabkan kombinasi

unemployment, kadar pengangguran yang tinggi sekitar 9% ke 10% di USA dan Euro Zone dan sehingga 18% ke 20% di Sepanyol.

Itu akan menjadikan *demand* domestik permintaan domestik lemah di negara-negara berkenaan dan akan menyebabkan eksport yang lemah di negara-negara seperti negara kita yang bergantung kepada eksport. Maka kita kena mengambil kira itu dalam merangka bajet dan membuat unjuran pertumbuhan ekonomi kita dan seterusnya keadaan *liquidity* ataupun *sovereign index* yang tinggi di negara berkenaan yang bermula daripada bankrapnya Iceland menular seperti domino ke Greece dan sekarang ke Ireland dan mungkin berlaku di Portugal, Sepanyol dan Itali.

Ini adalah ramalan-ramalan dan di samping yang sudah berlaku. Jadi sudah tentulah kerajaan perlu *composite* kelemahan *external demand* dengan menjana dan mendorong supaya domestik *demand* akan lebih meningkat dengan memerlukan sokongan *local investment* dan juga *our local private consumption*.

Jadi di sinilah saya rasa rakyat kena memainkan peranan supaya mula-mulanya memahami keadaan senario landskap ekonomi luar negara dan di negara sendiri dan dengan itu membuat permintaan yang dianggap munasabah kerana kerajaan kena mengambil kira ini semua. Dengan hasil lebih kurang RM84 bilion pada tahun depan, itulah peruntukan berdasarkan hasil yang ada maka kerajaan kena merangka Bajet 2011 dalam keadaan sedemikian rupa dan saya ingin mengucapkan tahniah sekurang-kurangnya di peringkat *operating budget*, belanja kos operasi adalah dalam keadaan akaun yang *surplus*.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan cuba bersikap *prudent* dalam mengurus ekonomi negara. Namun demikian kerajaan perlu berhutang untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Berhutang untuk menampung perbelanjaan pembangunan, iaitu adalah suatu yang dari sudut ekonomi memang boleh dan kadang-kadang memang patut terutama kalau kita melihat berpandukan *Keynes Theory*. Jadi di sini saya mengucapkan tahniah dalam hasil yang terhad itu kerana kerajaan sebenarnya yang diumumkan tadi mendahulukan rakyat seperti imam, guru KAFA, Orang Asli dan sebagainya dengan memberikan elaun seperti mana yang saya telah dinyatakan.

Setelah berbelanja sedemikian termasuk berbelanja untuk *operating expenditure* bagi menampung jentera kerajaan, kita ada *surplus* RM3 bilion. Ini sudah tentulah perlu dikekalkan supaya kita mempunyai *surplus budget* dan yang demikian saya haraplah pegawai kerajaan bersabarlah dahulu untuk mendapat elaun dua bulan yang mana mungkin boleh ditimbangan pula untuk tahun depan sementara tahun ini sudah dapat pun RM500 + RM500 pada tahun ini. Kita berjagung-jagunglah dahulu sementara menunggu padi masak.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian dalam saya membincangkan bajet ini saya ingin memandu diri saya sendiri berdasarkan satu *quotation attributed to enormous, there are no mistake in life only lesson but if you don't learn from the lesson then it is a mistake*.

Keduanya saya ingin memetik daripada *Confucius - Better be wise by the misfortunes of others than by your own* dan seterusnya tadi saya memetik *Confucius* dan saya ingin memetik *Cicero - Never go to excess but let moderation be your guide*. Saya jangka inilah juga diusahakan oleh kerajaan dalam merangka bajet ini selaras dengan tuntutan hadis supaya kita bersederhana kerana sederhana adalah yang sebaik-baiknya.

Dari segi merangka bajet ini yang saya katakan tadi *let us be wise by the misfortune of others*. Saya ingin menarik perhatian bahawa Bajet 2011 yang berupa bajet tahunan adalah lanjutan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bersifat lima tahun dan ini dilaksanakan setahun tetapi ia ada *connectivity* dan ia juga berlandaskan NVE dan NKEA. Ini bermakna kita kena lihat Bajet 2011 dalam konteks sedemikian. Bukan kita hendak menanam tauge semata-mata tetapi kita ingin menanam kelapa sawit yang dapat hasil dalam masa dua tahun setengah ke tiga tahun dan kita juga ingin menanam pokok getah yang memakan masa enam tahun untuk mendapat hasil. *So* kadang-kadang kita kena lihat dalam *long term view* sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu kerana ia berpandukan kepada NVE tadi supaya kita belajar daripada *misfortune of others*. Apa yang dilaksanakan di bawah NVE ini diakui oleh salah seorang ahli dalam NEAC yang sedang berkhidmat di NEAC sekarang bahawa *it is really nothing new* tetapi dipinjam daripada model-model lain yang sudah dilaksanakan dan antara negara yang telah melaksanakan hampir sama dengan NVE ini ialah Chile, Argentina dan Bolivia. Chile, Argentina dan Bolivia telah menghadapi masalah yang mana kadar pengangguran telah meningkat dengan tinggi, kemiskinan juga telah meningkat dengan tinggi, kadar inflasinya tinggi dan akhirnya khazanah negara dibolot oleh orang-orang kaya dan orang luar negara.

Inilah *misfortune* yang kita kena belajar. Bacalah Gunder Frank contohnya *The Economic Genocide in Chile*. Di sini saya lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah belajar daripada *misfortune* itu sebagai contoh dalam usaha menjana GNI per kapita sehingga USD15,000 nanti, beliau tidak menafikan atau sekali gus memastikan bahawa cukup *employment opportunity* peluang pekerjaan diwujudkan dan RM3 *million* dirangka bakal diwujudkan di bawah 12 NKEA dan RM3 juta ini adalah melebihi dari tawaran pasaran buruh yang bakal dijana melalui *the normal population* momentum dengan izin *by 2020* yang dianggarkan RM2.7 juta yang akan masuk ke pasaran buruh menjelang 2020.

Dengan adanya peluang pekerjaan yang sebanyak itu maka potensi pengangguran dapat dihapuskan dan sekarang pun kita sudah berada di bawah *full employment* iaitu mengikut ukuran ILO kita bawah 4% kerana kadar pengangguran kita pada suku kedua yang lepas adalah pada tahap 3.4%.

Namun demikian kita kena ingat bahawa kita menghadapi masalah yang banyak tentang buruh asing. Jadi saya menyarankan supaya kerajaan melihat semula mana-mana akta yang berkaitan khususnya mungkin Akta Imigresen supaya kepentingan rakyat dapat diambil kira dan

bagaimana antara kerajaan, rakyat dan pihak swasta majikan yang kepentingan mungkin dilihat berkonflik.

■ 1240

Contohnya swasta mahu *maximization of profit* dengan menggunakan buruh yang murah tetapi rakyat mahu pendapatan yang tinggi, gaji yang tinggi dan inilah juga hasrat kerajaan. Bagaimana ini boleh diharmonikan? Jadi saya harap akta-akta yang berkaitan perlulah diubah supaya kita memahami masalah yang dihadapi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya masalah ini pernah difahami oleh Lord Mount Baten bahawa orang Melayu pada tahun 40an lagi beliau telah melihat bahawa orang Melayu bukan tidak rajin bekerja. Inilah selalu tohmahan yang diberikan kepada orang *local* khususnya Melayu bahawa mereka adalah malas. Lord Mount Baten mengatakan mereka bukan malas tetapi mereka tidak mahu terjerumus dalam lingkaran ekonomi yang sengaja memberikan gaji yang murah. Jadi kita kena ambil kira ini bahawa seseorang itu atau kumpulan masyarakat itu tidak bekerja adakah dengan mudah dikatakan malas tetapi kerana mereka tidak mahu terjebak dalam *trap* ekonomi yang sedemikian. Jadi bacalah apa surat yang dihantar oleh Lord Mount Baten kepada kolonel *office* di London pada tahun 1946.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian kepada bahasa Kebangsaan. Saya lihat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada enam minit lagi. Itu sebabnya jangan meleret-leret sangat. *Go point, pap-pap then* di sini.

Datuk Akbar bin Ali: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta bahasa kebangsaan ini supaya diberikan tahap martabat yang sesuai di tempatnya 152 kerana kita lihat sekarang seolah-olah ada konflik di mana bahasa kebangsaan ini tidak diberikan ruang atau tempat yang sepatutnya kerana dalam upacara rasmi pun kita bercakap dalam bahasa bukan bahasa Kebangsaan.

Seterusnya saya ingin dalam masa ini saya hendak gunakan yang terpenting sahaja. Ada kajian yang menunjukkan bahawa kita gembira pada tahun 70an kerana Dasar Ekonomi Baru tetapi sekarang ada macam kebimbangan tentang masa depan. Ini berlaku kajian yang sama di Amerika Syarikat kerana mereka tidak pasti kekayaan hari ini akan kekal. Jadi saya ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk mengkaji kedudukan tahap hidup semua rakyat, semua kaum bagaimana kedudukannya pada tahun 1970 apabila NEP diperkenalkan pada tahun 1990 apabila DEB tamat. Pada masa ini sebelum MBE dilaksanakan dan nanti disusuli pada tahun 2020 apabila MBE sudah selesai. Jadi dengan itu kita akan tahu dengan sebenar-benarnya apakah kedudukan tahap hidup kita di mana hak kita sama ada bertambah atau terhakis? Di mana kedudukan sosioekonomi kita sama ada sudah meningkat atau semakin menurun supaya difahami oleh rakyat dan demikian sekiranya benarlah kedudukan

ini sudah bertambah dan saya cukup yakin sudah bertambah maka biarlah semuanya di *recognize* oleh rakyat melalui kajian suruhanjaya ini. Satu yang paling penting antara lain dari segi faktor ekonomi ialah tanah.

Jadi saya haraplah Kanun Tanah Negara disemak semula disusuli dengan kajian untuk memastikan sebagaimana yang dijanjikan dalam tujuh wasiat Raja-Raja. Sejauh mana tanah rizab milik Melayu masih kekal dalam tangan Melayu dan kalau sudah diambil adakah sudah diganti maka saya merayulah sekali lagi sudah saya sebut dalam persidangan bulan Julai, Ogos lalu kajian ini mestilah dibuat supaya kita sama-sama tahu dan kita tidak terperangkap seperti keadaan di Palestin sekarang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini secara khusus bahawa dalam buku yang tebal ini sekali lagi saya minta tolonglah buku ini dibuat disediakan berdasarkan *output*, *outcome* dan impak. Walaupun ianya belum lagi diputuskan oleh kerajaan tetapi eloklah kita melihat surat Pekeliling Am Bilangan 3, 2005 yang mana semua projek kerajaan hendaklah dilaporkan berdasarkan *output*, *outcome* dan impak. Ini saya telah buat berdasarkan RMKe-9 di Melaka dahulu tetapi sayangnya dalam buku ini banyak berdasarkan input dan *output* seperti bilangan mesyuarat, berapa kali mesyuarat, berapa SKT disemak dan sebagainya. Saya rasa untuk Dewan yang mulia ini laporan seperti itu tidak sesuai dibentangkan. Saya ingin merakamkan tahniah kepada Dato' Sri Shahrizat kerana mengambil kira memberikan *recommendation* berkenaan 90 hari untuk *maternity* dan akan dipanjangkan kepada sektor swasta. Ini adalah baik.

Akan tetapi saya ingin menarik perhatian bahawa ia mungkin bertentangan dengan dasar RM70 juta rakyat Malaysia kerana 90 hari itu adalah terhad kepada 300 hari juga. Kalau digunakan untuk tiga anak sudah 270 hari. Maka dia akan ada tiga anak sedangkan sasaran di bawah penduduk 70 juta adalah lima anak. Jadi kita harap dilihat semula supaya ia tidak melemahkan pelaksanaan dasar 70 juta. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Satu minit lagi. Kalau begitu saya ingin mengucapkan terima kasih projek yang telah diberikan di Melaka macam gas *rectification* di Tanjung Kling dan juga di Pantai Siring tetapi saya ingin merayu projek untuk jalan pantai di Melaka tolong ditimbangkan, projek bekalan air elektrik luar bandar untuk Kampung Tersusun di Tehel dan di Melaka Pindah tolong ditimbangkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga janji yang diberi oleh Kementerian Pelancongan *to give back to back* untuk Melaka diberikan kerana Melaka telah pun melaksanakan *point* kesepuluh idea utama dalam RMKe-10 di mana kami menyumbang dua kali ganda hasil kepada Kerajaan Persekutuan berbanding apa yang kami dapat daripada RMKe-9. Jadi saya haraplah permintaan-permintaan ini dapat ditimbangkan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Datuk Akbar boleh bercakap banyak tetapi kadang-kadang terlalu panjang sangat *elaborationnya*. Akan tetapi oleh kerana sudah ditegur tadi, *pap-pap* baguslah macam itu. Saya fikir macam itulah tapi untuk oleh kerana Dewan kita ini ada pembangkang juga yang kedua ini saya beri kepada ketua pembangkang dahulu. Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin, 30 minit juga.

12.47 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya telah menyediakan bahan bertulis yang kalau hendak dibaca seperti Yang Berhormat Menteri tadi mungkin mengambil masa yang hampir sama panjangnya tapi...

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh Yang Berhormat, 30 minit sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: ...Akan tetapi saya akan cuba ringkaskan dalam masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai cendekiawan dia pandai *summarizekan* itu. Boleh, boleh Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Syed Husin Ali: Saya ingin menumpukan perbahasan saya kepada tiga perkara. Pertama ialah soal-soal yang berkaitan dengan ekonomi, kedua soal-soal yang berkaitan dengan pendidikan dan ketiga soal-soal yang berkaitan dengan hubungan pusat dengan negeri terutama sekali berkaitan dengan transformasi kerajaan.

Dalam soal ekonomi saya lihat bahawa bajet berserta dengan MEB dan juga RMKe-10 memperlihatkan beberapa perkara yang penting yang kita harus hadapi. Pertama ialah tentang soal kadar defisit yang berterusan. Kali ini defisit dianggarkan kira-kira 5.4% dan kita dapati bahawa defisit ini kalau dilakukan dalam keadaan ekonomi yang menguncup ataupun ekonomi yang berkembang dia harus mengikut keadaan. Akan tetapi sekarang ini nampaknya sama ada keadaan ekonomi menguncup ataupun berkembang defisit masih berterusan ada selama lebih sepuluh tahun yang lalu. Defisit tidak menjadi apa-apa kalau dia digunakan betul-betul untuk golongan yang miskin dan mempunyai keperluan, tetapi nampaknya perbelanjaan defisit kadang-kadang lebih menguntungkan golongan yang kaya.

Untuk mengatasi soal defisit ini saya mencadangkan bahawa beberapa perkara harus dan boleh dilakukan. Pertama ialah soal pembaziran, ia mesti dikawal. Kedua, soal perbelanjaan pertahanan yang terlalu besar harus juga dibataskan.

■ 1250

Ketiga, subsidi yang diberikan terutama sekali kepada badan-badan yang mempunyai keistimewaan sebenarnya seperti IPP hendaklah dikaji semula.

Keempat konsesi tol terutama sekali misalnya pampasan yang harus diberikan kepada pihak-pihak yang dapat konsesi, apabila tol hendak digantung selama lima tahun, adalah besar umpamanya RM5 bilion harus dibayar untuk pampasan tersebut, dan ini harus difikirkan semula.

Selain daripada itu saya juga memikirkan juga bahawa perlu diadakan *in heritage tax*, cukai warisan kerana ini akan membantu untuk mendapatkan hasil yang lebih. Soal yang kedua ialah tentang projek-projek gergasi dan nampaknya kerajaan meneruskan cara-cara untuk membelanjakan wang yang banyak walau pun misalnya dengan mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak swasta. Perbelanjaan yang baik untuk projek-projek gergasi ini.

Saya rasa perbelanjaan untuk projek gergasi ini harus diimbangkan dengan perbelanjaan terutama sekali bagi golongan pertanian. Ini akan saya sebutkan kemudian, tetapi yang hendak saya tumpukan sekarang ini ialah satu contoh, misalnya bangunan lebih seratus tingkat itu, yang dikatakan adalah bangunan yang akan dibiayai oleh PNB tetapi ia dimasukkan juga dalam ucapan bajet. Yang penting ialah bahawa bukan sahaja sekarang ini kita mempunyai banyak ruang perniagaan dan pejabat, tetapi soal mendirikan bangunan seperti itu akan menimbulkan hal-hal yang lain. Kalau wang yang digunakan adalah daripada PNB maka ini tentu akan mempunyai kesan yang buruk yang menjejaskan dividen bagi orang-orang yang mencarum kepada ASB dan sebagainya.

Selain daripada itu ia akan mengakibatkan juga masalah-masalah sosial seperti keadaan lalu lintas yang sesak di tengah-tengah Kuala Lumpur dan juga menimbulkan masalah *environment* dari segi pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Dikatakan bahawa bangunan ini boleh mempunyai kesan *multiplier* tetapi sebenarnya akibatnya banyak, kerana akan berlaku ketirisan kewangan, akibat import bahan-bahan pembinaan, bayaran tinggi kepada juru runding asing, lebih banyak penggunaan pekerja asing, dan pengaliran wang keluar oleh mereka.

Ada hujah mengatakan bahawa misalnya bangunan ini masih boleh menampung keperluan dan diberi contoh, umpamanya bangunan berkembar. Akan tetapi kita harus ingat bahawa bangunan berkembar, ruang-ruangnya adalah disewa oleh Petronas yang mampu berbuat demikian. Akan tetapi saya tidak percaya bahawa PNB mampu berbuat demikian iaitu untuk mengambil bilik-bilik atau ruang-ruang yang banyak nanti akan berlaku bila bangunan ini didirikan.

Perkara ketiga yang hendak saya sentuh ialah berkaitan dengan ekuiti 30%. Walau pun pada mula-mulanya diumumkan oleh MEB, Perdana Menteri memberikan gambaran seolah-olah beliau akan mengkaji soal ekuiti 30% ini, tetapi sekarang oleh kerana desakan yang banyak khususnya daripada pihak-pihak yang agak sempit pendirian mereka dalam dan luar parti pemerintah, maka kita dapati bahawa dalam ucapan bajet disebutkan bahawa lebih kurang ekuiti 30% ini akan diteruskan.

Salah satu hujah yang sedang dikaitkan dengan ekuiti 30% ini ialah ia berkaitan dengan soal hak istimewa Melayu dan juga ketuanan Melayu. Pertama sekali, hendak saya tegaskan bahawa tiada dalam Perlembagaan, perkataan hak keistimewaan Melayu, yang ada hanya, kedudukan istimewa Melayu, itu perkataan yang digunakan dalam Perlembagaan. Keduanya tentang ketuanan Melayu ini, ia juga dikaitkan dengan kedudukan soal Raja.

Kita tahu bahawa Perlembagaan boleh diubah, dan kita tahu juga sudah banyak perubahan atau pindaan yang telah dibuat ke atas Perlembagaan. Daripada tahun 1957 hingga 2005, 51 pindaan Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan dan sehingga 2001 sebanyak 171 perkara-perkara Perlembagaan telah dipinda. Jadi lebih daripada 200 yang telah dipinda. Akan tetapi kita ketahui juga bahawa, tidak boleh dilakukan pindaan, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh seorang Menteri semalam, tidak boleh dilakukan pindaan tentang fasal-fasal tertentu dalam Perlembagaan, melainkan ada keputusan atau pun persetujuan daripada pihak Raja-Raja. Jadi untuk mengaitkan soal ketuanan Melayu dengan Perlembagaan adalah sesuatu yang silap, dan mengaitkan ketuanan Melayu dengan misalnya mempersoalkan kedudukan Raja juga adalah silap kerana ini tidak boleh dilakukan walau pun misalnya ada undi 2/3.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, boleh ke Yang Berhormat beri laluan. Saya minta maaf sebenarnya saya kurang sihat, tetapi rujukan Yang Berhormat Dr. Syed kepada ketuanan Melayu itu saya rasa sesuatu yang patut diberi jawapan. Siapakah yang sebenarnya yang mula melakukan provokasi tentang isu ketuanan Melayu itu, sepanjang ingatan saya di pihak pemerintah, hanya Tan Sri Abdullah Ahmad kira-kira sepuluh tahun yang lalu secara terbuka, di depan *public* bercakap tentang ketuanan Melayu. Ketuanan Melayu bagi saya Tuan Syed, adalah merupakan satu provokasi perangkap parti Tuan Syed untuk menjerumuskan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah sebutlah, teruskan. Nama tidak payah sebut.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf, minta maaf. Satu perangkap untuk menjerumuskan, menjerat pihak kerajaan terlibat dalam satu polemik yang membazir dan semata-mata bertujuan untuk menjual slogan ketuanan rakyat, hanya itu. Oleh kerana itu saya rasa tidak kena masanya untuk mengungkit-ungkit balik isu ketuanan Melayu itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saudara yang bercakap tadi. Harap ditolak masa saya yang telah diambil oleh beliau. Saya tidak hendak menjawab soal ini secara panjang. Cuma saya hendak menegaskan bahawa perkara ketuanan rakyat ini sudah dibangkitkan sebelum daripada pihak pembangkang bangkitkan. Sememangnya betul kita mengambil pendirian ketuanan rakyat, tetapi ketuanan rakyat yang kita maksudkan ialah hak rakyat untuk mengubah sistem ekonomi, atau politik atau sosial, tanpa menyentuh kedudukan Raja. Kita mengatakan ketuanan rakyat itu dengan menyatakan bahawa dalam apa segi pembangunan yang dilakukan, ia harus mengambil kira satu; semua kaum dan yang keduanya ialah yang dipentingkan ialah dari semua kaum itu hendaklah diutamakan golongan yang berpendapatan rendah.

Kita dapati sekiranya bantuan kewangan atau pun bantuan kemudahan diberikan, kepada rakyat semua kaum dan mengutamakan rakyat yang berpendapatan rendah, yang paling untung golongan-golongan yang berpendapatan rendah Melayu kerana orang Melayu merupakan majoriti daripada mereka di bandar dan luar bandar sebagai golongan yang termiskin sekali.

Jadi kita hanya menentang misalnya slogan ketuanan Melayu yang digunakan bersama-sama dengan soal hak istimewa untuk kepentingan segelintir orang, atas nama orang Melayu, padahal orang Melayu yang ramai tidak mendapat keuntungan tersebut. Jadi saya tidak akan memanjangkan soal ini, cuma hendak menegaskan soal ketuanan ini tidak boleh dikaitkan dengan soal pembangunan yang menguntungkan hanya segelintir orang tetapi ia harus dikaitkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sekarang telah menunjukkan tepat pukul 1.00..

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maka Yang Berhormat telah bercakap 12 minit dan selepas 2.30 Yang Berhormat ada 18 minit sahaja lagi, sambung, dan kepada yang lain itu, saya telah pun mencatatkan siapa yang hantar dahulu tadi, saya akan beri keutamaan. Kepada yang belum menghantar elok beritahu, senang saya hendak membuat perkiraan.

Bagi semua yang telah menghantar kepada saya tadi, saya akan catat dan juga akan beri peluang semua Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada tiga hari dan kita akan cuba bahagikan masa itu sebaik mungkin. Maka ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Jadi saya tangguhkan sekarang Dewan.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyambung perbahasan.

2.33 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung tentang aspek yang berkaitan dengan ekonomi iaitu perkara penghabisan dalam ekonomi ini iaitu tentang falsafah ataupun dasar liberalisasi.

Perdana Menteri dalam ucapannya sudah beberapa kali menegaskan bahawa negara ini akan berkembang mengikut asas dasar dan falsafah liberalisasi. Kita tahu sekarang ini di barat termasuk di Amerika sekalipun, dasar liberalisasi ini bukan sahaja sudah mulai dipertimbangkan semula bahkan ada kalanya aspek-aspek tertentu daripadanya ditolak. Ini ialah kerana –

memandangkan bahawa dalam keadaan ekonomi merudum, peranan *state* atau negara menjadi lebih penting.

Jadi adalah suatu yang menghairankan juga bila kita mendengar bahawa Perdana Menteri menekankan soal liberalisasi ini. Akan tetapi, dalam pada beliau menekankan soal liberalisasi ini, dilaksanakan pula aspek-aspek yang menekankan peranan *state* atau negara misalannya soal 30% itu ialah sesuatu yang hanya dapat dilakukan oleh negara. Begitu juga misalnya suntikan kewangan untuk mengatasi soal kemerosotan ekonomi juga adalah peranan negara. Jadi nampaknya ada perkara yang tidak selari di antara apa yang dicita-citakan dan apa yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa seharusnya negara seperti Malaysia ini melaksanakan campuran di antara dasar yang mengkombinasikan peranan *state* dengan peranan swasta. Peranan awam dengan swasta. Jadi bukan sepenuhnya liberalisasi.

Salah satu alasan bagi kerajaan untuk menjalankan dasar liberalisasi yang diperkukuhkan lagi oleh peranan swasta yang lebih besar ialah untuk menarik modal asing. Kita tahu keadaan kemasukan modal asing sekarang ini adalah tidak memuaskan. Akan tetapi soal yang kita hadapi sekarang ini bukan sahaja soal modal asing yang tidak masuk tetapi bahkan keadaan di mana modal tempatan keluar dengan lebih banyak lagi daripada negara ini ke tempat lain. Jadi perkara yang harus dilakukan bukan semata-mata untuk menarik modal asing tetapi untuk mengembalikan dengan insentif-insentif yang lebih baik modal tempatan yang telah ke luar negara.

Soal modal asing ini memang disadari oleh pemerintah atau oleh kerajaan dan oleh kerana itulah mereka mengadakan berbagai-bagai rancangan promosi termasuk bioteknologi, ubat-ubatan, sektor kecil tertentu dalam industri dan elektronik dan sebagainya. Ini pun tidak mencukupi kerana untuk menarik modal asing mesti ada suasana. Suasana yang sesuai dengan kedatangan modal asing itu. Di antara faktor-faktor yang menentukan kepada suasana ini ialah kepercayaan kepada masa depan sosiopolitik negara.

Adakah misalnya soal perkauman, soal yang menimbulkan keruncingan perkauman ini boleh membantu? Tentu sekali tidak. Begitu juga mesti ada kepercayaan kepada ketenteraman sosial dan dalam hal ini kadar tinggi jenayah tidak membantu. Begitu juga dengan kedudukan kehakiman. Yang kita dapati bahawa kedudukan kehakiman yang dipersoalkan selalu tidak membantu juga. Akhir sekali, kita dapati bahawa perlu sistem jalur lebar yang walaupun sekarang ini semakin lebar dan luas skopnya tetapi masih kurang *efficiency*nya. Jadi faktor-faktor ini harus dibaiki sebelum kita dapat menimbulkan suasana untuk menarik pelaburan asing itu.

Liberalisasi bererti pada secara mudahnya persaingan yang bebas tidak kira di antara yang lemah dengan yang kuat, yang miskin dengan yang kaya. Biasanya dalam kalau kita umpamakan misalnya perlumbaan berlari, tentulah yang kuat akan lebih ke hadapan meninggalkan jauh lagi yang lemah. Kita bimbang dalam persaingan yang keterlaluan

berdasarkan liberalisasi, ia akan menimbulkan keadaan di mana golongan yang miskin, golongan yang susah akan tertinggal sebab dari segi misalnya pada satu pihak diutamakan keuntungan bagi pemodal, tidak dikirakan sangat misalnya kebajikan pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja migran.

Begitu juga dari segi cukai. Kita dapati bahawa ada dikurangkan cukai untuk cukai langsung terutama sekali untuk golongan-golongan korporat dan syarikat. Dari tahun 1980 misalnya kita lihat penurunan cukai korporat daripada 40% kepada 24% dan sekarang ini harap ini tidak akan berlaku. Akan diadakan pula kemungkinannya, mungkin selepas pilihan raya pengenalan GST dan kita bimbang GST ini akan mengenakan cukai kepada semua golongan. Jadi pada satu waktu kita mengurangkan golongan untuk korporat dan bila GST diperkenalkan, ia akan memberatkan lagi cukai terhadap golongan yang rendah.

■1440

Begitu juga subsidi. Bila ditarik subsidi, subsidi boleh menimbulkan harga naik. Akan tetapi apabila ditarik, kesannya terutama sekali terhadap golongan bawahan. Harga barang dan sebagainya naik. Akan tetapi kita tidak perlu menarik misalnya subsidi yang besar-besar kepada IPP dan badan-badan korporat yang seumpama itu. Golongan yang paling lemah dalam masyarakat ialah golongan miskin.

Di desa misalnya masih meluas kemiskinan. Kemiskinan ini ada kaitannya dengan golongan petani dan yang berkaitan pertanian serta kebanyakan mereka adalah orang Melayu.

Jadi kalau sekiranya kita benar-benar hendak membantu orang Melayu, maka seharusnya penumpuan perbelanjaan, peruntukkan mestilah kepada golongan ini iaitu kepada golongan kampung, golongan desa, golongan pertanian. Sebaliknya kalau kita lihat peruntukan yang diberikan dalam bajet, Kementerian Pertanian hanya mendapat kira-kira RM2.8 bilion dan Kementerian Luar Bandar mendapat kira-kira RM4.4 bilion. Dicampurkan kedua-duanya cuma RM7.2 bilion. Ini bagi masyarakat yang begitu kritikal kedudukannya. Akan tetapi kalau kita bandingkan pula, MRT sahaja mendapat RM40 bilion.

Kita memang penting ada MRT dan sebagainya tetapi ini adalah sesuatu yang memberikan kemudahan terutama sekali masyarakat di bandar. Kalau kita benar-benar mahu menumpukan sebanyak itu wang bagi masyarakat bandar, seharusnya kita mengimbangkannya dengan peruntukan yang besar juga kepada golongan petani dan golongan luar bandar.

Kemiskinan sekarang ini bukan sahaja di luar bandar. Bahkan juga ia di bandar. Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan berdasarkan angka-angka rasmi bahawa sekarang ini terdapat kira-kira 38% daripada pekerja dari seramai 1,330,000 pekerja iaitu kira-kira 33% adalah berpendapatan kurang daripada RM700 dan ini bererti di bawah paras kemiskinan. Pekerja-pekerja ini di bandar dan kita lihat pula misalnya di dalam penaburan kemiskinan ini bagi pekerja-pekerja di Sabah sebanyak 63%, di Perlis sebanyak 54% dan di Sarawak sebanyak 48%.

Jadi keadaan di Sabah dan Sarawak itu bukan sahaja sekarang ini kadar kemiskinan mereka tinggi terutama sekali Sabah yang dianggap mempunyai kadar kemiskinan paling ramai sekali di dalam negara ini. Akan tetapi juga kedudukan pekerja-pekerja mereka pun adalah ramai di bawah paras kemiskinan. Bererti di sini bahawa kedudukan Sarawak dan Sabah ini terpinggir dari segi pembangunan dan juga dari segi peruntukan. Ini kerana dari segi peruntukan kita dapati bahawa hanya daripada hampir RM200 bilion yang diperuntukkan untuk bajet, hanya kira-kira RM9.55 bilion diperuntukkan untuk Sabah dan Sarawak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa pendapatan per kapita kita sudah bertambah. Kalau kita lihat pendapatan per kapita ini, dia kata pendapatan itu naik daripada masa merdeka daripada USD260 kepada USD8,000. Ini satu kemajuanlah. Akan tetapi kita mesti ingat bahawa waktu kemerdekaan dahulu dicapai, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura hampir sama pendapatannya dengan kita. Akan tetapi sekarang ini Singapura berpendapatan per kapita lebih daripada tiga kali ganda kita dan Taiwan serta Korea Selatan lebih daripada dua kali ganda. Jadi kita harus memeriksa sekarang ini apakah sebabnya kita tertinggal? Jangan kita hanya bergembira naik pendapatan tetapi fasal apa kita sepertiga daripada Singapura dan seperdua dari Taiwan dan Korea Selatan dari segi per kapita tadi.

Sekarang saya pindah Tuan Yang di-Pertua kepada soal pendidikan. Kita dapati bahawa memang peruntukan bagi Kementerian Pelajaran tinggi iaitu RM30 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi RM2.4 bilion. Akan tetapi ada beberapa perkara yang saya hendak sebutkan. Pertamanya ialah mengenai pelajaran bahasa Inggeris. Sebenarnya..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuma ada tiga minit lagi ya, tolong...

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi ini tentang, kita bermula tadi lebih dari pukul 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mula jam 12.48 tengah hari.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi tadi dikatakan saya ada 18 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung sampai jam 2.48 petang.

Dr. Syed Husin Ali: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Mohon kerjasama Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Okey, satu pelajaran Inggeris. Ini hendak digalakkan tetapi kita sudah mempunyai pengalaman tentang belajar bahasa Inggeris di sekolah pada masa yang lalu tetapi gagal. Ini harus dikaji semula supaya kita tidak mengulangi.

Kedua ialah soal membuat PhD. Hanya peruntukan sebanyak RM20 juta sahaja untuk PhD dan kalau misalnya setengah juta bagi seorang, baru 40 sahaja boleh buat PhD. Ini adalah bilangan kecil kalau kita hendak menambah bilangannya.

Ketiganya adalah pelajar keluar negara dan kita nampak sekarang ini ramai pelajar keluar negara sama ada dapat *scholarship* atau tidak. Mereka ini lebih mengambil kursus-kursus terutama sekali perubatan di universiti-universiti yang tarafnya tidak tinggi mutunya. Jadi, di Indonesia pun misalnya mereka jarang pergi ke Gadjah Mada atau Universitas Indonesia, mereka pergi ke tempat-tempat yang lain. Ini mesti dipastikan perbelanjaan adalah untuk kalau boleh mereka pergi kepada universiti yang baik.

Satu lagi perkara mengenai pendidikan ini ialah penjualan ijazah palsu. Selalu kita lihat dalam Internet dan sebagainya tawaran untuk membuat PhD dan *masters* dalam tempoh yang singkat. Sebenarnya ijazah-ijazah ini dijual dan dibeli dan saya harap bahawa ada pemantauan serta pelaksanaan untuk menyekat perkara ini berlaku.

Berkenaan soal pendidikan juga, saya bimbang sekarang ini di kementerian Pengajian tinggi ada seolah-olah benih ditanam untuk korupsi. Sebabnya ialah dalam pertandingan wakil-wakil pelajar, kita dapati bahawa ada pemberian wang bagi mereka yang ada wang memberi wang untuk mereka bertanding. Kadang-kadang untuk menarik mereka hantar keluar negara dan sebagainya dan saya rasa ini adalah satu amalan yang sangat buruk yang harus dikawal kerana kalau misalnya mereka mulai melakukan rasuah di universiti apatah lagi kalau sudah keluar nanti.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan reformasi kerajaan yang hendak dilakukan. Saya minta hanya satu atau dua minit lagi dalam hal ini. Satu ialah berkaitan dengan hubungan di antara pusat dan negeri. Di antara pusat dengan negeri ini kita dapati bahawa banyak pertelingkahan di antara pusat dan negeri yang kurang produktif, kurang sihat. Ini harus dikurangkan dan di Selangor misalnya saya harap akan dapat disegerakan perkara yang berkaitan dengan pertelingkahan air.

Akhir sekali ialah berkaitan dengan reformasi kerajaan ini. Soal yang berkaitan dengan skim bukan guna sama iaitu skim *close service*. Ada dalam perkhidmatan awam *close service* dengan erti kata bahawa ada golongan pegawai yang tidak boleh dipindahkan daripada mana yang mereka diambil kerja pada awalnya. Walaupun mereka tidak tahu bahawa itu merupakan *close service*. Jadi, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berjanji akan mengkaji soal ini. Saya harap akan dapat dilaksanakan segera ulang kaji supaya mereka dapat berpindah dari satu pejabat ke satu pejabat yang lain atau daripada satu kementerian ke kementerian dan tidak beku dalam jawatan yang lama.

■1450

Perlu diketahui berapa ramai mereka ini, perlu kita ketahui sama ada akan dipertimbangkan kalau mereka minta berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan Abd. Hamid.

2.50 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2011. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib telah memulakan pembentangan Bajet 2011 dengan surah Al-Qasas ayat 77. Saya ingin membahaskan Bajet 2011 ini dengan memulakan dengan surah Al-Hasyar ayat 21. *[Membaca ayat Al-Quran]*

Maksudnya; *"Sekiranya kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk dan tidak berpecah belah kerana takut kepada Allah dan ingatlah misal-misal perbandingan ini kami kemukakan kepadamu manusia supaya mereka memikirkannya"*. Mengikut tafsiran daripada Al-Azhar oleh Profesor Hamka dan Ibnu Qasar, mereka menjelaskan bahawa; *"Hendaklah khusyuk, tunduk hati menerima Al-Quran dan laksana pecah ketika mendengarnya"*. Kalau kiranya gunung yang begitu besar dan Qasar mempunyai fikiran sebagaimana manusia, nescaya ia akan khusyuk tunduk merendahkan diri kerana takutkan Allah. Ini menunjukkan betapa hebatnya Al-Quran. Oleh itu ayat-ayat Al-Quran tidak boleh menjadi bahan mainan, tidak boleh ditafsirkan mengikut suka hati, mengikut kehendak sendiri.

Dalam ucapan pembentangan bajet yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh strategi ketiga – menyejahterakan hidup rakyat. Bermakna memartabatkan kehidupan rakyat, memberi rakyat kesenangan, mewujudkan negara aman dan stabil, rakyat tidak bertelagah, tidak berkelahi, tidak bergaduh, rakyat hidup bersatu padu dan harmoni, pemimpin masyarakat dan kaum pula tidak bertelagah. Oleh sebab itu Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan dalam muzakarah khas baru-baru ini mengeluarkan fatwa, fatwa ini bermakna teguran dan nasihat kepada seluruh masyarakat Malaysia tidak kira Islam atau bukan Islam supaya menghentikan perbuatan membaca dan membuat huraian terhadap teks Al-Quran ini secara sewenang-wenangnya bagi mengelak timbul keresahan dan perpecahan di kalangan kaum dan masyarakat.

Masyarakat timbul kekeliruan kerana teks suci Al-Quran ini dihuraikan termasuk untuk kepentingan politik ataupun peribadi seperti yang kita dengar beberapa orang "ulama" bukan Islam menghuraikan mengikut selera mereka. Oleh sebab itu fatwa ini merupakan nasihat dan teguran. Persoalannya yang ingin saya bentangkan bahawa kalau nasihat dan teguran ini telah pun dikeluarkan tetapi ada juga di kalangan mereka yang tidak peduli, tidak mahu nasihat dan teguran ini melakukan juga perbuatan mentafsir dan menghuraikan secara sewenang-wenangnya, apakah tindakan yang boleh diambil?

Saya ingin tanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir atau Dato' Seri Mohamed Nazri, apa tidak adakah satu peruntukan undang-undang bagi menghalang

perbuatan mereka ini atau sekadar minta maaf, lepas minta maaf buat lagi. Apakah mereka ini tidak ada perasaan malu yang disebut kita ini sebagai generasi Ulul Albab adalah generasi yang berakal. Adakah kita ini sudah hilang akal atau tidak berakal? Ini perlu dijelaskan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pembentangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pada kali ini adalah pembentangan yang cukup baik kerana merangkumi empat strategi utama yang disebut mendayakan kembali pelaburan swasta, membangunkan modal insan, menyejahterakan hidup rakyat dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam perkara ini saya ingin menyentuh perkara 1, 2 dan 3 iaitu yang pertama sekali strategi pertama iaitu mendaya kembali pelaburan swasta.

Saya ingin membangkitkan masalah pembangunan strategik berimpak tinggi. Tadi telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, beliau sentuh sedikit sahaja tetapi kali ini saya ingin membuat sedikit kupasan. Soal pembangunan Menara Wawasan Merdeka yang setinggi 100 tingkat bernilai RM5 bilion yang menjadi polemik di dalam surat khabar dan beberapa bantahan di dalam Facebook dan sebagainya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa keluasan kawasan ini adalah 36 ekar yang terkandung 17 ekar Stadium Merdeka dan Stadium Negara, selebihnya adalah untuk pembinaan Menara Wawasan.

Dari segi sejarah kita telah ketahui bahawa perlu ditentukan Stadium Merdeka dan Stadium Negara ini dipertahankan kerana ia mempunyai nostalgia dan sejarah tersendiri. Tanah yang dibeli oleh PNB yang bernilai RM310 juta itu daripada Danaharta adalah tanah yang bernilai tinggi. Sehingga kini nilainya adalah lebih kurang RM800 sekaki persegi sebab itu jika dibangunkan menara ini, pulangnya cukup baik, pulangnya kepada pelabur seperti kita ini, seperti saya ini melabur dalam ASN, ASW, anak saya Amanah Saham Didik. Sudah tentu generasi akan datang akan gembira. Saya percaya dalam ulasan yang saya dapat, ibu pejabat PNB akan dipindahkan dari tempat lama ke tempat baru, selera baru. Kalau di tempat lama itu, saya percaya orang tua atau warga emas kalau pergi ke situ naik tangga *masya-Allah*, tinggi sangat tangga itu hendak sampai ke kaunter. Jadi kawasan baru ini saya minta supaya warga emas itu ataupun OKU terus pergi ke kaunter dengan tidak ada masalah.

Kita bangga dengan KLCC, bangunan berkembar 88 tingkat. Kita lagi bangga ini 100 tingkat yang dibina oleh PNB, satu pelaburan kerajaan, konglomerat kerajaan yang besar yang kita percaya biasa mengusahakan dana berjumlah RM130 bilion, inikan RM5 bilion dan mereka buat bangunan sendiri. Kenapa Berjaya Times Square oleh Vincent Tan tidak dipersoalkan? Yang dipersoalkan PNB kerana konglomerat Melayu. Kita kena bersikap adil sebab itu saya percaya jika menara ini naik 100 tingkat, kawasan sekitarnya akan bertambah baik lagi terutama Petaling Street. Orang akan pergi, pelancong akan pergi ke menara terus ke Petaling Street. Lagilah ramai pelancong dan pengusaha Cina akan dapat keuntungan lebih lumayan.

Ini konsep 1Malaysia dan saya percaya jika kerajaan bijak, mereka akan mengusahakan sekolah-sekolah yang ada di sekitar ini dipindahkan ke tempat lain tetapi mungkin rancangan

akan datang. Ini jawapan kena ada pada Menteri Pelajaran. Selain dari itu, saya juga ingin bertanya – ini untuk pihak DBKL, bagaimana cara hendak mengatasi kesesakan lalu lintas? Yang ada pun sesak. Bagaimana anak-anak ini hendak pergi ke sekolah? Ada yang mengatakan dalam Facebook, anak-anak ini terpaksa bermalam di menara ini kerana pergi sekolah Victoria Institution, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Davidson, Methodist Boys School, kena bermalam di menara.

■1500

Ini satu tanggapan yang mengarut ataupun pandangan yang negatif. Saya juga ingin menyatakan bahawa kerajaan kalau difikirkan benar-benar projek ini berdaya maju beri peluanglah kepada PNB dahulu sebelum kita *criticize* kerana projek ini perlu diteruskan. Akan datang ini ekonominya makin tidak menentu. Sekarang ekonomi bagus. Mungkin esok ada orang menyesal kenapa tidak buat sekarang tetapi buat akan datang. Dahulu ada orang berkata KLCC, Jambatan Pulau Pinang, KLIA, dan Putrajaya tidak bagus dan tidak betul. Sekarang ini menjadi rebutan hangat pelbagai pihak terutamanya Putrajaya dan juga jambatan Pulau Pinang telah ada jambatan kedua. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah hujah-hujah saya ini benar belaka.

Saya pergi ke strategi kedua iaitu membangunkan modal insan. Pertama sekali kerajaan telah menubuhkan Talam Corporation. Talam Corporation dalam bahasa Melayunya adalah Perbadanan Bakat. Minggu lepas telah ditanyakan. Saya ingin membicarakan beberapa perkara yang harus diambil kira oleh kerajaan kerana kita harus lihat Talam Corporation secara skopnya amat luas. Beberapa kali masalah telah timbul. Pertamanya apakah kita telah ada pangkalan data maklumat mengenai tantang pakar-pakar dan tenaga mahir dalam negara yang mungkin mempunyai kemahiran dan pengalaman setanding dengan mereka yang berhijrah ke luar negara.

Kedua, soal pengiktirafan. Kerap kali pencapaian ahli akademik, profesional, dan ahli sains jarang diberi pengiktirafan dalam negeri tetapi diberi pengiktirafan di luar negara. Kenapa ini berlaku? Soal gaji dan peluang yang lebih lumayan di luar negara. Oleh sebab itu mereka terpaksa meninggalkan tanah tumpah darah ini semata-mata kerana mencuba nasib di luar negara.

Soal faktor pendidikan anak-anak menjadi suatu perkara yang- Alasan yang kuat bagi mereka untuk bekerja di luar negara. Mereka lihat kita kurang tumpu memberi kepada pendidikan alam bahasa Inggeris. Baru-baru ini kita kata kita mansuhkan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik. Oleh sebab itu mereka protes dan mereka berhijrah ke luar negara kerana alasannya masa depan pendidikan anak-anak lebih penting dan menjadi keutamaan dalam hidup.

Soal persekitaran dan budaya kerja di sektor awam dan swasta pun menjadi satu soal yang cukup dititik beratkan atau diskriminasi terhadap suatu golongan mesti kekal kerana

jawatan yang teras itu hanya terhadap kepada satu-satu golongan tetapi peringkat bawah pengurusan dan pertengahannya dikuasai oleh golongan yang lain. Tidak kira sama ada sektor swasta atau awam Melayu, Cina atau India. Seterusnya kebolehan bertutur dalam bahasa ibunda orang lain juga diambil kira oleh setengah-setengah sektor swasta. Tidak boleh bercakap Mandarin dan sebagainya. Tidak boleh bekerja dan naik pangkat. Ini harus diambil kira.

Seterusnya bagaimana mahu pujuk mereka ini balik bekerja. Ini satu perkara yang harus diperjelaskan. Ada kes mereka balik bekerja dan gaji lumayan di luar negeri tetapi oleh kerana semangat mahu balik kerja dan mendidik anak bangsa, bayaran mahal, menjadi pensyarah di universiti, di hospital universiti, hospital kerajaan, dan Hospital UKM tetapi mereka menjadi tempat yang tidak disukai oleh pensyarah-pensyarah tempatan. Mereka diboikot dan akhirnya mereka cabut lari. Jadi, bagaimana kita mahu mencari jalan keluar kalau usaha ini tidak mencapai matlamat yang kita hajatkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada strategi ketiga. Ini strategi terakhir untuk menyejahterakannya rakyat mengenai pemilikan rumah. Baru-baru ini kerajaan telah menyatakan bahawa sebanyak RM568 juta disediakan untuk membina rumah terutamanya di kawasan bandar dan 79,000 rumah PPR. Saya mahu bercakap tentang rumah PPR di Kuala Lumpur ini kerana saya orang Kuala Lumpur. Pertamanya, saya ingin memberi pujian kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana beliau mengamalkan pemberian rumah PPR di Kuala Lumpur ini mengira semua bangsa iaitu pemberi rumah PPR 1Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, sejauh manakah dan di kawasan manakah yang telah diambil kira pemberian ini secara 1Malaysia. Semua kaum dapat merasainya ataupun *balance* di antara kaum Melayu, Cina, dan India. Keduanya, masalah timbul di kawasan PPR. Kenapa terlalu lambat pembinaan pusat komuniti, pusat penjaja, pusat penjagaan warga emas, dan juga surau. Bagaimana kita mahu puaskan hati rakyat di kawasan bandar ini? Kenapa terlalu lambat dibina rumah PPR yang masih dalam perancangan? Itu saya minta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menjawabnya. Untuk menyejahterakan rakyat di kawasan bandar, kita harus pertimbangkan bagaimana mahu meningkatkan pendapatan rakyat yang miskin di kawasan Bandar.

Soal pembinaan gerai-gerai baru, saya ucapkan terima kasihlah kerana Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar begitu prihatin sediakan gerai baru, baru roboh gerai lama. Akan tetapi ada setengah-setengah kawasan, beri notis terlalu lama dan puluh-puluh notis terpaksa dirobohkan. Ini menimbulkan bantahan daripada rakyat. Begitu juga dengan penjaja kecil terutama di musim perayaan.

Kadang-kadang mereka berniaga di perayaan Deepavali, Tahun Baru Cina, dan juga bulan puasa tidak cukup tempat, atau perlukah kita menambahkan kawasan-kawasan ini supaya mereka meningkatkan pendapatan mereka di kawasan bandar? Selain tu, pendidikan harta tanah

pemberian rumah PPR, bagaimanakah sambutan setakat ini? Berapa orang yang telah membeli rumah PPR ini dan berapa yang masih kosong dan berapa masih dalam proses? Ini saya ingin tahu.

Saya juga ingin bertanya mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi RM200 juta. Apakah tindakan DBKL setakat ini? Saya tidak pasti sama ada projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi RM200 juta ini, cat semula flat, tukar bumbung, baiki atap, perbaiki parit, longkang dan sebagainya. Akan tetapi apabila saya lalu di bandar raya, flat Bandaraya ini lebih baik rupanya, lebih meriah, dan lebih nampak lawa daripada flat-flat swasta. Jadi, apakah sudah pun mula dilancarkan dalam pakej rangsangan ekonomi?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk Yang Berhormat cuma dua minit sahaja lagi, ya.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, saya minta masa kecederaan. Perkara yang menjadi masalah di kawasan bandar yang menjadi bengong dan saya pun bengong ini. Hari-hari kalau orang daripada luar Kuala Lumpur datang terlalu *jam*, jalan terlalu sesak. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, beberapa tempat yang perlu diselesaikan. Bilakah mahu disiapkan jejambat ke istana baru? Jalan Duta cukup *jam* dan orang marah. Apabila orang marah Menteri kena. Saya lihat dia buat macam-macam tetapi kena juga.

Keduanya bila mahu siap jejambat Jalan *Travers*? Kenapa ada jejambat Jalan *Travers* tetapi melalui Pantai *Expressway* masih *jam*? Kenapa Jalan Tun Razak, Sultan Ismail, dan Jalan Kuching *jam*? Kenapa Jalan Tun Razak dekat *Smart Tunnel*, Bulatan Pahang *jam*, dan ini terus berlaku. Jadi, rakyat rasanya tidak sejahtera di Kuala Lumpur terutama apabila ada segerombolan yang suka menunjuk perasaan pada hari Ahad. Hari Ahad orang bercuti, *jam* tetapi ini *balancelah*. Orang marah kerajaan dan orang marah pembangkang.

■1510

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, soal membanteras jenayah iaitu jenayah pecah rumah, mencuri motosikal, kereta perumahan-perumahan selamat dan berisiko dan juga pembangunan semula. Saya ingin sentuh mengenai jenayah yang dilakukan oleh PATI dengan jelasnya. Masalah pembantu rumah, dia datang ke sini dengan pas lawatan tetapi bekerja kemudian tidak balik, jadi dia pendatang tanpa izin. Saya ingin tahu berapa banyak yang masih ada dan berapa jumlah jenayah yang dilakukan? Soal ini Kementerian Dalam Negeri perlu ada statistik yang betul berapa yang masuk dan berapa yang keluar. Jenayah yang dilakukan oleh PATI seks bebas di antara PATI, melacur di pusat hiburan, menjual tubuh, bekerja di rumah urut, spa, refleksologi, menjual tubuh berapa ramai yang ditangkap? Bagaimana pihak polis dan imigresen bertindak? Semakin lama semakin teruk merebak, makin diserbu makin menjadi, seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian.

Kes bunuh, rogol, rompak, samun, curi oleh PATI setakat ini berapa kes, jadi saya minta statistik yang terkini agar ia dapat dilakukan secara mengikut peruntukan RM350 juta. Jadi akhir sekali inilah pandangan-pandangan saya, dengan ini saya menyokong pembentangan Bajet 2011, terima kasih *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

3.11 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas ruang untuk saya berdiri bagi membahaskan Bajet 2011 yang merupakan fasa pertama dalam RMKe-10 yang diperkukuhkan melalui Program Transformasi Ekonomi dalam usaha melonjakkan Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Najib selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2011 pada 15 Oktober yang lalu di Dewan Rakyat dan yang sama-sama kita mendengar pembentangannya oleh Menteri Kewangan Kedua di Dewan yang mulia ini pagi tadi.

Untuk mematuhi kehendak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan memberi ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya hanya ingin membahaskan isu yang dekat di hati saya dan pengalaman saya iaitu berkaitan dengan hartanah dan industri pembinaan. Akan tetapi sebelum membahaskan isu-isu yang berkenaan, saya ingin membuat komen sedikit berhubung dengan 12 bidang pembangunan yang dimasukkan dalam senarai Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Tuan Yang di-Pertua dalam tahun 2009, sebanyak RM521 bilion dana pinjaman telah diberikan secara kumulatif oleh institusi-institusi kewangan di negara ini dan daripada jumlah yang tersebut RM204 bilion ataupun 39% adalah untuk pinjaman pembelian hartanah dan pembinaan. Dengan sumbangan yang begitu besar, saya merasa hairan mengapa industri hartanah dan pembinaan tidak termasuk sebagai salah satu NKEA. Bahkan di dalam ucapan bajetnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan tiga projek raksasa yang berkaitan pembangunan hartanah iaitu Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD), pembangunan tanah di Sungai Buluh dan Projek Warisan Merdeka. Ketiga-tiganya akan menelan belanja sebanyak lebih daripada RM40 bilion.

Oleh sebab itu, izinkan saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya *dengan izin, the twelve* NKEA itu ditukar menjadi *the 12 + 1* bagi merangkumi industri hartanah. Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya seterusnya adalah berdasarkan tiga topik utama, pertama meningkatkan kadar pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia, kedua pembangunan strategik berimpak tinggi dan ketiga penerusan momentum projek-projek RMK-9 khususnya pembangunan koridor dan wilayah. Berhubung

dengan kadar pemilikan rumah, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menyokong penuh cadangan beliau untuk memupuk dan memudahkan golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah sendiri melalui Skim Rumah Pertamaku.

Sekarang ini anggaran rakyat kelas menengah dan berpendapatan sederhana adalah 50%. Ini termasuk golongan muda yang baru beberapa tahun bekerja, pasangan rumah tangga baru, graduan-graduan universiti yang mempunyai hasrat untuk mempunyai rumah sendiri di kawasan berdekatan bandar. Dengan pendapatan isi rumah sebanyak RM3000 sebulan, mereka hanya mampu membeli rumah berharga RM200,000 sehingga RM220,000, yang malangnya mampu dari segi kewangan dengan tempoh pinjaman selama 40 tahun tetapi tidak *feasible* dari segi lokasi dan kualiti rumahnya.

Masalah yang timbul ialah berapa banyakkah stok rumah yang ada di pasaran dengan harga RM220,000 sebuah dan dekat dengan bandar dan tempat kerja? Apa yang ada hanyalah rumah apartmen kos sederhana kawasan pinggir atau rumah lama yang sudah lapuk yang memerlukan kos ubah suai sehingga RM50,000. Kalau hendak mendapatkan rumah teres boleh, rumah teres satu tingkat di Ijuk Selangor ataupun di Nilai yang memerlukan hampir dua jam untuk perjalanan ke tempat kerja.

Ini disebabkan oleh ketiadaan peruntukan bagi kawalan atau kawalan yang mencukupi bagi kerajaan tempatan untuk menyediakan rumah sekitar harga RM220,000 seperti mana kawalan yang ada untuk 30% peruntukan rumah kos rendah. Boleh dikatakan kesemua penawaran stok di pasaran untuk rumah berharga RM 220,000 sekarang ini adalah harga pasaran telah ditetapkan oleh pemaju-pemaju sendiri. Jikalau ada peluang semestinya pemaju ni akan menaikkan harga ke paras yang lebih tinggi. Maka tiadalah stok rumah RM220,000 di pasaran untuk kawasan-kawasan di dalam bandar.

Justeru saya mencadangkan kawalan yang dikenakan kepada pemaju tanah, individu sekarang yakni untuk menyediakan 30% daripada jumlah unit perumahan yang dibangunkan untuk perumahan kos rendah ditukar kepada 30% rumah kos rendah dan sekurang-kurangnya 10% rumah kos sederhana iaitu yang berharga RM220,000 ke bawah. Bagi pemaju-pemaju tanah kurniaan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan seperti UDA dan HCDC saya mencadangkan sekurang-kurangnya 70% rumah-rumah ini adalah berharga RM220,000 ke bawah. Saya pasti ramai pemaju akan membantah dan menyatakan bahawa kawalan sebegitu akan mengurangkan keuntungan mereka.

■1520

Jika demikian, boleh jadi peratusan boleh diubah kepada 20% rumah kos rendah dan 10% rumah kos sederhana. Ini adalah satu penyelesaian kerana ia dapat mengurangkan masalah kerugian membina rumah kos rendah daripada perspektif pemaju dan menambahkan

stok penawaran bagi golongan sederhana untuk mencapai matlamat yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, topik kedua yang saya ingin bahaskan ialah pembangunan strategik berimpak tinggi. Saya sokong hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara dengan melancarkan projek-projek seperti di Sungai Buloh, Sungai Besi dan KLIFD atau Dataran Perdana. Cuma saya berharap pihak kerajaan akan melaksanakan kajian yang terperinci untuk memastikan keputusan yang terbaik dibuat sebelum projek-projek ini dilaksanakan.

Izinkan saya di sini untuk mengingatkan mereka-mereka yang terlibat dua faktor utama dalam proses membuat keputusan tersebut. Pertama, jumlah ruang pejabat di Kuala Lumpur sekarang ini adalah 63 juta kaki persegi. Trend atau corak penggunaan ruang pejabat di Kuala Lumpur dari 2007 hingga 2010 menunjukkan pertumbuhan *annual take out rate* dengan izin, sebanyak 1.4 juta kaki persegi setahun.

Ini bermakna Kuala Lumpur mungkin dapat *absorb* 2.94 juta kaki persegi dari sekarang hingga 2012. Jumlah ruang pejabat yang kini dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2010 ialah 1 juta kaki persegi, tahun 2011 2.5 juta kaki persegi. Manakala tahun 2012 4.9 juta kaki persegi. Ini membawa kepada penawaran ruang pejabat sebanyak 9.1 juta kaki persegi dalam pasaran hingga 2012 yang bermakna kelebihan penawaran adalah sebanyak lebih daripada 6 juta kaki persegi.

Kedua, jika projek-projek yang dicadangkan seperti projek di Sungai Besi, projek Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur atau KLIFD, projek Wawasan Merdeka dan projek Naza KL Metropolis. Ianya mungkin menambah sebanyak lebih daripada 10 juta kaki persegi tidak termasuk projek-projek pembangunan swasta yang lain. Oleh yang demikian, risiko *property of glut* adalah besar sekiranya projek-projek ini diteruskan tanpa mengambil kira faktor permintaan dan penawaran atau dengan izin, *supply and demand*.

Semua perkiraan di atas hendaklah diselaraskan dengan strategi-strategi pembangunan oleh kerajaan-kerajaan tempatan termasuk dan istimewa pula Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, khususnya Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Pelan Induk dan Jabatan Perancangan Bandar yang menjadi pengawal kadar kelulusan yang dikeluarkan.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon izin Dato' hendak tanya sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Rahim. Saya memang minat sekali tentang isu yang Dato' bangkitkan tadi dengan statistiknya terutama *supply and demand*. Memang saya jangka akan berlaku *glut* kerana ada lebih kurang 35 menara dijangka akan dibina. Cuma saya hendak menarik perhatian tentang Menara Merdeka sebab ramai kita dalam Dewan ini termasuk saya ada saham dalam PNB.

Jadi sebagai alternatifnya Dato' saya hendak tanya kalaulah Menara Merdeka itu dilihat tidak *feasible*, kita sebagai *shareholder* apakah alternatif yang Dato' boleh cadangkan supaya

kita juga dapat dengan izin, *better return* daripada wang yang telah pun ada dalam *property* tadi yang telah dibeli atau diserahkan pada PNB sebagai tukar ganti sejak hujung tahun 1990 an. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Alternatifnya selepas membuat kajian, kalaulah perlu projek ini patut ditangguhkan dan tidak semestinya dibuat dalam RMKe-10 ataupun ini sensitiflah sikit Datuk. Seperti yang di *suggest* dalam Mesyuarat Agung UMNO, *maybe* orang marahlah sikit sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau PNB. *It is better to build this in* Kampung Baru sebab are Kampung Baru...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa berjalan ya.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Ya, terima kasih. Dua minit lagi. Topik yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan penerusan momentum projek-projek RMK-9 khususnya pembangunan koridor dan wilayah. Kerajaan selama dua dekad sebelum ini telah merancang banyak projek untuk menaikkan nama negara dan meningkatkan daya saing dan kuasa ekonomi negara di persada antarabangsa.

Putrajaya dilancarkan tahun 1995, Cyberjaya 1997, Iskandar Malaysia 2006, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2007, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (MCER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dalam tahun 2008. Saya merasakan fokus dan momentum yang diberikan untuk projek-projek pembangunan koridor dan wilayah telah berkurangan. Selain daripada Iskandar Malaysia ramai rakyat merasakan koridor-koridor yang lain tidak berjalan seperti yang dirancang. Peruntukan yang dicadangkan di dalam Bajet 2011 adalah RM339 juta di Iskandar Malaysia, RM133 juta untuk NCER, RM178 juta untuk ECER, RM93 juta untuk SCORE dan RM110 juta untuk SDC.

Selain daripada peruntukan ini adalah wajar kerana kerajaan menyediakan KPI untuk pembangunan di kesemua lima koridor raya ini. Ini akan menjadi dorongan kepada pihak Lembaga Pembangunan Koridor ataupun *Corridor Development Council* untuk mencapai sasaran yang objektif dan jelas. Saya juga mencadangkan rakyat diberi penerangan terperinci dari masa ke semasa berhubung dengan pencapaian pelaburan di setiap koridor.

Selain daripada memberi penerangan melalui Majalah Malaysian Corridor terbitan Corridor Development Corporation Berhad yang saya difahamkan sekarang sudah mempunyai jilid yang kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, Sekian, terima kasih. Saya pohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Malasingam.

3.28 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam bahagia saya ucap Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin memanjangkan ucapan terima kasih kerana memberi ruang untuk turut serta dalam

membahaskan Bajet tahun 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa melengahkan masa ingin saya menyentuh beberapa isu atas tugas dan tanggungjawab saya dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM15.23 bilion bagi Kementerian Kesihatan. Dalam jumlah ini sebanyak RM13.23 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM1.98 bilion bagi pembangunan.

Saya menyeru agar perbelanjaan pembangunan ini dapat ditingkatkan bagi-bagi maksud tersebut. Kita dapati banyak kelemahan dalam pembangunan sektor kesihatan yang secara tidak langsung menjejaskan imej sektor ini. Kekurangan kepakaran juga dalam beberapa jurusan kesihatan sehingga kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak dalam mengambil pakar-pakar dari luar negara.

■1530

Ingin saya bertanya, apakah *ratio* yang ada kini dalam memperbandingkan jumlah pakar tempatan yang ada dengan pakar-pakar dari luar negara yang berkhidmat dengan hospital kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kita juga masih dapat mendengar rintihan masyarakat kerana kekurangan atau kehabisan stok dalam menyediakan peralatan dan ubat-ubatan. Apakah rancangan kementerian dalam memastikan agar fenomena sedemikian tidak berulang lagi. Apakah slogan '*Rakyat Diutamakan, Pencapaian Diutamakan*' ini dapat direalisasikan dalam sektor perubatan di negara kita.

Terdapat ramai warganegara kita yang masih berada di tahap bawah paras kebolehan bagi menyara kos perubatan di negara ini. Berapakah jumlah mereka ini yang terhutang atas bil-bil hospital kerana gagal melaksanakan pembayaran sepenuhnya? Dengan penambahan bajet sektor pembangunan di kementerian ini, saya percaya tahap penyampaian semua kakitangan kementerian terutama dalam menyediakan perkhidmatan perubatan ini dapat dipertingkatkan terutama dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dengan mengubah *mind set* kakitangan hospital bagi merealisasikan kehendak pucuk pimpinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada perkara lain satu lagi isu yang hangat diperkatakan adalah berhubung dengan kualiti pegawai perubatan kita. Didapati ramai di kalangan pegawai perubatan *housemen* yang tidak dikawal selia dengan rapi. Saya percaya ini adalah kerana *supervisor* atau pakar kita kekurangan di mana mereka-mereka ini sering menubuhkan perhatian kepada pihak swasta yang menawarkan kursus perubatan. Pihak kolej swasta kini menawarkan *supervisor-supervisor* atau doktor-doktor pakar ini untuk berkhidmat dengan mereka untuk mengajar pelajar-pelajar dari – dan ini menjejaskan komitmen mereka dalam menubuhkan perhatian mereka untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab hakiki mereka.

Apakah kementerian sedar dan memantau aktiviti sedemikian? Adakah kolej-kolej swasta ini menjadikan hospital-hospital kerajaan sebagai sumber kepakaran untuk menjana

pendapatan dan kepentingan golongan tertentu? Apakah pakar-pakar kita benar-benar berani dengan tugas-tugas sehingga minat mereka untuk menabur bakti di hospital kerajaan kini pudar?

Beralih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kadar pertumbuhan pelancong di negara kita kini telah mencecah empat kali ganda lebih tinggi pada tahun ini dan kebanyakan mereka pasti berkunjung ke Bandar raya Kuala Lumpur yang penuh dengan aktiviti serta lokasi-lokasi yang indah di bandar raya ini.

Saya ingin menyeru agar kementerian dapat memastikan tempat-tempat seperti medan selera di naik taraf agar kelihatan lebih bersih dan selesa. Saya memohon agar lokasi seperti Taman Tasik Perdana, Taman Tasik Titiwangsa dan persekitarannya dapat menyediakan kemudahan awam yang bersih dan selesa seperti contoh Medan Selera Bukit Aman. Tandas awam di Taman Tasik Perdana sentiasa dikawal selia serta di baik pulih agar ianya dapat mencerminkan keindahan bandar raya kita. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjangkan rasa syukur dan terima kasih terhadap komitmen Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan atas usaha beliau dalam mewujudkan *Little India* di *Brickfields*.

Kini dilihat lebih teratur serta mencerminkan kebolehan awam keturunan India di negara kita. Saya juga menyarankan agar kawasan-kawasan lain seperti Kampung Baru, Petaling Street dan kawasan-kawasan lain yang dapat mencerminkan perpaduan kaum di negara ini di naik taraf agar kebudayaan serta perpaduan kaum dapat diketengahkan sambil menyumbang kepada kadar pertumbuhan pelancong di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Kerja Raya saya ingin menyeru kementerian agar jalan Cameron Highland, Gua Musang...

Datuk Akbar bin Ali: Saya mohon sedikit pertanyaan Yang Berhormat. Saya tertarik hati dengan berkenaan dengan *Little India* yang mana melambangkan *multiculturalism* dengan izin. Cuma saya katakan tadi *we must learn from other people misfortune*. Di sini saya ingin menarik perhatian, ucapan Canselor Jerman yang sekarang ini. Beliau dengan tegas memberitahu dalam CNN. *Multiculturalism is dead. It doesn't exist in Germany*. Walaupun hanya ada tidak sampai 10% penduduk Islam di sana tetapi bercakap Jerman. Berdasarkan *misfortune* itu, apakah patut kita buat kalaulah kerajaan memang mahu menekankan *multiculturalism* ini agar dia terelak, terhindar daripada *misfortune* seperti itu. Terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat. Di negara kita, kita nampak bila *Little India* pun kita ada kedai-kedai lain-lain kaum pun ada di situ. *So, that it self* dengan izin ada menunjukkan *multiculturalism* diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Kerja Raya saya ingin menyeru kementerian agar jalan *Cameron Highland*, Gua Musang melalui lojing ini dapat di naik taraf. Memandangkan perjalanan ini banyak memberi ilmu tentang keadaan geografi negara kita serta alam semula jadi yang kaya dengan kehijauan dan bukit bukau asli ini harus diberikan keutamaan.

Banyak kemudahan-kemudahan asas harus disediakan agar pembangunan kesamarataan dapat diwujudkan. Saya menyeru agar lampu-lampu sepanjang perjalanan ini dapat diwujudkan dan tandas-tandas awam serta kemudahan-kemudahan kawasan rehat harus diwujudkan bagi menjamin perjalanan selesa bagi masyarakat kita. Jika kos elektrik menjadi batu halangan, saya cadangkan agar lampu jalan yang menggunakan sistem solar dapat digunakan bagi keselesaan pengguna jalan raya. Seterusnya, berhubung dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, Telekom Malaysia kini menyediakan perkhidmatan *broad band* yang memuaskan. Isu yang ingin saya bangkitkan adalah produk-produk yang disediakan oleh Telekom ini mencerminkan monopoli oleh golongan-golongan tertentu. Kenapa hanya satu jenama sahaja ditawarkan kepada pelanggan *broadband* ini? Kenapakah produk-produk *broadband* ini dihadkan kepada satu jenama sahaja memandangkan produk yang lebih berkualiti boleh didapati di pasaran dengan harga yang munasabah. Apakah kementerian sedar bahawa kualiti yang disediakan ini jauh lebih lemah berbanding dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Telekom Malaysia? Jangan sampai nila setitik, rosak susu sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Saya menyahut usaha baik kerajaan dalam mengimplementasikan mata pelajaran Sejarah di peringkat awal persekolahan. Kita sedar bahawa sejarah boleh mendidik anak kita untuk menghargai pengorbanan serta memahami asal usul dalam usaha mewujudkan satu negara yang majmuk seperti Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon agar mata pelajaran sivik juga dapat dimasukkan dalam *syllabus* ini. Usaha kerajaan dalam mewujudkan negara maju hanya dapat dicapai jika kita rakyat Malaysia mempunyai satu *mind set* dan *advance* dengan izin.

■1540

Tentang kesedaran sivik kita dapat lihat kelemahan secara keseluruhan dalam usaha kerajaan mencapai negara maju terganggu akibat kelemahan atau kekurangan kesedaran dan tanggungjawab sivik masyarakat kita tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mata pelajaran ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Menyentuh sedikit tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung dengan bantuan kebajikan yang disediakan bagi membantu keluarga dan ibu tunggal. Saya ingin menyarankan agar jumlah bantuan yang disalurkan kini harus diteliti semula memandangkan hasrat serta niat kementerian untuk membantu mereka yang memerlukan kini tidak mencerminkan komitmen kerajaan yang ikhlas dalam membantu mereka. Ini adalah kerana jumlah yang diberikan kini sudah tidak kompetitif berbanding dengan pembangunan ekonomi negara.

Saya menyarankan agar jumlah ini dinaikkan dengan segera. Untuk makluman, kadar kos kehidupan seharian di bandar boleh mencecahkan sehingga RM30 dan RM20 sehari di luar

bandar bagi seseorang yang mencari nafkah hidup seharian. Rasional ini diambil kira melalui pengalaman di mana pecahan ini adalah seperti berikut, petrol RM5 bagi motosikal, RM6 bagi sarapan pagi, RM8 bagi makanan tengah hari, RM8 bagi makanan malam dan belanja pelbagai RM7. Dengan jumlah bantuan yang diberikan ini hanya dapat menjamin kehidupan mereka tidak sampai seminggu dua dan jumlah ini juga tidak mencukupi bagi mereka memulakan perniagaan atau sebagai modal untuk mewujudkan sesuatu punca pendapatan dengan tetap.

Saya menyeru agar kementerian menyemak semula jumlah bantuan sedemikian serta garis panduan untuk menyampaikan bantuan ini juga harus diteliti. Terdapat banyak kriteria yang sudah lapuk dan tidak mengikuti perkembangan semasa terutama dalam aspek menilai tahap kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang Jabatan Pendaftaran Negara. Saya ingin tahu berapakah jumlah kes penceraian yang direkodkan bagi kaum bukan bumiputera? Berikan pecahan mengikut kaum sejak lima tahun sehingga kini berbanding dengan jumlah pendaftaran perkahwinan bagi tempoh yang sama. Apakah pihak ... yang diambil oleh kementerian dalam memastikan dalam mewujudkan keluarga bahagia setelah berkahwin? Adakah kerajaan akan menetapkan kelayakan mandatori bagi pasangan bukan bumiputera yang ingin berkahwin untuk menghadiri kursus perkahwinan sebelum sesuatu pendaftaran perkahwinan dilakukan seperti mana bagi umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai komitmen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak kebelakangan ini kita banyak mendengar rintihan daripada masyarakat tentang kegagalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan tempat pembakaran mayat bagi kaum bukan Islam telah diabaikan dalam keadaan yang begitu daif sekali. Ini secara tidak langsung menyebabkan pencemaran udara dan alam sekitar yang begitu ketara. Apakah kementerian sedar bahawa peralatan yang diguna pakai juga kebanyakan telah mencapai usia yang terlalu matang sehingga kos pembaikan mencecah lebih daripada penggantian *incinerator* baru. Tidakkah kementerian bercadang atau membincangkan alternatif untuk menaik taraf semua kawasan-kawasan pembakaran mayat yang kini usang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin bertanya Menteri Belia dan Sukan mengenai perwujudan Rakan Muda yang satu ketika dahulu menjadi program yang amat memberangsangkan dan menarik minat golongan belia muda. Usaha mendekati golongan belia dalam pelbagai sektor telah berjaya dilaksanakan. Baru-baru ini Kementerian Belia dan Sukan juga telah berganding bahu bersama Pemandu dalam usaha memperkasakan penglibatan belia melalui makmal Gen-Y iaitu dari golongan belia berumur dalam lingkungan 10 hingga 28.

Dalam masa yang sama jawatan penggerak yang diwujudkan juga turut memainkan peranan yang amat aktif dalam mengembalikan tenaga muda dalam merealisasikan program kementerian di seluruh pelosok negara. Apakah kedudukan mereka memandangkan kewujudan mereka ini pudar? Adakah kementerian akan mengaktifkan kembali jawatan tersebut dan jika ya,

bilakah kementerian akan *mobilizekan* mereka ini? Berapakah jumlah penggerak yang diluluskan sehingga sekarang? Apakah program-program yang telah digariskan bagi golongan ini dan apakah bantuan kewangan disediakan melalui program Rakan Muda ini?

Saya difahamkan bahawa kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan kewangan bagi menghidupkan kembali organisasi ini dan pohon agar ia disegerakan bagi memastikan tenaga muda ini diguna pakai dengan mantap. Ini juga akan melahirkan pemimpin pelapis dalam pemandu belia kita ke arah yang lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon kementerian yang terlibat atas isu-isu yang dibangkitkan ini dijawab dengan berlandaskan slogan '*Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan*' Sekian, mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

3.47 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya laluan untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan ucapan Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Oktober lepas. Begitu juga dengan pembentangan rang undang-undang yang berkaitan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, polisi-polisi serta dasar-dasar baru dan berkesan yang telah dibentangkan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri seperti NKRA, NKEA, ETP, MBE, Pelan Transformasi Negara dan yang terbarunya Talent Corporation atau Perbadanan Bakat. saya melihat dan berpendapat bahawa dasar-dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini merupakan satu *yardstick* atau *benchmark* dengan izin yang penting untuk melihat sejauh mana kesungguhan barisan kepimpinan hari ini mengotai apa yang dikata, menunaikan apa yang di janji seiring dengan laungan Gagasan 1Malaysia, '*Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan*'

Seterusnya membuka pintu ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi selaras dengan hasrat ke arah Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju dirantau ini. Oleh itu saya ingin bagi *salute* dengan izin tabiklah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas inisiatif beliau ini yang saya rasa datang dari seorang yang memang betul-betul berjiwa rakyat dan prihatin terhadap rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan perbincangan saya dengan mengupas lima isu yang saya fikir agak penting. Pertama, isu *parameter survey* atau *demarcation of NCR land* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua sebelum saya teruskan mengupas isu ini saya ingin juga mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menganugerahkan sebanyak RM20 juta bagi tujuan *parameter survey* atau *demarcation of NCR*

land dengan izin di Sarawak baru-baru ini. Ini memanglah suatu berita baik yang telah selama ini sentiasa dinanti-nantikan oleh penduduk Sarawak terutamanya pemilik tanah berstatus NCR ini.

Adalah penting untuk kerajaan negeri mengukur, meletakkan sempadan bidang kuasa tanah bagi sesuatu kaum supaya tidak timbul isu berbangkit di kemudian hari seperti ukuran yang tidak jelas, hak tanah yang bertindih dan isu pemberian *land title* dengan izin. Ini kerana hari ini kaum peribumi masih mengharapkan agar tanah mereka diberi *land title* terutama tanah yang terlibat di dalam projek kerajaan.

■1550

Begitu juga dengan tanah adat atau NCR *land* yang harus diiktiraf oleh kerajaan sebagai NCL kaum peribumi. Pada pandangan saya, penjelasan terhadap pemberian *title* tanah juga ada pro dan kon nya. Pemberian *title* tanah kepada masyarakat peribumi mungkin menghadapi risiko bahawa tanah itu akan dijual kepada kaum bukan bumiputera ketika keadaan mendesak. Namun, bagaimana pula jika tanah ini tiada *title* langsung dan diberikan PL (*Provisional Listing*) kepada pihak swasta. Saya ingin bertanya adakah masa depan penduduk peribumi masih terjamin?

Realitinya banyak kes yang telah dan sedang berlaku di Sarawak yang melibatkan tuntutan pampasan terhadap tanah adat yang diusahakan oleh pihak swasta yang tidak mendapat imbuhan yang dijangkakan. Malah banyak mengambil jalan terakhir dengan membawa kes ke mahkamah. Tindakan yang sedemikian boleh dilihat sebagai bukti kegagalan kerajaan menangani masalah ini. Isu pokoknya adalah hak penduduk terhadap tanah adat mereka masih terkapai-kepahi dan tidak diiktiraf. Contohnya seperti tanah Temudak dan Pulau Galau untuk masyarakat Iban, atau **Duan** dalam masyarakat Kayan-Kenyah. Di sini, saya pohon agar Kerajaan Pusat dapat melihat dan membantu menyelesaikan isu berbangkit ini demi penyelesaian dan kesejahteraan penduduk yang terbabit di Sarawak.

Soal seterusnya ialah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu ini kerana ialah isu pengangkutan air. Saya menyentuh isu ini kerana pengangkutan air yang selama ini menjadi tunjang pengangkutan utama penduduk terutama di pedalaman Sarawak. Saya beri contoh, untuk ke Kapit, Kapit ialah sebuah pekan atau bandar kecil di Sarawak, pengunjung perlu menggunakan bot ekspres. Bot ekspres yang digunakan itu tidak ubah seperti *floating coffin* (keranda terapung) yang digunakan sebab pada pendapat saya, *safety configuration*, dengan izin *express boat* ini memang tidak mencukupi atau memadai. Saya telah menggunakan bot ekspres tersebut banyak kali. Setiap kali menggunakannya saya begitu takut kerana berlakunya kemalangan, memang agak sukar untuk penumpang-penumpang keluar kerana kekurangan atau tiada pintu kecemasan. Kalau saya tidak silap, cuma ada dua pintu kecil untuk keluar dan masuk ke dalam bot ekspres untuk kegunaan lebih kurang maksimum 100 orang penumpang setiap kali. Bot ekspres yang seperti inilah yang menjadi pengangkutan utama untuk sampai ke Kapit dari Sibu dan begitu juga di tempat-tempat lain di Sarawak. Ini mungkin kerana keadaan bentuk muka bumi menyukarkan jalan raya dibina malahan jalan raya dari bahagian Sibu hanya sampai ke

Kanowit setakat ini. Walaupun begitu, saya harap ia tidak menjadi alasan untuk jalan raya tidak dibina.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penduduk-penduduk pedalaman terdedah pada bahaya kerana arus sungai yang deras di Sarawak. *Express boat* yang tidak diselenggarakan dengan baik, tiada atau kurangnya *life jacket* ataupun jaket keselamatan, ancaman buaya dan yang menyayat hati sekali ialah murid-murid yang masih kecil yang terpaksa bersabung nyawa untuk ke sekolah menaiki perahu setiap hari terdedah pada bahaya ombak dan sebagainya. Bot pula kadang-kadang hanya bot pancung, bot yang tidak ada bumbung. Begitu juga dengan perahu. Bayangkanlah jika hari hujan dan cuaca buruk, sudah tentu murid-murid ini basah kuyup. Namun, saya cukup berbangga dengan semangat juang mereka untuk menuntut ilmu yang tidak menghiraukan bahaya yang bakal mengundang sekiranya sesuatu berlaku semasa dalam perjalanan ke sekolah. Kita tidak mahu berulangnya tragedi bot ekspres karam di Sungai Anap yang mengorbankan banyak nyawa berulang lagi hanya kerana infrastruktur tidak lengkap, bot yang usang dan kecuaiannya pemandu.

Isu yang saya akan bangkitkan seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah isu hutan atau dengan lebih *direct* pembalakan haram di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, permasalahan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan hutan di Sarawak adalah aktiviti pembalakan haram yang semakin berleluasa. Ada tuduhan yang mengatakan ia didalangi oleh golongan berpengaruh, menggunakan teknologi canggih seperti helikopter dan sungai-sungai untuk menghanyutkan balak-balak yang dipotong. Saya pohon agar semua sumber yang ada pada agensi terbabit digembleng bagi meningkatkan keupayaan kerja dalam menangani aktiviti pencerobohan hutan di negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar memperkasakan keupayaan dan memperkukuhkan kerjasama antara organisasi yang melibatkan Jabatan Hutan Sarawak, *Sarawak Forestry Corporations* dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dalam usaha kerajaan dan agensi berkaitan membanteras aktiviti haram ini sehingga ke akar umbi.

Saya juga pohon agar kerjasama serta sokongan daripada agensi-agensinya penguat kuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia dan juga bagi pihak masyarakat setempat agar terus memberikan bekerjasama dan menyalurkan maklumat berhubung aktiviti pembalakan haram kepada pihak berleluasa agar pembanterasannya aktiviti berkenaan dapat dilakukan dengan segera. Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, tidak semua aktiviti pembalakan ini tidak baik. Aktiviti pembalakan berlesen mendatangkan manfaat kepada penduduk tempatan. Kalau dilihat secara holistik, peranan syarikat balak negeri ini juga turut memberikan sumbangan penting termasuk kepada masyarakat setempat dan ekonomi negara. Ini kerana syarikat balak yang beroperasi juga turut menyediakan kemudahan jalan raya, jambatan dan sebagainya kepada masyarakat setempat. Walaupun jalan raya yang

disediakan tidak sesempurna jalan raya di kawasan bandar tetapi sekurang-kurangnya penduduk mempunyai pilihan untuk berulang-alik.

Perkara yang keempat ialah isu sekolah luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, menurut kenyataan oleh Ketua Menteri Sarawak baru-baru ini iaitu usaha untuk melakar perancangan untuk Sarawak memiliki lebih banyak institusi pengajian tinggi ialah bagi melatih lebih ramai rakyat Sarawak menjadi tenaga kerja yang berkemahiran tinggi yang boleh mempelbagaikan kegiatan ekonomi masa depan yang memerlukan rakyat memiliki kemahiran teknologi yang tinggi. Beliau juga berkata dengan sumber semula jadi yang semakin berkurangan, generasi masa depan Sarawak perlu dilatih untuk meneroka dan memanfaatkan sumber baru yang boleh mengekalkan tahap pembangunan negeri Sarawak. Saya amat menyokong usul beliau yang dilihat bakal memartabatkan modal insan melalui meningkatkan taraf pendidikan rakyat Sarawak selaras usaha kerajaan merealisasikan impian Kerajaan Pusat ke arah menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, sekolah-sekolah ataupun banyak sekolah di Sarawak yang masih amat daif. Kemudahan infrastruktur yang tidak sempurna, tiada bekalan elektrik dan air, terpaksa menggunakan air perigi, jana kuasa menggantikan bekalan elektrik, kerusi dan meja begitu usang, tiada guru yang berkelayakan yang cukup. Guru yang ada pun terkinja-kinja memohon bertukar semula ke Semenanjung Malaysia gara-gara kemudahan yang daif. Mereka ini tidak tahan dan mahu pulang dengan cepat. Maka, hendak mengajar pun tidak bersemangat dan sambil lewa. Kualiti keputusan peperiksaan merosot. Jarang sekali kita dengar sekolah pedalaman Sarawak mencapai keputusan 100% apatah lagi muncul sebagai sekolah terbaik. Saya juga mohon bertanya akan jumlah *ratio* guru dan murid di Sarawak terutamanya di pedalaman Sarawak, berapakah jumlah guru tempatan yang mengajar di Sarawak? Apakah langkah menggalakkan lebih ramai guru yang berasal dari Sarawak untuk kembali berkhidmat di Sarawak? Saya lihat ia boleh menyelesaikan isu guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang memohon balik ke Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir, saya kupas seterusnya ialah isu kemudahan infrastruktur di Sarawak. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Pusat memperuntukkan RM4.8 bilion pada RMKe-10 dan sejumlah RM3.05 bilion yang bakal dibelanjakan pada tahun 2011 bagi memperbaiki dan mempertingkatkan pelbagai program pembangunan kemudahan asas di Sarawak.

■1600

Saya mencadangkan program pembangunan menumpukan kepada melaksanakan beberapa projek seperti menambah baik jalan raya, pembangunan perumahan bagi rakyat termiskin, Projek BELB (Bekalan Elektrik Luar Bandar) dan juga Projek Bekalan Air Bersih terutama bagi kawasan luar bandar.

Bagi orang luar yang belum pernah berkunjung ke pedalaman atau pesisiran Sarawak, jangan terkejut jika anda berkunjung ke sesetengah kawasan ini kerana anda bakal mendapati bagaimana masih ada kawasan yang masih tidak mendapat bekalan air bersih, jalan raya berturap dan elektrik. Kalau di KL atau kawasan-kawasan bandar, kita lihat bangunan-bangunan, pokok-pokok dihiasi dengan lampu-lampu yang berkelipan tetapi di sesetengah kawasan pesisiran dan pedalaman Sarawak, sebatang tiang elektrik pun tidak ada.

Hakikatnya, kebanyakan luar bandar Sarawak masih mundur dari segi prasarana, kemudahan kesihatan, persekolahan, bekalan api dan air dan peluang pekerjaan berbanding di Semenanjung.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Justeru, saya begitu gembira apabila mendengar pengumuman Kementerian Luar Bandar mengumumkan kerajaan sedang giat melaksanakan projek kemudahan asas di negeri ini dengan peruntukan RM3.5 bilion bagi tahun hadapan seperti diumumkan dalam RMKe-10.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan begitu juga dengan menteri-menteri dari Kerajaan Pusat kerana sudi turun padang berkunjung ke kawasan pedalaman seperti kawasan Iban dan sebagainya, dalam usaha untuk meyakinkan masyarakat di situ bahawa pembangunan yang dijanjikan kepada mereka tetap akan dikotakan oleh kerajaan. Ini termasuk jalan yang sangat-sangat diperlukan untuk menghubungkan kawasan di sekitarnya.

Sesungguhnya, saya mohon maaf kepada negeri-negeri lain di Malaysia, tetapi rakyat Sarawak memang memerlukan lebih banyak perhatian dan peruntukan. Rakyat Sarawak yang tinggal di luar bandar telah terlalu lama menunggu untuk menikmati kemudahan dan prasarana asas. Sungguhpun begitu, mereka tidak pernah berputus asa dan tetap akur dan taat kepada kerajaan. Saya kira sudah sampai masanya kita buktikan kepada rakyat bahawa kita tidak memilih bulu, menyamaratakan pembangunan dan tidak pilih kasih selari dengan slogan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Apabila menyentuh hal pembangunan, kadang-kadang saya terfikir akan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap? Ini ada Usul daripada Menteri.

Puan Doris Sophia ak Brodi: *Okay. All right.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****4.03 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 15 Disember 2010.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh teruskan lagi dua minit Yang Berhormat.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ya. Saya kira sudah sampai masanya kita buktikan kepada rakyat bahawa kita tidak memilih bulu, menyamaratakan pembangunan dan tidak pilih kasih selari dengan slogan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’.

Apabila menyentuh hal pembangunan, kadang-kadang saya terfikir akan masalah ini. Mengapa bumi Sarawak yang lebih terkenal dengan Bumi Kenyalang masih mundur? Sepatutnya politik keperluan asas sudah lama berlalu, mengambil kira kekayaan sumber muka bumi di negeri Sarawak. Mengapakah kita masih lagi bergelut dengan kemiskinan dan keperluan kemudahan asas? Adakah kerana kepincangan dari segi perancangan atau kerana pelaksanaan projek yang lemah? Adakah ia kerana masalah ketirisan atau sesungguhnya kerana jumlah peruntukan yang tidak berpadanan dengan keperluan negeri seluas seluruh Semenanjung Malaysia dengan 5,000 buah rumah panjang bertaburan di merata-rata tempat, di sepanjang sungai, bukit dan gunung-ganang di Bumi Kenyalang ini?

Saya difahamkan makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar telah mengenal pasti keperluan rakyat terutama di Sabah dan Sarawak bagi Program Transformasi Kerajaan. Dengan itu, saya benar-benar berharap selepas ini tiada lagi alasan bumi Sarawak tidak mendapat kemudahan asas selepas 50 tahun merdeka. Saya melihat kesungguhan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam

memperlihatkan komitmen yang jitu untuk mengubah nasib penduduk di luar bandar dengan menyalurkan peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Peruntukan yang besar memang diperlukan untuk kedua-dua negeri terbabit kerana saiz geografinya yang besar, keadaan pembangunan dan kadar kemiskinan yang masih terkebelakang berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seruan Yang Berhormat itu baik sekali. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin. Selepas itu Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Jangan keluar dari Dewan kerana *your time will coming*. Persilakan Yang Berhormat.

4.07 ptg.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya membincangkan rang undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan 2011.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, peruntukan tahun 2011 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita semua hadir di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2010 telah pun membawa kita kepada satu konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Jadi, segala peruntukan yang disediakan ini adalah untuk kepentingan rakyat keseluruhannya tidak mengira kaum, bangsa, agama dan budaya. Jadi oleh kerana itu, kita lihat bahawa pada hari ini satu peruntukan yang telah pun tadi dibentangkan oleh Menteri Kewangan II dan di situ kita melihat bahawa Akta Perbekalan 2011 mempunyai peruntukan yang amat besar iaitu RM129,493,783,700.

Jadi, peruntukan ini jika dibandingkan – kalau kita lihat, adalah satu peruntukan yang amat besar bagi membantu rakyat di seluruh negara kita. Jadi, kelihatan bahawa negara kita sudah menghadapi satu peruntukan yang agak boleh membangunkan negara ini dan suatu hari nanti pada tahun 2020 akan menjadi negara maju dan juga berpendapatan tinggi.

Dari peruntukan itu, telah pun dibahagikan – kalau mengikut senarai ini ialah sebanyak 30 jabatan dan kementerian – sebanyak 30 kesemuanya. Apa yang hendak saya kemukakan di sini, kita lihat kementerian yang paling banyak diberikan peruntukan ialah Kementerian Pelajaran iaitu sebanyak RM29,360,378,000. Ia yang paling tinggi.

■1610

Ini merupakan sesuatu yang penting bagi kita ialah untuk membangunkan dan memajukan modal insan yang berkualiti. Jadi kerana itu, peruntukan yang begitu besar disediakan untuk Kementerian Pelajaran.

Kedua terbesar yang kita lihat di sini ialah Kementerian Kewangan iaitu sebanyak RM28,703,649,200. Ketiga ialah Perkhidmatan Am Perbendaharaan – untuk kepentingan

perkhidmatan am iaitu sebanyak RM22,034,743,100. Ketiga-tiga ini – dan yang lainnya adalah dalam senarai ini.

Jadi, saya ingin membincangkan dan memberikan pandangan berhubung dengan peruntukan yang diberikan kepada – yang saya terlibat secara langsung, iaitu di dalam bidang seni mewakili bidang seni seperti filem dan lain-lainnya. Jadi kementerian ini di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Kita lihat di bawah kementerian ini, ia mempunyai peruntukan sebanyak RM1,649,270,000 yang dibahagikan kepada tiga iaitu kita lihat komunikasi dan kebudayaan adalah berjumlah RM1.65 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM843.2 disediakan untuk tujuan penerangan, penyiaran dan komunikasi dan seterusnya ialah kebudayaan dan warisan sebanyak RM150.6 juta.

Jadi oleh sebab itu kita melihat ada beberapa perkara yang hendak saya kemukakan di sini berhubung dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kita semua sedia maklum bahawa kementerian ini mempunyai jabatan yang banyak. Satu kementerian hanya mempunyai jabatan yang paling banyak ialah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu sebanyak 19 jabatan di bawahnya. Maka itu, peruntukan RM1 bilion ini mungkin tidak mencukupi kerana jabatannya ada 19 di bawahnya.

Jadi oleh sebab itu, hari ini kita mempunyai pelbagai masalah yang timbul kerana peruntukan ini barangkali – sebab itu kita lihat kementerian khususnya FINAS sebagai satu badan yang menjaga kepentingan industri perfileman... Hari ini kita mempunyai masalah kerana telah pun diumumkan – dua hari yang lepas saya telah dihantarkan apa yang telah dikemukakan ini adalah merupakan satu memorandum yang diberikan kepada saya oleh persatuan-persatuan perfileman. Jadi saya diminta untuk mewakili mereka. Jadi di lihat di sini kementerian telah pun mengumumkan baru-baru ini dan dikeluarkan – ada panjang lebar di sini.

Kementerian menerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) untuk menghentikan pemulangan sebanyak 20% duti hiburan. Tidak lagi dibayar kepada penerbit-penerbit filem tempatan daripada setiap penayangan filem mereka. Jadi barangkali kerana tidak cukup peruntukan untuk diberikan, maka itu dihentikan. Maka ini adalah merupakan sesuatu yang saya rasa haruslah dikaji semula oleh Kementerian Kewangan dan kerajaan bagaimana hasrat Perdana Menteri untuk mendahulukan rakyat.

Apabila penerbit filem-filem tempatan tidak mendapat duti hiburan yang dikembalikan kepada penerbit filem tempatan, sudah tentu mereka akan kerugian di dalam mereka menayangkan filem-filem tempatan, di mana tidak ada wang yang lebih untuk membayar kepada para pelakon, pengarah dan kerjaya-kerjaya dalam kerjaya seni. Jadi akhirnya apa yang akan berlaku, mereka tidak dapat pada tahun-tahun yang akan datang – tahun 2011 ini, tidak mendapat hasil yang tinggi.

Oleh sebab itu, kita harus melihat perkara ini hendaklah dikaji semula kerana pada ketika itu secara kebetulan saya mewakili dan memperjuangkan duti hiburan itu semasa saya menjadi

Presiden Persatuan Pengeluar Filem – saya perjuangkan supaya minta kerajaan bantu penerbit filem tempatan memberikan hasil daripada duit hiburan itu kepada filem tempatan. Ini kerana apa yang berlaku sekarang ini, pawagam-pawagam yang ada di seluruh negara pada hari ini hanyalah dimiliki oleh bukan orang tempatan dan kebanyakannya daripada luar. Jikalau ada pun tempatan, ia terlalu kecil.

Jadi, setiap filem yang ditayangkan di pawagam itu, mereka mengambil 50%. Kalau dipungut RM2 juta, RM1 juta diambil oleh pawagam dan tinggal RM1 juta. Jadi kita mengharapkan RM2 juta itu dapatlah duit hiburan yang boleh *discover* semula tetapi tidak dapat. Jadi hari ini kita merasa amat sukar kerana kita melihat hari ini ada lebih kurang 60 pawagam yang menayangkan filem-filem tempatan. Bererti, pengusaha filem tempatan terpaksa membuat *print* sebanyak 60. Satu di antaranya ialah lebih daripada 3,000 – hampir 3,600 dan ada yang 4,000. Cuba bayangkan hampir RM100,000 kadang-kadang terpaksa keluar.

Begitu juga dari segi mereka membuat promosi filem itu di mana lebih kurang RM100,000 hingga RM150,000. Jikalau dahulu kita mendapat promosinya kita membuat *advertisement* dengan izin, di stesen-stesen televisyen khususnya di RTM dan mereka hanya bayar 50% sahaja tetapi sekarang dibayar penuh. Jadi oleh sebab itu penerbit-penerbit filem tempatan menghadapi masalah.

Jikalau dahulunya kita mempunyai pawagam yang dibina oleh kerajaan iaitu dibina oleh UDA – banyak di negeri kita seperti di Selangor, Johor dan di merata-rata dibina oleh UDA dan selepas itu UDA telah ditukar dan bukan lagi milik kerajaan dan diswastakan. Maka dengan sendirinya, pawagam selepas itu ditutup. Jadi bererti, kita tidak dapat lagi – kalau pawagam-pawagam UDA dahulu biasanya kita berbincang dan mendapatkan yang lebih tinggi – 70% atau 80%. Jikalau filem-filem asing yang ditayangkan di negara sekarang ini hampir 70%, mereka dapat hanya – pawagam mengambil 30% berdasarkan kepada koleksinya. Apabila dapat banyak *box-office* dengan izin, maka dengan sendirinya dia akan beri kepada penerbit lebih banyak.

Akan tetapi hari ini kita menghadapi masalah kerana 50% – kalau dia dapat hasil daripada jualan tiket RM4 juta, hanya dapat RM2 juta. Belanjanya RM1.5 juta dan kemudian kita mempromosinya hampir ratusan ribu dan juga *print* yang dibuat. Modal biasanya RM1.5 juta minimum dan ada juga yang lebih daripada itu – terpulang, tengok filemnya. Jadi oleh sebab itu kita menghadapi masalah-masalah yang sangat besar.

Saya pernah diberikan cadangan supaya mencadangkan kerajaan untuk mempertimbangkan semula hal itu seperti mana yang kita tahu sekarang ini banyak masalah yang timbul daripada penerbitan filem dan kerana itu kita juga menghadapi masalah kerana filem hari ini adalah satu daripada usaha kerajaan untuk mempromosikan – seperti mana hari ini – kalau saya diizinkan untuk membaca apa yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

“Industri kreatif mempunyai potensi besar untuk dimajukan lagi bagi menjana pendapatan negara. Industri ini meliputi animasi, pengiklanan, perfileman, seni reka fesyen, kraf dan warisan budaya. Untuk memanfaatkan potensi industri ini, Kerajaan akan membangunkan dasar industri kreatif secara bersepadu. Sejumlah RM200 juta disediakan untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan dokumentari keluaran tempatan yang berkualiti tinggi.”

■1620

Untuk menghasilkan filem yang berkualiti tinggi, tentulah modalnya juga perlu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat peruntukan itu diberikan di bawah Bank Simpanan Nasional. Oleh kerana itu, apabila peruntukan itu diberikan kepada bank, tentulah bank akan meminta daripada penerbit-penerbit untuk ada orang yang *guarantor* dengan izin, yang menjamin pinjaman-pinjaman itu. Jadi kerana itu, saya juga diminta untuk mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya peruntukan itu diberikan kepada FINAS kerana FINAS adalah jabatan yang telah diberikan oleh kerajaan sebagai sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan industri perfileman.

Semasa itu, secara kebetulan saya menjadi Pengerusi FINAS. Jadi saya meminta supaya peruntukan itu diberi melalui FINAS tetapi hari ini peruntukan itu diberi kepada bank. Ada di antara mereka yang menyuarakan di sini, oleh kerana tidak dapat hasil daripada situ, mereka menghadapi masalah untuk hasil daripada filem itu, mereka sekarang ini tidak mendapat pinjaman dengan mudah. Jadi kerana itu, saya mengharapkan supaya perkara-perkara seperti ini dapat dipertimbangkan semula. Saya juga telah diberikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Tiga minit sahaja lagi? *Insya-Allah*. Bajet 2011 ini telah mengumumkan dana industri kreatif berjumlah RM200 juta yang ‘dibiayai’ oleh Bank Simpanan Nasional. Jadi, berapakah jumlah permohonan itu yang diberikan? Hari ini ia mempunyai masalah kerana ada di antara mereka yang telah membuat permohonan dan tidak diluluskan di atas sebab-sebab kerana syarikat itu belum mempunyai peruntukan sendiri dan juga barangkali baru ditubuhkan. Inilah yang mereka minta.

Ada juga yang telah mencadangkan – saya diminta untuk membawa usul ini ke Dewan Negara kerana mewakili industri seni perfileman khususnya, supaya FINAS itu *dicorporatisekan*. Jadi apabila FINAS ini *dicorporatisekan*, maka kita dapat memasukkan mereka-mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menerbitkan filem boleh membuat *joint venture* dengan izin, dengan FINAS. Sekarang ini ia di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Jadi dengan itu mereka mencadangkan supaya kalau boleh, ia *dicorporatisekan*. Juga, peruntukan yang diberi oleh Menteri Kewangan yang juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat diberikan kepada FINAS dan bukan kepada sebuah bank. Dahulu, memang

peruntukan itu diberikan kepada FINAS. Inilah perkara-perkara yang diminta untuk saya mengemukakan. *Insyah-Allah*, saya mengharapkan bahawa perkara ini dapat dipertimbangkan.

Satu lagi yang akhir sekali ialah berhubung dengan pengajian tinggi. Dahulunya saya juga telah membawa ke Dewan berkenaan dengan Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Saya telah mengemukakan perkara ini supaya kerajaan menubuhkan pengajian tinggi dalam bidang seni. Maka dengan itu, Akademi Seni Kebangsaan telah pun dinaikkan taraf dan menjadikannya sekarang ini ASWARA yang bertaraf universiti. Akan tetapi apa yang berlaku baru-baru ini, ada di antara graduan daripada Akademi Seni Kebangsaan (ASK) – yang sekarang ini ASWARA – yang telah lulus dan selepas itu pergi meminta kerja tetapi tidak diluluskan oleh JPA kerana ia bukan sebuah institusi pengajian tinggi. Ia di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Maka itu, mereka telah mengemukakan kepada saya supaya bawa usul ini. Mereka lulus dan mendapat ijazah tetapi tidak mendapat pekerjaan. Melalui JPA tidak dapat tetapi kalau melalui swasta, bolehlah barangkali. Jadi mereka hendak bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan tetapi tidak dapat. Saya minta Kementerian Pengajian Tinggi dapat mempertimbangkan bagaimana dapat diberikan peruntukan ini supaya mereka apabila lulus dari ASWARA ini dapat bekerja di jabatan-jabatan kerajaan agar dapat menaikkan dengan izin, *income* mereka supaya kita dapat menjadikan gagasan kita – Wawasan 2020, bahawa kita akan mendapat modal insan yang berkualiti dan kemudiannya mendapat hasil yang baik.

Jadi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai wakil kumpulan seni, saya fikir beliau telah banyak bercakap berkenaan bidang seni itu. Baguslah Yang Berhormat. Seterusnya, kita mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin. Silakan Yang Berhormat.

4.26 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2011 pada petang ini. Saya bermula dengan terjemahan ayat suci Al-Quran. Pertama, surah Ibrahim ayat yang ketujuh,

“Kalau kamu bersyukur atas nikmat-nikmat ku, Aku akan tambah lagi nikmat-nikmat ku tetapi kalau kamu kufur nikmat, ingatlah sesungguhnya seksa ku amat pedih”.

Surah al-Imran ayat 26,

“Allah akan memberikan kerajaan kepada sesiapa yang dikehendaki dan Allah akan tarik kerajaan daripada siapa yang dikehendaki. Allah muliakan

sesiapa yang Allah kehendaki dan Allah hina kepada sesiapa yang Allah kehendaki. Di tangan Allah lah, di dalam genggamannya Allah lah segala rezeki dan kehendakNya.”

Agenda kerajaan Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana untuk membahagiakan rakyat. Kebahagiaan rakyat adalah perkara yang harus menjadi keutamaan dan prioriti. Setiap pemimpin mesti tunaikan segala amanah dan tanggungjawab untuk mewujudkan negara yang paling gembira. Berapa ciri untuk membahagiakan rakyat? Ia ada formulanya iaitu:

- (ii) Penduduk disediakan satu sistem kesihatan yang bermutu;
- (iii) senyuman mesra disokong layanan yang cekap;
- (iv) mencatatkan keluaran negara kasar yang tinggi;
- (v) peluang pendidikan khas yang mampu menghasilkan rakyat berilmu;
- (vi) mengatasi masalah alam sekitar, kenaikan harga barang, kemudahan awam untuk semua termasuk orang kurang upaya; dan
- (vii) menjaga keselamatan seluruh rakyat negara ini.

■1630

Saya ada bangkitkan tentang kesihatan. Jangka hayat lelaki tahun 1957, 56 tahun tetapi sekarang sudah 71.9 tahun. Wanita, pada tahun 1957 jangka hayat umurnya 58 tahun. Sekarang 76.4 tahun. Jaga-jaga orang lelaki. Mesti hidup gaya sihat sesihat Tuan Yang di-Pertua. Kematian bayi. Kita dapati daripada 75.5% kematian setiap 1,000 pada tahun 1957 tetapi sekarang 6.6% kematian setiap 1,000 kelahiran. Yakni statistik tahun 2006. Adalah satu, dua kematian yang kecoh. Yang itu tidak dapat dihindarkan. Maafkanlah kerajaan.

Satu perkara baru-baru ini, saya dapat SMS tidak berhenti-henti. Harga gula naik 20 sen. Saudara saya sudah bahaskan tadi dan minyak 5 sen. Jadi, saya menyokong kenaikan tersebut. Saya sokong juga moto kerajaan “kurang gula, bebas gula”. Di Perlis kita sudah mula tutup kilang gula. Bukan apa Tuan Yang di-Pertua, gula ini bagus tetapi kalau sudah lebih ia jadi musuh ketat kita.

Saya beri perincian, siapa yang kena kencing manis? Yang teruk sekali ialah pegawai kanan kerajaan dan *managers* Tuan Yang di-Pertua 15.9% profesional 10%, perkeranian 8.7%, suri rumah yang duduk di rumah 14.2%, penganggur lagi bahaya asyik minum teh tarik 16.1%. Siapa yang agak terkebelakang sedikit, orang yang kerja kuat, orang yang sihat nelayan dan petani. Saya sokong naik lagi harga gula. Untung petani.

Sebab saya dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Perlis, apa sahaja yang kerajaan negeri minta saya akan sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan negeri minta petani-petani menyuarakan harapan, bantuan daripada pihak kerajaan melalui Pertubuhan Peladang kawasan masing-masing di mana masalah ini telah pun dilaporkan kepada Majlis Keselamatan

Negara Negeri Perlis dan Yang Berhormat Exco Pertanian Industri Asas Tani dan Pembangunan Koperasi.

Walau bagaimanapun, bantuan kemarau bagi tanaman padi tidak mendapat maklumat daripada pihak kerajaan. Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jawapan di atas permohonan yang dibuat semasa musim kemarau yang lepas. Ini kerana arahan Ketua Setiausaha Negara, tiap-tiap surat mesti dijawab dalam masa dua minggu. Sekarang sudah masuk dua bulan. Jangan lawan KSN, tidak naik pangkat, susah.

Kedua, petani juga minta sebab saya orang kampung, dia tidak faham NKRA ini, KPI ini dia tidak faham, import tertunggak lagi dia tidak faham. Memandangkan negeri Perlis sebagai pengeluar benih padi sah, memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan kuota untuk mengeluarkan sejumlah 10,000 metrik tan benih padi sah. Tanggungjawab ini boleh diberikan kepada Pertubuhan Peladang Negeri.

Buat masa sekarang, di Lahar Bubu pengeluarannya 7,680 metrik tan dan di Teluk Chengai 5,000 metrik tan dan program pengeluaran benih padi sah di Sabah dan di Sarawak sudah mula pada 2009 dan belum mencukupi di Semenanjung. Saya harap perkara ini diambil perhatian serius oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kerana inilah yang sangat-sangat kritikal, yang diperkatakan oleh masyarakat petani luar bandar iaitu ketidakcukupan benih padi sah.

Dahulu ada satu cop yang dibuat cop sah. Itu bukan, itu satu penipuan. Lama baru Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat mengesan tentang nama sah. Nama pun penting.

Ketiga ialah, ini cadangan lama kerana banjir di Perlis dan Kedah. Cadangan sudah lama dihantar, saya hendak ingatkan balik sebab mungkin lupa. Membina Sungai Buang daripada Empangan Timah Tasuh ke Sungai Temenggong, masuk ke Sungai Perlis terus ke Kuala Perlis. Cadangan ini adalah cadangan saluran banjir utama iaitu lencongan barat. Harganya lebih kurang dalam sekitar RM300 juta.

Keempat ialah bagaimana kita hendak berdikari, bagaimana kita hendak *survive* jika sekiranya kita hendak beli beras, negeri atau negara-negara lain tidak hendak jual beras. Ini kita kena fikir. Perang sana sini. Kalau beras tidak ada kita hendak makan apa? Orang Melayu tidak boleh makan roti. Orang Cina pun tidak boleh makan roti, dia makan nasi, Orang India pun tidak boleh. Semuanya makan makanan ruji beras. *Stop 14*, apa kita hendak buat. Saya hendak cadangkan BERNAS, kerajaan ambillah sebab ini nyawa. Kita tidak boleh beri dah. Sekarang sudah sampai ke Hong Kong, sudah jadi *float* dalam Bursa Saham dan sudah tidak tahu siapa punya.

Dahulu kita punya Lembaga Padi dan Beras Negara. Wakil sudah jadi Senator dah, di belakang saya. Dahulu pegawai LPN. Jadi, saya mintalah kerajaan ambil balik lah. Ini nyawa kita. Kalau perang bagaimanapun, kita boleh makan nasi. Orang kita tidak makan nasi, tidak

boleh tidur. Tidak boleh mimpi yang indah. Kalau makan roti, dia tidak boleh. Roti nankah atau sebagainya.

Koperasi, ini penting. Apabila kita sebut koperasi kita sebut orang luar bandar, orang kampung. Dahulu pun kita semua ini boleh dikatakan mari hasil daripada koperasi. Emak, ayah kita koperasi. Pinjam meminjam, jimat cermat. Masuk koperasi hendak pinjam duit. Ini, kita hidup balik. Ini pendapatan negara yang ketiga. Apa saya hendak cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya bila yang dikatakan tarikh Angkasa akan jadikan Bank Koperasi Islam Malaysia ini, yang kita hendak pergi ke Angkasa supaya wujudkan Bank Koperasi Islam Malaysia. Apakah penubuhannya akan menjadi kenyataan nanti? Di mana syernya dibuka kepada koperasi.

Apa yang saya tahu maksimum syer 5% daripada 300 juta. Bila hendak buat? Sudah lama sangat, saya rasa sudah lama sangat. Saya hendak Yang Berhormat Menteri cepat-cepat jawab sebab orang kampung dok tunggu dah ini. Bila Bank Koperasi ini akan ditubuhkan? Cakap sahaja. Kita ada Bank Rakyat, Bank Pembangunan tetapi ini bank yang ketiga untuk menolong masyarakat luar bandar.

Satu lagi ialah, apakah benar ada ura-ura pihak akauntan negara bercadang hendak mengenakan *tax* atau caj RM1 seorang atau satu transaksi RM1 kepada Angkasa yang menjalankan urusan potongan gaji pegawai kerajaan atau BPA. Angkasa adalah badan Apex koperasi yang telah diberikan keutamaan oleh kerajaan menjalankan urusan potongan gaji pinjaman yang meminjam dari koperasi.

■1640

Hasil komisenya ialah hanya 0.6%. Upah tersebut digunakan oleh Angkasa untuk membantu kerajaan membangunkan dan memajukan gerakan koperasi di negara ini. Angkasa turut menyumbang kepada khidmat masyarakat. Angkasa pada masa ini mempunyai akaun kutipan hampir RM1 juta sebulan dan hasil atau pendapatan akan hilang hampir RM12 juta setahun jika perkara ini dibuat. Saya nak cadangkan jangan buat. Kita minta tolonglah sebab ini hal orang kampung, hal pegawai-pegawai kerajaan, hal orang bawah, hal kita utamakan rakyat. Jadi pihak yang berwajib, Akauntan Negara untuk semak semula cadangan tersebut.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh minta laluan? Saya nak minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cuma saya nak bercakap sedikit sahaja. Sebenarnya perkara ini pun sudah ada dalam catatan saya untuk saya ucapkan esok atau lusa, tapi kalau nanti tak cukup masa. Cuma saya nak tanya kepada Yang Berhormat dan juga kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini sama ada dalam Dasar Pertanian Negara yang digubal beberapa tahun lalu, ada dimasukkan atau tidak program dengan izin, *rice sufficient* untuk negara kita. Kalau ada program untuk kita menghentikan pergantungan kita daripada

import beras daripada negara lain, sejauh manakah *provision* itu dilaksanakan? Tak tahulah sama ada, saya timbulkan perkara ini untuk diberi perhatian oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang saya sendiri akan timbulkan dalam ucapan saya nanti Tuan Yang di-Pertua, tapi saya rasa kerana kebetulan Yang Berhormat itu menyebut hal dengan izin, *rice sufficient* itu, maka saya rasa saya ingin menggarisbawahinya atau *highlight* benda itu sekarang. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tentang beras ini, saya dah cakap beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini dan saya sendiri yang meminta supaya harga beras dinaikkan dan *alhamdulillah* sekarang daripada RM550, saya minta RM750, minta RM1,000 dan memang telah dapat. Sekarang harga satu metrik tan ialah RM1,000. Soalnya sekarang, sama ada dasar itu ada atau tidak, itu dah tidak jadi pokok persoalan. Pokok persoalan yang ada di hadapan kata ialah untuk mempertahankan supaya kerajaan melihat tentang penanaman padi ini sebagai satu *priority* supaya kita dapat mempertahankan negara kita dengan *self-sufficiency*, iaitu ini bermakna banyak perkara lagi yang patut kementerian buat yang sebenarnya.

Pertama, merehatkan tanah. Kita tak boleh tiap-tiap tahun menggunakan tanah yang sama. Patut ada sistem merehatkan tanah. Ini belum dibuat dan juga jika sekiranya direhatkan tanah, berapa pula subsidi mesti dibayar semasa petani tidak membuat bendangnya? Ini patut diambil kira. Banyak lagi dasar-dasar yang berkenaan dengan penggunaan beras ataupun *stockpile* beras ini mesti diberi perhatian serius. Saya minta perkara ini dikaji. Boleh? Dewan ini minta supaya dikaji semula dan kita hendakkan dilaporkan semula apakah perkara-perkara yang akan dibuat bagi memenuhi harapan dan cita-cita supaya pengimportan beras walaupun berlaku apa sahaja, maka kita boleh berdiri atas kaki kita sendiri.

Saya sambung pelajaran sedikit. Saya masih nak tunggu daripada Peguam Negara sebab saya timbulkan di sini ialah tentang kembalikan hukuman rotan. Rotan ini sebenarnya kita jangan takut Tuan Yang di-Pertua. Bukan rotan yang betul rotan balak yang macam di dalam jail itu. Ini rotan pengajaran. Banyak kita yang kena rotan, yang itu boleh duduk di sini. Jadi makna rotan untuk bagi pelajaran sahaja, bukan nak seksa. Jadi saya mintalah supaya Peguam Negara cepat sikitlah keluarkan sebab kementerian dah hantar, nak rotan semula dan ibu bapa jangan orang kata bimbanglah sebab apa, ada teknik dan cara yang orang kata sesuai buat zaman moden, merotan memberi pelajaran. Kalau kita tak rotan budak-budak sekarang ini, saya ingat apa nak jadi saya tak tahu. Guru-guru pun dipermainkan dan akhirnya sebab saya tengok dok ada berapa puluh hukuman gantung, ada 21,000 pelajar dibuang sekolah Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan satu angka yang kecil, ini 21,000 ini tahun 2003. Sekarang ini saya hendak Kementerian Pelajaran bagi tahu berapa yang telah dibuang kerja.

Kalau dibuang, dia jadi sampah masyarakat, dia akan menyusahkan masyarakat dan akhirnya kita kena bayar harga yang tinggi kepada mereka ini. Sebab apa dia tak ada makan, tak ada kerja. Dia akan mencuri, menyamun dan sebagainya.

Kemudian ITM. Saya bangkit tentang ITM untuk bumiputera dan tidak ada bangkanganlah setakat ini. Memang 100%, itu jangan ambil hatilah yang lain-lain. Bagi 100% lah, UiTM ini jangan campurlah, kita bagi untuk bumiputera. Cuma saya nak minta satu, pada 26 Ogos 1999, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah mengumumkan pertukaran ITM kepada universiti. Motonya "*Usaha, Takwa, Mulia*". Saya nak sentuh mengenai takwa ini iaitu buat masa sekarang, masalahnya ialah satu, kurangnya tenaga profesional Islam. Sahsiah pelajar kini membimbangkan. Graduan yang tamat pengajian kurang pendedahan agama. Agama Islam hanya diajar dua jam seminggu hingga tiga semester daripada enam semester. Kefahaman terhadap Islam terlalu dangkal dan saya cadangkan dinaikkan lagi, teruskan semua semester jangan berhenti. Dia macam berniaga, dengan izin, "*Business is like cycling, the minute you stop you fall*". Berhenti, jatuh. Agama ini *continuously*, terus. Dia tak ada kata nak brek, brek. Tak ada. Dia terus.

Sebab itu saya minta UiTM ambil perhatian. Tentang BPR ini. Rasuah ini saya dah sebut dah semalam. Kalau rasuah, negara itu tak boleh maju. Kalau dia maju pun moral orang-orang itu teruk. Oleh sebab itu ada 1,500 individu yang mewah. Maksudnya dia pegawai kerajaan, dia gaji macam RM2,000 sebulan tapi mempunyai tiga kereta, dua rumah. Kita kena siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Baik. PTD, saya nak sebut, Pegawai Tadbir Diplomatik. Saya ucapkan tahniahlah kepada KSN yang telah melantik tiga KSU daripada Kumpulan 1 bulan 12/1981 iaitu Kementerian Belia, Pelancongan dan MITI baru-baru ini Datuk Dr. Rebecca. Maksud saya di sini ialah saya hendak, selalu saya sebut mesti latihan kadet PTD setahun genap. Dia tak boleh enam bulan, empat bulan, tujuh bulan, kerja, masuk. Dia belum masuk *office* dia dah dapat latihan setahun. Dia dah mantap, dia dah bergaya, dia dah ada akauntabiliti dah, dia ada sahsiah dah baru dia masuk *office*.

Sebab itulah *batch*, ini *batch* sayalah, saya *dorm*lah 1981 ini, cukup. Sebab itu saya datang ke sini, depa jadi KSU.

Kemudian JKKK. Saya ada minta JKK naik elaun, *alhamdulillah* dah naik. Semua orang kampung suka, seronok tetapi akan berebutlah nak jadi pengerusi JKK pula. Cuma saya nak minta satu iaitu tentang guru KAFA, dah naik.

■1650

Saya hendak minta imamlah yang dinaikkan pada RM750 itu bagi selaras RM800 lah. Guru KAFA RM800, pengerusi JKK RM800, imam RM800 dan juga kaji semula tentang gaji dan kedudukan penghulu-penghulu dan penggawa seluruh negara. Bercakap untuk satu negara ini

bukan seorang. Kemudian gejala sosial. Cuma saya minta hukuman sebat untuk mat rempit, kita kena sebat tidak boleh biarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Gulung, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Kemudian yang last sekali ialah tentang kita sudah berjanji dalam Mesyuarat Asia Pacific Parliamentary Forum untuk menyelesaikan masalah Aung San Suu Kyi. Saya harap wakil yang akan ke Asia Pasifik Forum memberitahu bahawa kita selesaikan masalah ASEAN dalam ASEAN dan kita telah berjaya. Walaupun kita ditentang habis-habisan oleh Kanada tahun lepas di Singapura. Kita kena bagi tahu dan kita telah bagi tahu kita akan selesai, dan *alhamdulillah* telah dibebaskan. Saya harap pembebasan, *freedom* ini semua diterima secara mutlak. Saya dengan ini menyokong Bajet 2011. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta semua yang telah memberi nama kepada saya tadi. Saya hendak cuba habiskan Yang Berhormat bagi itu kerana kita sudah buat keputusan tadi. Saya harap jangan balik kerana kita sudah buat keputusan. Saya harap beri kerjasama ya. Seterusnya saya persilakan Dato' Zaitun binti Mat lepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

4.52 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan bajet pada kali ini. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri yang telah mengemukakan bajet sebagai transformasi kerajaan dan transformasi ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang persetujuan kerajaan memberi cuti bersalin 90 hari kepada wanita penjawat awam.

Walau bagaimanapun, tadi Datuk Akbar bin Ali telah pun menyentuh dan saya lihat bagaimana pemberian cuti 90 hari dan pada 300 hari sepanjang perkhidmatan akan menghadkan bilangan anak buat wanita bekerja. Ini kerana sebelum ini cuti bersalin diberi selama 60 hari tertakluk kepada lima orang anak atau 300 perkhidmatan. Ini bermakna mengikut peruntukan cuti itu, cuti 90 hari daripada 300 hari berkhidmat itu sama dengan cuti bersalin untuk anak pertama dan ketiga. Sekarang bilangan cuti telah bertambah tetapi peruntukan hari yang sama iaitu cuma 300 hari sahaja.

Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula jumlah bilangan hari iaitu 300 hari perkhidmatan kepada 450 hari perkhidmatan, iaitu bersamaan 90 hari cuti bersalin bagi lima orang anak. Seperti sebelum ini selaras dengan dasar kependudukan negara yang menyasarkan setiap keluarga sekurang-kurangnya mempunyai lima orang anak. Di samping itu kebiasaannya kakitangan kerajaan akan berkhidmat selama

sekurang-kurangnya 25 tahun atau 9,125 hari. Saya merayu kepada kerajaan untuk mempertimbangkan cadangan ini bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan wanita terjamin.

Seterusnya saya ingin mencadangkan agar dasar kerajaan memberi cuti bersalin dengan bergaji penuh kepada penjawat awam wanita dalam Bajet 2011 ini sewajarnya dicontohi oleh syarikat berkanun dan syarikat bukan kerajaan GLC dan sektor swasta. Sebagai membuktikan keprihatinan kepada wanita dan keluarga khususnya dari segi kesihatan dan kesejahteraan wanita. Dalam hubungan ini saya berharap kementerian berkaitan termasuklah Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan supaya dasar yang sama dapat dilaksanakan di sektor swasta juga.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan wanita yang bersalin ini juga saya mendapat maklum balas daripada wanita bekerja yang bersalin, yang telah bersalin lebih daripada lima orang anak. Menghadapi masalah kerana tidak diberi cuti sakit yang sewajarnya. Saya difahamkan cuti sakit hanya diberikan pada hari masuk wad sebelum bersalin sahaja sedangkan selepas bersalin kita tidak dikategorikan sebagai sakit. Sebagai wanita saya memahami keadaan wanita yang baru bersalin yang perlu mendapat rehat sekurang-kurangnya dua atau tiga minggu sebelum pulih. Itu pun jika tidak ada komplikasi lainnya. Kesihatan wanita selepas bersalin perlu mendapat perhatian kerajaan.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Kesihatan berhubung dengan perkara ini dan berharap kementerian mengkaji peraturan ini demi kebajikan wanita. Dalam hal ini kesimpulannya ada wanita yang menyuarakan agar kerajaan tidak mengehadkan kemudahan cuti bersalin untuk lima orang anak. Tidak semua wanita yang bersalin lebih daripada lima kali, jadi tidak bolehkah kuota mereka ini diisi oleh wanita yang lebih daripada lima kali bersalin. Saya berharap kerajaan menghalusi berhubung kemudahan cuti bersalin dengan lebih komprehensif lagi demi kebajikan dan kesejahteraan wanita dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk wanita telah meningkat daripada 11.5 juta pada tahun 2000 kepada 13.9 juta pada tahun 2009. Oleh itu wanita menjadi sumber utama dalam menyumbang kepada pembangunan generasi masa hadapan dari segi guna tenaga dan ekonomi. Penglibatan wanita dalam pengurusan tertentu sektor awam telah meningkat dari 6.9% pada tahun 1995 kepada 3.5% pada tahun 2010. Wanita juga menjuarai bidang pendidikan. Dalam tahun 2008 wanita mewakili 65.9% daripada kemasukan pelajar lepasan sekolah menengah ke sekolah bantuan penuh kerajaan, 62.3% kemasukan bagi ijazah pertama dan 52.7% kemasukan untuk ijazah sarjana di institut pengajian tinggi awam.

Dari segi guna tenaga wanita, tenaga buruh wanita telah meningkat daripada 44.7% pada tahun 1995 kepada 45.7% pada tahun 2008 dan terus meningkat kepada 46.4% pada tahun 2009. Penyertaan wanita dalam tenaga buruh agak rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand 70%, Singapura 60.2% dan Indonesia 61.8%. Agenda utama dalam tempoh RMKe-10 adalah untuk memperkasakan wanita. Saya ingin mendapat penjelasan

kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja? Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pembangunan wanita dari segi pendidikan kesihatan dan ekonomi?

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua Bajet 2011 untuk membangunkan modal insan, antaranya melalui memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti. Memperkasa pendidikan awal dan memantapkan pendidikan sekolah rendah dan menengah. Dalam Bajet 2011 kerajaan memberi peruntukan RM6.4 bilion bagi membina dan menaik taraf sekolah, asrama, kemudahan dan peralatan serta memartabatkan profesion guru. Kerajaan juga telah bermatlamat untuk menyasarkan 72% kemasukan prasekolah menjelang 2011 membabitkan 1,700 kelas dan pelantikan 800 guru prasekolah lepasan ijazah.

■1700

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi memastikan sasaran atau matlamat ini tercapai. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang bertanggungjawab untuk memastikan segala perancangan dan pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) untuk IPT. MQA juga berperanan mengukuhkan budaya berprestasi tinggi di universiti.

Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang memberi penekanan kepada prestasi dan meningkatkan kualiti kesesuaian sistem pendidikan tinggi. Ini khususnya dari segi kebolehpasaran graduan selain kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menekankan kepentingan IPT menyediakan khidmat sokongan kepada pelajar. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah MQA telah memastikan pelaksanaan kesemua 2,730 program Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) bagi menjamin mutu kursus kelulusan IPT? Adakah MQA telah menjalankan dan memperluaskan kerjasama dengan agensi jaminan kualiti luar negara bagi memastikan IPT atau IPTS tempatan mendapat pengiktirafan antarabangsa?

Kedua, apakah mekanisme yang digunakan kerajaan bagi penyediaan pembiayaan atau akauntabiliti dalam perbelanjaan peruntukan awam bagi mengurangkan kadar pembiayaan kerajaan kepada universiti? Ketiga, apakah langkah kerajaan bagi memperkukuhkan kokurikulum kursus pengajian bagi pengimbangan kandungan akademik dan *soft skills*?

Keempat, apakah langkah kerajaan bagi melantik dan mengekalkan staf akademik yang terbaik di IPT? Berapakah bilangan staf akademik berkeelayakan PhD di semua IPT dan IPTS? Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan semua universiti penyelidikan mempunyai staf akademik berkelulusan PhD sebanyak 75%, manakala universiti awam 60%? Berhubung dengan pelantikan staf akademik, apakah jaminan kerajaan bagi memastikan pelantikan staf akademik lebih telus untuk menarik calon terbaik?

Saya ingin mencadangkan agar IPT khususnya membuka ruang dalam pelantikan staf akademik kepada pemegang sarjana dan berpengalaman pekerjaan, termasuk pesara dari

industri atau perkhidmatan awam bagi melahirkan graduan berkebolehan. Sehubungan pengalaman yang dimiliki IPT sewajarnya menawarkan ganjaran yang komparatif dan waktu mengajar yang fleksibel. Juga sejauh manakah kejayaan program *MyBrain15* bagi melahirkan individu berkelulusan PhD seramai 60,000 orang menjelang 2023 mampu tercapai? Se jauh manakah sambutan staf akademik terhadap inisiatif kerajaan menyediakan biasiswa untuk staf akademik IPTA bagi seramai 16,800 orang berjumlah RM2.26 bilion? Tidakkah sasaran seramai 60,000 orang graduan PhD ini terlalu rendah berbanding negara China yang melahirkan 100,000 orang graduan PhD setahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Adalah menjadi objektif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membantu, membimbing dan menggalakkan semua pihak berkuasa tempatan merancang, mengawal dan melaksanakan program pembangunan sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran bagi mewujudkan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju. Saya ingin menyentuh tentang aktiviti pengusaha mengusahakan burung walit secara meluas di kawasan PBT. Di sebalik kerancangan industri sarang burung walit kini mencecah RM1 bilion setahun, malah industri ini berpotensi dijangka akan mencapai 100,000 rumah burung walit dengan pengeluaran 500 tan setahun bernilai RM5 bilion menjelang 2020 nanti. Beberapa isu perlu ditangani PBT memandangkan banyak penternakan dijalankan di PBT. Kegiatan penternakan burung walit ini mengganggu ketenteraman dan kebersihan awam seperti bunyi bising dan aktiviti ini turut mencemarkan imej kawasan perbandaran dengan kotoran najis burung berkenaan.

Sebagaimana maklum, Kabinet telah memutuskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah agensi peneraju industri burung walit negara semenjak bulan April 2009. Akta dan garis panduan mengenai penternakan dan pengawalan industri sarang burung walid sepatutnya dikeluarkan oleh kementerian berkenaan. Bagaimanapun memandangkan PBT akan secara langsung terbabit mengawal pembinaan bangunan dan kelulusan lesen premis bangunan terutama di kawasan bandar, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah di kawasan bandar yang telah diberi lesen penternakan burung walit mengikut negeri. Keduanya, adakah KPKT telah menyediakan garis panduan yang *standard* untuk semua PBT bagi membantu para pedagang dan pemilik rumah burung walit untuk menceburi bidang ini dengan lebih teratur bagi memastikan ketenteraman dan kebersihan awam terjamin khususnya dari segi aspek perancangan dan pengawalan guna tanah serta kawalan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Bajet 2011 yang memperuntukkan sebanyak RM685,277,800 untuk Kementerian Kesihatan khusus untuk kawalan penyakit. Hari Kesihatan Sedunia disambut seluruh negara pada 7 April setiap tahun. Tema tahun ini dipilih oleh WHO ialah urbanisasi dan kesihatan. Sebagaimana maklum, proses urbanisasi atau

perbandaran pada masa ini adalah pesat. Peratusan penduduk di bandar negara kita telah meningkat dari 50% pada tahun 1970 kepada 62% pada tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada 65% pada tahun 2030. Dari segi bilangan penduduk bertambah dari 5.5 juta pada tahun 1970 kepada 27.1 juta pada tahun 2030.

Perbandaran pesat menyebabkan PBT menghadapi tekanan dalam menguruskan pembuangan sampah dan sisa pepejal yang menyebabkan pembiakan nyamuk, tikus dan vektor pembawa penyakit yang boleh menyebabkan berlakunya penyakit-penyakit seperti denggi, leptospirosis dan keracunan makanan. Bilangan kes denggi telah meningkat dari 37,572 tahun 2009 kes kepada 43,794 tahun 2010. Kes iaitu peningkatan dari tahun 2010 hingga 2011 kepada 17% malah 18% kes denggi adalah dilaporkan di seluruh negara adalah di bandar. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah tindakan kerajaan bagi memastikan pembiakan aedes terkawal khususnya pemantauan penularan denggi dan nyatakan jumlah premis yang diperiksa sepanjang 2010 dan nyatakan jumlah premis yang positif daripada pembiakan aedes.

Keduanya, sejauh manakah kerajaan berjaya memastikan kesihatan rakyat terkawal dari segi penyakit hasil daripada pembiakan nyamuk seperti denggi, penyakit dari tikus yang membawa penyakit serta penyakit berjangkit khususnya di bandar. Apakah kerjasama, promosi dan program kesihatan yang dijalankan antara Kementerian Kesihatan dan PBT untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penyakit berjangkit tidak berjangkit dan gaya hidup sihat yang perlu diamalkan. Ini bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk khususnya penduduk bandar, termasuk memastikan kesihatan awam khususnya yang melibatkan kesihatan dan kebersihan pengusaha makanan, premis perniagaan dan sebagainya.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh peruntukan untuk bajet Kementerian Kerja Raya - mengenai saya fokus kepada tentang tol. Yang pertamanya, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan berhubung dengan Kementerian Kerja Raya saya ingin menyentuh peruntukan membina jalan-jalan baru iaitu projek baru bagi seluruh Semenanjung Malaysia berjumlah 'RM40,056,591' bagi tahun 2011 peruntukan bagi membina jalan-jalan baru bagi tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2012 dianggarkan RM1 bilion.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan sebelum ini telah membelanjakan sebanyak RM4.5 bilion bagi tempoh tahun 2006 hingga tahun 2009. Perbelanjaan membina jalan baru ini terus meningkat setahun. Saya ingin mendapat penjelasan, pertama adakah kerajaan bercadang mengkaji kos bahan dan upah bagi membina jalan-jalan baru supaya lebih realistik dan tidak terlalu mahal? Kos membina jalan kampung dianggarkan RM1 juta, malah kos membina jalan boleh mencecah RM3.5 juta bagi setiap kilometer bergantung kepada lokasi. Kos membina jalan lebuhraya pula antara RM8 juta hingga ke RM10 juta.

Kedua, apakah langkah kerajaan bagi mengurangkan kos membina jalan termasuk dari segi inovasi, teknologi terkini bagi menjimatkan perbelanjaan membina jalan tetapi dalam masa

yang sama dapat memastikan mutu jalan yang tinggi dan projek dapat selesai dalam tempoh yang ditetapkan?

Yang ketiga, dalam keghairahan kerajaan membina jalan baru apakah langkah kerajaan bagi memastikan usaha membaiki jalan lama dilaksanakan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya?

Yang keempat, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan pengurusan jalan khususnya dari segi *leveling* jalan dan lampu isyarat supaya benar-benar berkesan bagi mengawal kesesakan jalan raya.

Yang kelima, adakah kerajaan bercadang perkenalkan akta bagi membolehkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Zaitun binti Mat: ...Jalan-jalan baru...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Zaitun binti Mat: Okey. Membolehkan jalan-jalan baru dikongsi dengan jalan-jalan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri khususnya melibatkan *bypass* atau pintasan negeri didapati murah dan menjimatkan pengguna jalan raya.

Kemudian, saya ingin terus kepada berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menyentuh peruntukan Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen yang diperuntukkan bagi RM6,11.5 juta bagi perbelanjaan pengurusan dan kawalan imigresen. Perbelanjaan ini adalah meningkat sebanyak 14.5% berbanding tahun 2010 yang dianggarkan RM532.1 juta, walaupun bilangan kakitangan tidak bertambah iaitu seramai 11,890 orang. Saya ingin mendapat penjelasan kenapa perbelanjaan ini meningkat sebanyak RM1 juta bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010.

Kita mengakui tanggungjawab imigresen amat berat. Bukan sahaja menjaga kawalan pintu masuk, kawalan di *airport* dan pendatang asing. Malaysia kini mempunyai 29 pintu masuk melalui darat, 20 pintu masuk melalui udara, dan 37 pintu masuk melalui laut. Imigresen juga mengurus lebih daripada 23 juta pelancong asing setiap tahun. Adakah imigresen bercadang menambah bilangan pegawai dan kakitangan untuk memastikan pintu masuk negara ini tidak bocor khususnya oleh pendatang tanpa izin? Jabatan Imigresen telah wujud sejak tahun 1962 dan akta ini bermula tahun 1963, sepatutnya telah matang dalam melaksanakan tugas yang dijawat sebagai benteng negara.

Akhirnya berhubung dengan imigresen ini saya ingin membangkitkan berhubung...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Gulung, gulung.

Dato' Zaitun binti Mat: Okey. Sedikit lagi, selepas itu habis sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Zaitun binti Mat: Berhubung dengan Akademi Imigresen Malaysia yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2001 yang telah melatih 18,000 pegawai. Sehingga kini, apakah langkah yang diambil di dalam latihan pegawai imigresen bagi meningkatkan kecekapan dan

penambahbaikan perkhidmatan kaunter selari dengan kemajuan teknologi bagi memastikan rakyat dan pelancong lebih selesa berurusan dengan jabatan ini di samping meningkatkan tahap keselamatan negara.

Akhirnya, saya menyanjung tinggi iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menggulung ucapan pembentangan Bajet 2011 ini, bahawa kerajaan memberi jaminan tidak akan mengambil jalan mudah untuk menggadaikan kepentingan jangka panjang negara semata-mata untuk mengejar kepentingan jangka pendek. Pembentangan Bajet 2011 juga bagi membuktikan pengurusan kewangan yang berhemah dan selari dengan semangat gagasan 1Malaysia – ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan selepas itu Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani.

5.16 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dari Surah al-Baqarah ayat 184 yang bermaksud;

“Milik Allah-lah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Jika kamu nyatakan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu sembunyikan, nescaya Allah memperhitungkan segala perbuatan itu bagimu. Dia mengampuni siapa sahaja yang Dia kehendaki dan mengazab sesiapa yang Dia kehendaki. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

Buat kali pertamanya dalam sejarah Dewan Negara saya mengucapkan tahniah dan syukur, kerana pada hari ini kita mendengar lebih dari dua ayat Al-Quran disebut sebagai pembukaan kepada perbahasan bajet khususnya untuk Bajet 2011. Ini mungkin kerana aura yang telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membuka bajet pada peringkat awal dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan kerana memulakan usaha untuk memperdengarkan ayat Al-Quran dalam mana-mana ucapan rasmi sebagai cara untuk mewajibkan pegawai-pegawai lain, bagi memastikan mereka akan menghayati Al-Quran sebagai perlembagaan tertinggi orang Islam.

Saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Maal Hijrah 1432 kepada semua penganut agama Islam dan selamat tahun baru juga kepada semua yang berada di dalam Dewan pada hari ini untuk tahun baru 2011 yang akan datang. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan rasa kesal dan juga terharu dengan kelamnya sambutan dan ucapan untuk Aidiladha berbanding dengan sambutan Krismas yang langsung tidak menggambarkan majoriti pengguna tetapi agama pemilik.

Apa yang hendak di *promote* dalam kes ini kita lihat mungkin kementerian yang berkaitan sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan boleh membuat sesuatu untuk memberi sedikit garis panduan kepada seluruh pasar raya dan hotel di seluruh negara bagi memastikan bahawa sambutan untuk mana-mana perayaan agama ini

hendaklah dibuat berdasarkan kepada keperluan dan komposisi penganut agama sedia ada dan juga berdasarkan kepada sensitiviti dan juga masa yang sesuai. Kadang-kadang kita lihat - kita tidak menafikan bahawa negara kita ada orang Kristian, ada orang Cina, ada orang India dan orang Melayu. Akan tetapi kalau sambutan Krismas dibuat sambutan, ucapan paparan iklan dua bulan sebelum perayaan dan Aidiladha langsung tidak di *promote* atau disebut, bagi saya ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan.

Dalam negara kita, kita ada 67% rakyat Melayu beragama Islam. Jadi saya fikir dalam kes ini, saya sudah sebut beberapa kali dan saya pohon agar ucapan kita ini adalah ucapan yang memberi kesan. Kita tidak nafikan sambutan perlu disambut tetapi tengok pada sensitiviti dan biar berpada. Janganlah kita lebih-lebih. Kalau kita pergi ke negara asing pun sambutan tidaklah sama seperti di negara kita. Dari segi pasar rayanya bagaimana semua tawaran dibuat semata-mata untuk menyambut dua perayaan yang saya sebutkan tadi.

Hari ini kita berada di dalam satu majlis yang dinamakan Majlis Permesyuaratan Ahli-ahli Dewan Negara. Dewan Senat merupakan majlis yang tertinggi maka saya mengambil peluang ini untuk menyeru agar kita semua dapat bercakap, bertindak dan berbuat sebagaimana yang kita hendak hadap bila kita berjumpa dengan Allah SWT, inilah yang kita hendak kemukakan kepada Allah sebagai ibadah yang telah pun kita buat.

■1720

Jadi saya bersyukur apabila Parlimen kita buka dengan bacaan doa. Saya pohon permintaan saya buat kali seterusnya, agar kita juga dapat tutup majlis Parlimen kita, pada tiap-tiap hari atau tangguhkan Parlimen kita dengan bacaan doa. Dalam Islam kita sembahyang kita mulakan dengan angkat takbir dan kita berakhir dengan salam. Hendak keluar rumah, salam. Hendak masuk rumah juga, salam. Jadi masuk Parlimen kita buka dengan doa, setelah kita bergaduh, kita menyatakan pendapat kita, memberikan pandangan, tiba-tiba kita balik dengan keadaan tidak ada penutup. Jadi tidak ada. Sebagai orang yang beradab saya rasa patut kita buka dengan doa, tutup dengan doa. TV pun buka dengan doa, tutup dengan doa. Jadi saya rasa kalau TV macam itu kenapa tidak Parlimen buat perkara yang sama?

Dalam konteks ini saya juga ingin mengatakan sesuatu kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sekiranya masing-masing ingin menaikkan kebudayaan kita dan warisan kita, saya ingin menyentuh kepada pihak kerajaan agar mengembalikan semua tulisan jawi kepada orang-orang Islam di negara ini. Ini kerana pandai menulis jawi memudahkan anak-anak Melayu anak-anak Islam untuk lebih mudah membaca al-Quran. Hari ini kita mendengar beberapa komen dari Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kadar anak-anak kita yang digantung sekolah, kadar gejala sosial yang berlaku dan hari ini beberapa yang menyatakan bahawa kadar anak-anak kita yang digantung sekolah. Hari ini kita lihat dalam laporan Harian Metro menyatakan bahawa ada sebuah kereta yang terpijak, ingatkan

terpijak sampah rupanya terpijak bayi yang telah pun dilempar di kawasan pantai semasa ia pergi memancing.

Di dalam konteks ini kita melihat bagaimana nilai-nilai al-Quran itu sebagai perlembagaan tertinggi Islam tidak diletakkan di tempat yang sepatutnya, kita akan lihat gejala-gejala seperti ini akan berlaku. Dalam sesebuah negara, kita ada perlembagaan yang menyatukan kita. Dalam agama, kita ada al-Quran yang kita hendak naikkan. Dalam konteks ini, saya menyeru agar kita balik semula kepada warisan masing-masing. Dalam konteks ini, kembalikan tulisan jawi ini kepada pelajar-pelajar Islam supaya kita berhak untuk mempelajari al-Quran, untuk menaikkan kembali syiar-syiar agama yang telah pun kita tinggalkan sebelum ini walaupun kita bersetuju bahawa tulisan rumi akan jadi tulisan rasmi kebangsaan.

Sesungguhnya pemilik langit dan bumi ini adalah Allah, maka perjuangan yang seharusnya ditegakkan adalah keagungan Allah. Perlembagaan tertinggi ini harus dipelajari - wajib dipelajari dan difahami oleh semua orang Islam dan dimengerti oleh bukan orang Islam. Ini kemudiannya akan dimanifestasikan dengan kita memahami sunnah bagaimana Rasulullah SAW secara praktikal telah menterjemahkan al-Quran dalam bentuk perbuatan dan bentuk pentadbiran. Sekiranya perkara ini berlaku, orang Islam mengamalkan semua ajaran Islam dan orang bukan Islam meraikannya, maka soal perpaduan dan hormat-menghormati tidak akan timbul di Malaysia pada hari ini. Ini kerana Rasulullah SAW dalam kes kerajaan di Madinah, kita melihat bagaimana orang Yahudi yang tidak menukar agama daripada Yahudi masuk Islam, tetapi menerima pakai pentadbiran Nabi Muhammad SAW, masalah perkauman tidak timbul di Al-Madinah Al-Munawarah.

Perlembagaan kita adalah perlembagaan yang dibuat oleh manusia. Islam adalah perlembagaan yang dibuat oleh Allah. Takrif agama pada Islam bukan patut kita fahami sebagaimana takrif yang dibuat oleh barat. Barat memahami bahawa agama adalah *ritual* yang dibuat pada hari tertentu, *event* tertentu, masa tertentu. Akan tetapi takrif Islam sebenarnya adalah perkara yang harus dibuat daripada mula kita buka mata sampai kepada tutup mata, seluruhnya mestilah berdasarkan kepada akidah, berdasarkan kepada ibadah.

Soal keadilan kepada yang susah dibuat bukan kerana kaum, tetapi kerana taraf dan status ekonomi dan pembelaan yang wajib didahulukan dan soal ketelusan. Islam agama yang boleh dipelajari, tetapi bangsa tidak boleh kita pinta. Ia dianugerahkan kepada kita tetapi yakinlah apa pun bangsa yang kita dapat, itu adalah yang terbaik untuk kita. Islam mengajar kesaksamaan dunia dan terbaik untuk kita di akhirat dan kita juga bertanggungjawab atas apa yang telah pun kita buat semasa kita hidup di dunia.

Oleh yang demikian, saya juga ingin menyeru kepada pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang mungkin menguasai ASWARA. Dalam pembentangan sebelum ini di Dewan Negara, kita dapat mengetahui bahawa dalam *syllabus* pendidikan di ASWARA, tidak ada *syllabus* Pendidikan Agama Islam dimasukkan untuk akademik bagi

memastikan artis-artis ataupun pemilik-pemilik filem di Malaysia ini melahirkan golongan artis seni yang dapat berdakwah. Kenapa saya bercakap soal ini kerana dalam negara kita golongan yang paling banyak boleh memberikan kesan kepada masyarakat ialah golongan artis. Jadi saya pohon agar dalam Dewan ini di samping kita menambahkan bajet untuk artis, kita pohon untuk ASWARA dimasukkan kursus-kursus agama bagi memastikan bahawa yang dilebarkan, yang dikembangkan ialah kreativiti bukan *body* artis itu sendiri.

Seterusnya berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin memohon kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, dalam masa usaha untuk membina futsal di semua FELDA di seluruh negara yang harganya katanya RM100 ribu untuk setiap FELDA. Saya pohon kerana masalah yang berlaku - gejala sosial banyak juga berlaku di kawasan-kawasan FELDA yang banyaknya orang Melayu Islam. Dalam konteks ini yang saya pohon, kalau kita hendak selesaikan masalah gejala sosial tidak cukup dengan bina futsal, tetapi saya pohon agar dibina sekolah-sekolah agama kebangsaan dan juga kelas-kelas agama untuk remaja di FELDA. Kalau boleh sekolah-sekolah ini dijadikan asrama penuh, bagi saya ia lebih baik.

Cadangan yang kedua, saya juga memohon agar pihak kerajaan untuk membuat satu kawasan di kawasan Orang Asli yang dipertahankan, yang diwariskan. Dalam keadaan ini dibuat satu tempat agar orang ramai boleh datang untuk melawat dan melihat sendiri warisan Orang Asli. Sebagaimana kita sekarang ini, cuma pergi ke tempat Orang Asli mungkin hanya untuk pilihan raya, berkunjung ke tempat Orang Asli mungkin kerana hendak santai. Dari segi destinasi pelancongan tidak ada usaha yang dibuat secara rapi di semua negeri. Saya rasa kalau boleh di peringkat pusat dibuat di semua negeri, satu kawasan yang ada Orang Asli. Pilih kawasan Orang Asli yang mana untuk kita jadikan destinasi pelancongan, yang mana kita kekalkan warisan rumah mereka, adat istiadat mereka, kreativiti mereka, kraf tangan mereka, untuk mereka ini tampil dengan keadaan mereka. Selain mereka dapat dari segi sumber ekonomi tetapi dapat juga mempertahankan warisan mereka sendiri.

Seterusnya berkaitan Kementerian Kewangan. Saya memohon agar pihak Kementerian Kewangan memastikan semua tabungan orang Islam di KWSP dibuat terus pemotongan bayaran zakat. Sekiranya tidak mahu dibuat pemotongan terus, hendaklah diberi *option* dan borang untuk diisi oleh orang Islam untuk sama ada mereka ini bersetuju untuk membuat pemotongan zakat ataupun tidak. Ini kerana sekiranya pemilik itu meninggal dunia semasa masih belum mengambil wang di KWSP, tanggungan dosa kerana tidak membayar zakat daripada wang KWSP akan ditanggung oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian kita mohon agar segala tabungan wang rakyat dan pekerja yang telah menabung di KWSP ini dibuat bayaran potongan zakat sebagaimana potongan zakat dibuat di Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Begitu juga dengan cadangan untuk membolehkan pengeluaran wang untuk menunaikan haji daripada wang KWSP dibuat. Walaupun ada yang mengatakan bahawa tabungan KWSP ini

untuk kita bersara, untuk kita pencen. Akan tetapi tidak ada di kalangan kita yang boleh mendabik dada mendakwa bahawa kita akan mati hanya selepas umur 55 tahun iaitu selepas kita ambil wang di KWSP. Oleh yang demikian, oleh kerana hari ini masalah untuk kita menunaikan haji, kita lihat seluruh dunia hanya jemaah haji dari negara kita yang kebanyakannya pergi dalam keadaan uzur. Akan tetapi jemaah-jemaah haji dari negara-negara yang lain, mereka pergi dalam keadaan muda dan mereka sanggup untuk membuat pinjaman. Dalam konteks ini saya rasa, kalau kita keluarkan wang dari KWSP tidak akan mengganggu kerana wang ini dapat diberikan *direct* dari KWSP kepada Tabung Haji. Ini untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja kita yang masih lagi muda dapat menunaikan haji pada masa usia yang muda. *Insyah-Allah* ini akan mengubah perspektif mereka, persepsi mereka, serta sikap mereka untuk mengamalkan Islam secara sepenuhnya.

Seterusnya cadangan saya kepada pihak Kementerian Kewangan, iaitu untuk pemotongan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita mendengar bahawa pagi tadi disebut, pihak pekerja boleh membuat potongan sekiranya mereka membantu ibu bapa yang uzur - boleh mendapat potongan sekiranya mereka membantu memberikan orang gaji untuk ibu bapa yang uzur.

Dalam konteks ini, saya ingin sebut sekali lagi bahawa berkhidmat kepada ibu bapa bukan ketika hanya ia uzur. Akan tetapi dalam konteks ini, sekiranya sudah pergi kepada yang uzur, saya pohon juga dikembangkan sedikit. Sekiranya ada anak-anak yang membantu ibu bapa yang sudah tua walaupun belum lagi uzur, untuk diberikan pemotongan sekiranya mereka dapat buktikan dengan resit. Kenapa saya katakan begini bagi mengelakkan kita terpaksa buat akta baru - akta untuk mewajibkan anak-anak beri wang kepada ibu bapa. Jadi sebelum kita buat perkara ini, sebaiknya kita cadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberi rebat yang sepatutnya kepada mana-mana anak yang membantu ibu bapa dan bukan menunggu hanya setelah ibu bapa mendapat penyakit dan terlalu uzur untuk bekerja.

■1730

Yang seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Tadi kita mendengar Yang Berhormat daripada Sarawak menyebut tentang keadaan di Sarawak dan keadaan di Sabah. Saya ingin bertanya kepada kerajaan. Kenapa keempat-empat negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan – negeri-negeri yang mendapat royalti minyak menduduki tempat tertinggi dalam negara bagi negeri yang paling miskin setelah 50 tahun kita merdeka. Empat negeri yang menduduki senarai tertinggi dari sudut kesusahan. Kalau mereka dapat duit, di mana duit ini diagihkan?

Saya juga ingin menyatakan kekesalan yang telah pun dilontarkan baru-baru ini oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Kelima yang baru sahaja ditabalkan. Saya bagi pihak kerajaan negeri ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Kelima yang menyatakan bahawa beliau amat kesal kerana

terdapat terlalu banyak peruntukan untuk pembangunan di Kelantan yang telah tertunggak sejak RMKe-6 sehingga kini walaupun telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Pusat.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini sekali lagi akan menguji senario yang berlaku dalam negara. Sebelum ini kerajaan Barisan Nasional di pusat dan kerajaan Barisan Nasional di negeri. Sekarang ini kerajaan Barisan Nasional di pusat dan kerajaan mungkin bukan Barisan Nasional di negeri-negeri. Jadi dalam konteks ini, selama mana lagikah perkara ini tidak akan diubah? Dari segi tanggungjawab, kalau sudah kahwin walaupun benci, nafkah masih mesti dibagi. Kalau sudah kahwin. Kalau sudah bercerai, tidak ada masalah. Sekarang ini negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu adalah negeri-negeri di bawah Persekutuan.

Tanggungjawab Kerajaan Pusat membantu kerajaan-kerajaan negeri dan hak kerajaan-kerajaan negeri ini tertakluk, termaktub dalam Perlembagaan. Ini bukan hak yang saya suruh sebut pada hari ini tetapi ini hak yang dipersetujui oleh Raja-Raja yang kita sanjung sejak daripada tahun 1957. Saya juga mohon jawapan daripada kerajaan secara rasmi kenapa setelah 50 tahun merdeka, Kelantan masih tiada pelabuhan, tiada lapangan terbang antarabangsa dan tiada lebu raya?

Kekurangan infrastruktur ini wajar sepatutnya diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kelantan berbanding dengan negeri-negeri lain. Pahang, ada pelabuhan. Terengganu, ada lapangan terbang antarabangsa. Adakah kerana suatu masa dulu Kelantan ini mengamalkan demokrasi memilih kerajaan Barisan Nasional pada satu ketika, memilih Kerajaan PAS pada satu ketika, mereka ini dijadikan anak tiri. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Kelantan kerana 20 tahun telah membangun bersama Islam dan *alhamdulillah* sehingga kini kita melihat banyak pembangunan di Kelantan walaupun kurang infrastruktur yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Walaupun ada permohonan-permohonan dari sudut – mungkin dari sudut pendidikan.

Saya terus kepada Kementerian Pelancongan. Pagi tadi kita dimaklumkan bahawa daripada RM20 juta perbelanjaan yang kita telah pun belanjakan di *pavilion*, di Shanghai, telah terdapat 8.4% peningkatan pelancong dari China. Soalan saya ingin tanya kepada pihak Kementerian Pelancongan ialah 8.4% pelancong dari China ini datang ke Malaysia untuk bekerja atau untuk melancong? Saya ingin jawapan rasmi dan kenapakah kita tidak menguatkuasakan dasar wajib tiket pergi dan balik kepada pelancong warganegara yang sering menjadi pelacur? Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan.

Kita mendengar dua, tiga hari lepas bahawa pihak kerajaan memberi jaminan bahawa akan menunaikan janji dan menunjukkan hasrat untuk memberi masuk permit bagi warga asing untuk bekerja di Malaysia sebanyak 25,000 orang India, untuk bekerja di kedai restoran India

Muslim. Sedangkan dalam masa yang sama, saya ingat dalam Dewan yang lepas, kita dimaklumkan bahawa terdapat 40,000 orang warga India daripada Chennai yang telah masuk ke Malaysia tetapi tidak dapat dikesan keluar daripada negara kita. Saya hendak tanya masuk dengan keluar ini. Kalau masuk sudah 40,000 orang sudah sedia ada tidak dapat kita kesan, tambah lagi 25,000 orang, apa akan jadi kepada negara kita? Saya pohon jawapan rasmi.

Kemudian berkaitan dengan alam sekitar. Saya meminta pandangan daripada pihak kerajaan. Berapakah jumlah kawasan alam sekitar, kawasan lembap atau *wetland* yang telah dikenal pasti, yang diwartakan untuk dijaga oleh kerajaan dan saya dimaklumkan terdapat enam kawasan. Yang saya ingin tanyakan di sini ialah bagaimana polisi yang dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mengekalkan ekosistem negara dan bagi memastikan kewujudan serangga dan binatang yang hidup di kawasan terbabit? Bagaimana dengan baki tanah yang dijadikan tapak komersial dan kawasan perumahan selain daripada kawasan yang diwartakan?

Kita lihat hari ini, mungkin penumpuan diberikan kepada kawasan tanah tinggi, kawasan yang bercerun tetapi mungkin penumpuan tidak diberikan kepada kawasan tanah lembap, kawasan yang berpaya, sekiranya kita tengok ada bangunan runtuh di kawasan yang bercerun, tanah tinggi. Kita mungkin juga akan berhadapan dengan keadaan yang sedemikian di kawasan-kawasan tanah lembap kerana perkara ini melibatkan ekosistem. Jadi saya pohon untuk bertanya tentang polisi yang telah pun diamalkan oleh pihak kerajaan dan apakah keadaan yang terbaru?

Begitu juga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin tahu bagaimanakah status dan perkembangan pemisahan sampah pepejal yang telah pun dilaksanakan sebelum ini iaitu mengasingkan sampah dalam kotak-kotak ataupun tong-tong yang berasingan? Setakat ini bagaimanakah kita melihat perkembangan kerana hari-hari dan hari ini juga kita lihat di muka depan akhbar, jumlah sampah-sampah yang digambarkan akan dijadikan sampah yang memang akan menjadi masalah kepada negara kita. Jadi kita hendak tahu sekarang perkembangan kepada masalah pelupusan sisa pepejal.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua minit sahaja lagi, ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Begitu juga dengan Kementerian Dalam Negeri. Untuk kes pelacuran, kita lihat banyak penyerbuan telah pun dibuat dan kita dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa untuk – Polis Diraja Malaysia, 89,000 serbuan telah dibuat untuk menyerbu kawasan-kawasan maksiat. Saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan agar mana-mana premis yang telah diserbu dan memang terdapat pelacur yang beraktiviti di kawasan tersebut agar menutup secara kekal premis. Perkara ini dimasukkan dalam akta supaya ini akan menghentikan kegiatan pelacuran dan maksiat yang telah membabitkan aktiviti seks kerana setakat ini perkara ini amat mencemarkan imej dan merugikan duit dan masa pihak kerajaan.

Terakhir, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan bilangan orang yang lumpuh dan separa lumpuh di seluruh negara berdasarkan kepada e-Kasih. Saya juga ingin

memohon kepada Kementerian Pengangkutan untuk membuat jaminan kemudahan tempat solat di semua R&R kerana setakat ini bila kita jalan di kawasan lebuhraya, ada sesetengah yang hanya ada tandas tetapi tidak ada tempat solat.

Jadi saya pohon agar kemudahan tempat solat ini dibuat di semua R&R dan agar perkara ini akan menjadi satu keutamaan yang akan dibuat di mana-mana lebuhraya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana menghargai masa. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani.

5.37 ptg.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Salam 1Malaysia, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya ikut serta di dalam perbahasan Bajet 2011. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan barisan Ahli Kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan dan pakar-pakar perancang yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, membangunkan modal insan. Di dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi dan mencapai matlamat Wawasan 2020, negara amat memerlukan modal insan yang berkualiti tinggi, lengkap dengan pengetahuan, kreatif serta inovatif. Pelbagai usaha telah dilakukan dan dirancang oleh kerajaan dan aspek memperkasakan pendidikan kanak-kanak hinggalah pengajian tinggi, memberikan program latihan dan kemahiran, memperluaskan aset kepada pendidikan berkualiti dan terbaru mengadakan dasar transformasi kerajaan.

Begitu juga dengan peruntukan yang diberi oleh kerajaan untuk membina modal insan yang berkualiti. Sebagai contoh, sebanyak RM6.4 bilion telah diperuntukkan kepada pembangunan Kementerian Pelajaran, RM111 juta untuk program PERMATA, RM250 juta kepada sekolah bantuan modal, sekolah agama, sekolah Cina dan sekolah Tamil di seluruh negara. Melalui ucapan bajet yang telah dibentangkan ini, segala usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti modal insan meliputi pelbagai aspek dari bidang pelajaran, meningkatkan taraf penduduk luar bandar, pemilikan rumah, membanteras jenayah dan lain-lain.

■1740

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, hanya saya sedikit terkilan kerana permasalahan untuk meningkatkan kualiti institusi keluarga kurang diberi penekanan. Memang banyak aktiviti yang dirancang seperti program meningkatkan pemilikan rumah, meringankan beban hidup rakyat, memperluaskan kesihatan awam, membantu orang kurang upaya, namun tiada satu program khusus pun yang dirangka bagi meningkatkan kualiti institusi keluarga.

Seperti memperbanyakkan Program Keluarga Sakinah atau kursus-kursus keibubapaan. Tuan Yang di-Pertua, keluarga merupakan sub unit asas di dalam masyarakat. Keluarga pincang, pincanglah masyarakat. Hari ini kesan dari kepincangan ini jelas dapat dilihat sebagai contoh berlakunya peningkatan kes penceraian. Pada tahun 2008, kes penceraian pasangan Islam

adalah sebanyak 22,289 kes iaitu meningkat sebanyak 1,238 kes berbanding tahun 2007. Apa yang dibimbangkan lagi, bukan hanya sekadar angka perceraian yang meningkat, tetapi juga faktor perceraian. Mengikut JAKIM, antara punca utama berlakunya perceraian hari ini adalah berpunca dari lebih 200 alasan remeh temeh seperti terlupa membeli makanan yang dipesan, pasangan bangun lewat, isteri lambat menyediakan makanan dan juga kurang komunikasi.

Masalah perceraian ini bukan hanya tamat di situ sahaja. Namun ia masih berkait rapat dengan peningkatan masalah sosial lain. masalah kecelaruan dan keruntuhan moral remaja juga semakin ketara. Fenomena minum arak, hubungan seksual, pelacuran, melepak, seks bebas, masalah buang bayi dan sebagainya semakin meluas dan amat memerlukan perhatian kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, keluarga merupakan blok asas pembangunan sosioekonomi negara. Di dalam arus pembangunan negara masa kini, bentuk dan fungsi institusi keluarga telah banyak berubah. Peranan institusi keluarga pula telah dipindahkan kepada pihak lain seperti sekolah dan orang gaji, terutamanya daripada luar negara.

Pihak ini bagaimanapun tidak dapat memenuhi peranan institusi keluarga. Perhubungan spiritual contohnya tidak mungkin dapat disempurnakan oleh institusi bukan kekeluargaan. Kekosongan jiwa anak-anak boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial serius. Perubahan dan kerapuhan institusi keluarga yang sedang dialami oleh rakyat negara ini menimbulkan berbagai-bagai implikasi dan cabaran ke atas hubungan dan sokongan kekeluargaan. Cara gaya keibubapaan dan peranan keluarga pada keseluruhannya dan kehendak ke atas individu dan keluarga akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya memohon dengan perancangan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan yang diumumkan baru-baru ini, yang sudah pasti akan menjanjikan satu gelombang perubahan besar kepada pembangunan negara. Di dalam aspek ekonomi ataupun sosial, aspek memperkukuhkan institusi keluarga haruslah mendapat tempat yang sewajarnya. Di dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ada ataupun terdapat apa-apa dasar yang akan diperkenalkan oleh kerajaan, seharusnya boleh memberi impak positif kepada negara ataupun hasilnya haruslah bertepatan dengan realiti semasa masyarakat yang menjadi inspirasi negara.

Sebagai contoh, sekiranya kita membangun dasar keluarga negara, seharusnya penanda arasnya, institusi keluarga menjadi semakin teguh dan kuat yang boleh dibuktikan, boleh berlakunya pengurusan kes-kes perceraian, pengurangan kes-kes perceraian dan masalah sosial rakyat di dalam negara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, isu pekerjaan asing. Seperti kita maklum, sehingga kini negara menggunakan kira-kira 1.8 juta pekerja asing dan secara dasarnya kerajaan sentiasa komited untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing. Dengan mengadakan pelbagai langkah, sama ada langkah jangka panjang atau jangka pendek.

Antaranya adalah mengadakan Program Penempatan Pekerja (3P) di tempat-tempat di mana tenaga kerja yang boleh didaftarkan dan ditemu duga oleh majikan yang menyertai program 3P. Menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak kepada pekerja dan juga menarik golongan yang tiada pekerjaan seperti golongan suri rumah, ibu-ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar IPT untuk bekerja *part time*. Isunya di sini adalah bukankah kaedah-kaedah yang dirancang oleh kerajaan ini berjaya dilaksanakan. Mengapakah masalah kekurangan pekerja masih berlaku terutamanya di kilang-kilang? Sebagai contoh, satu kilang sarung tangan getah di Klang dan juga di Setiawan, kilang ini tidak boleh beroperasi sepenuhnya kesan daripada masalah kekurangan pekerja.

Kita maklum bahawa dasar kerajaan untuk mengurangkan masalah pambanjiiran pekerja asing namun begitu di dalam industri perkilangan, adanya jenis kerja-kerja kasar yang amat tidak diminati oleh pekerja-pekerja tempatan, yang menyebabkan pihak majikan memerlukan pekerja asing sebagai tenaga kerja. Namun malangnya disebabkan dasar pengurangan tenaga asing, di dalam negara ini kilang ini tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya kerana tidak mempunyai pekerja yang cukup.

Kita juga maklum supaya kekosongan tenaga kerja ini harus diberi peluang kepada tenaga kerja tempatan untuk mengisinya. Namun begitu, banyak pengalaman pemilik kilang yang diajukan kepada saya bahawa mereka mencuba dengan bersungguh-sungguh untuk membantu kerajaan di dalam mengupah tenaga kerja tempatan lebih jimat dari mengambil pekerja-pekerja asing yang melibatkan kos yang terlalu tinggi. Akan tetapi malangnya pekerja ini tidak betah untuk bekerja kasar, panas dan berdebu. Kesannya mereka tidak akan bertahan lama iaitu hanya untuk sebulan dan dua sahaja.

Keadaan ini banyak telah mengganggu produktiviti kilang dan menyebabkan prestasi kilang tidak dapat dikekalkan pengeluarannya. Kilang tidak dapat memenuhi permintaan *order* luar negara dan dalam negara. Justeru itu saya memohon kepada kementerian agar benar-benar memberi penelitian terhadap isu ini dan memberi sedikit kelonggaran kepada mana-mana kilang atau industri yang amat memerlukan tenaga kerja, terutamanya bagi kerja-kerja kasar diberi ruang sebenarnya bagi menampung pekerja-pekerja mereka. Kalau benar mereka memerlukan tenaga pekerja asing, maka permudahkanlah dan berikanlah kelulusan yang sewajarnya.

Kita faham bagi membawa masuk pekerja asing, kerja mempunyai prosedur yang tertentu. Akan tetapi banyak rungutan yang disampaikan kepada saya yang majikan ini tidak layak sewajarnya dan sering menyusahkan mereka. Walaupun segala syarat permohonan telah dipatuhi, di dalam isu pengambilan pekerja asing ini sering kali timbul suasana majikan terpaksa berulang alik antara tiga agensi utama sekarang iaitu Kementerian Sumber Manusia, MITI, Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri yang disebabkan oleh faktor birokrasi. Situasi inilah akhirnya tidak akan membantu hasrat kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan negara maju, berpendapatan tinggi.

■1750

Ia tidak akan tercapai dengan cepat dan jayanya. Kalaulah kementerian atau jabatan yang diamanahkan melengah-lengahkan permohonan dan begitu lambat membuat keputusan atau kelulusan satu-satu permohonan, bagaimanakah negara kita mahu bersaing atau persaingan dengan negara-negara jiran? Pengeluaran kilang di negara kita tidak sampai *target* yang dikehendaki oleh pekilang terutamanya Perdana Menteri dan negara. Kita faham banyak masalah sosial yang dibawa oleh pekerja asing ini. Untuk ini, saya juga ingin mencadangkan agar pemilik kilang juga hendaklah diberi tanggungjawab yang berat untuk mereka memastikan dan menjaga tenaga kerja asing supaya tidak melakukan kesalahan mengikut undang-undang negara kita.

Sebagai contoh, para pekerja asing ini tidak boleh berkeliaran atau pergi ke tempat-tempat awam ketika waktu cuti atau hari tidak bekerja dan majikan boleh diambil tindakan kepada pekerja asing yang ditangkap oleh pihak berkuasa. Kementerian juga seharusnya membuat pemantauan berkala kepada kilang-kilang ini untuk memastikan pemilik dan pekerja-pekerja asing ini patuh kepada peraturan terutamanya kepada aspek keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pegawai-pegawai kerajaan yang diamanahkan dengan tugas ini, jalankanlah kerja dengan penuh amanah, demi kementerian dan ekonomi negara kita. Kita sekarang dalam persaingan global, siapa yang lambat ia akan ketinggalan di dalam arus pembangunan globalisasi tanpa sempadan. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai isu golongan orang yang tidak ada pekerjaan.

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kementerian bagi menarik minat kumpulan orang tiada pekerjaan ini untuk bekerja dan adakah langkah-langkah yang telah diambil telah berjaya? Saya juga ingin bertanya mengenai golongan pesara tentera. Apakah usaha pihak kementerian untuk menarik minat pesara-pesara tentera untuk menceburi industri perkilangan negara dan berapakah jumlah pesara tentera yang masih produktif, yang tidak berjaya, yang tidak bekerja dan yang ada menerima apa-apa latihan di bawah pihak kementerian? Juga sedikit mengenai peranan dan kejayaan pembangunan sumber manusia dari mula ia dilancarkan sehingga kini. Berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan bagi melatih pekerja-pekerja industri kecil dan sederhana dan berapakah pekerja yang telah dilatih di bawah program ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat cuma lima minit sahaja lagi, ya.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Perpaduan merupakan satu isu yang boleh dilihat di pelbagai dimensi ataupun mempunyai pelbagai ideologi, kepercayaan, kebudayaan dan tradisi sesuatu bangsa. Namun yang jelas kita masih mempunyai garis persamaan dari aspek nilai dan norma seperti sikap toleransi, sikap kesederhanaan, berkasih sayang dan hubungan kemanusiaan boleh menjadi inti pati kepada perpaduan negara. Namun sayangnya hari ini kita lihat banyak daripada nilai-nilai ini seolah-olah tidak lagi penting pada

masyarakat kita dan agenda peribadi telah menjadi keutamaan. Perpaduan negara tidak lagi dihiraukan 'dek' kebencian melampau.

Terdapat golongan individu yang secara tidak segan silu telah mempertikaikan isu-isu sensitif yang telah dijamin oleh Perlembagaan Negara. Isu-isu seperti kedudukan Raja-Raja Melayu, bahasa Melayu, hak-hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam dan terkini isu ketuanan Melayu menjadi bahan untuk berpolitik. Perkara ini pada saya tidak bertanggungjawab, memalukan dan boleh memanaskan bara perkauman di negara ini. Secara tidak langsung menggugat perpaduan negara dan apa lagi yang membimbangkan kita. Kita tidak mahu peristiwa 13 Mei, 47 tahun lalu berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sejurus itu saya fikir tiba masanya kita mengadakan satu mata pelajaran khusus wajib mengenai Perlembagaan Negara di dalam sistem pendidikan negara. Kita maklum, kini subjek Perlembagaan Negara telah diajar di sekolah-sekolah melalui subjek Moral dan Sejarah. Namun, seperti yang kita lihat kesannya masih ramai rakyat di negara ini buta Perlembagaan Negara. Apa yang kita perlukan sekarang ialah kefahaman rakyat mengenai Perlembagaan, tanggungjawab kita sebagai warga Malaysia.

Justeru itu, satu subjek khusus mengenai Perlembagaan Malaysia di dalam sistem persekolahan dari sekolah rendah perlu diadakan, subjek wajib amat wajar diadakan. Kita amat memerlukan subjek yang memerlukan pelajar membaca dan mengadakan peperiksaan mengenai Perlembagaan Malaysia. Ini kerana Perlembagaan Malaysia merupakan satu dokumen penting negara dan amat perlu kita melahirkan generasi dan rakyat yang faham dan arif mengenai Perlembagaan supaya isu-isu sensitif tidak boleh dibahaskan sesuka hati oleh pihak-pihak berkepentingan, yang secara tidak langsung akan mengganggu hasrat murni kepimpinan menjayakan 1Malaysia "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.*" Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Hajah Fatimah binti Hamat. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim. Silakan Yang Berhormat.

5.57 ptg.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya ucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya dapat saya peluang membahaskan Bajet 2011, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah pun dibentangkan pada 15 Oktober yang lalu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2011 ini dengan memberi tumpuan kepada usaha bagi

menjulung negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Meneruskan tradisi keprihatinan kepada rakyat untuk membawa kemakmuran ke seluruh negara demi kepentingan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyokong dasar liberalisasi kewangan negara khususnya bagi mencergaskan lagi pasaran modal domestik. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, berhubung langkah kerajaan bagi mengurangkan pegangan saham syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, GLC dalam syarikat utama di Bursa Malaysia.

Apakah impak dan kesan positif dari segi ekonomi khususnya pasaran modal domestik? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang FELDA. Perbandaran baru yang terancang perlu diwujudkan sebagai pemangkin kepada pembangunan rancangan FELDA yang telah sedia dibangunkan. Perbandaran yang baru akan melahirkan dan mewujudkan usahawan di kalangan peneroka FELDA dan generasi kedua FELDA dalam menggerakkan ekonomi termasuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran.

■ 1800

Dalam membangunkan perbandaran di kawasan FELDA ini, saya berharap Kerajaan Negeri dan agensi jabatan kerajaan seperti MARA, UDA, dan sebagainya terlibat sama secara aktif bagi memastikan kejayaan kewujudan perbandaran. Berhubung dengan FELDA saya ingin mencadangkan agar FELDA melakukan penyusunan semula dan transformasi di bawah Model Baru Ekonomi (MBE), sosial, dan pendidikan untuk kepentingan generasi baru FELDA bagi tempoh 20 tahun akan datang. Penyusunan ini merangkumi tiga aspek utama iaitu ekonomi, sosial dan pendidikan di mana perubahan dalam tiga sektor tersebut amat penting agar kemajuan dapat dicapai di 317 tanah rancangan FELDA sejajar dengan pendekatan dan sasaran MBE.

Dalam hubungan ini, FELDA sewajarnya memberi peluang penyertaan dalam aktiviti ekonomi kepada warga FELDA yang berminta dan berkemampuan serta menubuhkan koperasi milik generasi baru FELDA. Dari segi sosial dan usaha perlu diambil oleh FELDA bagi mengekalkan dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian di kalangan generasi baru FELDA dan memperbanyakkan lagi aktiviti sosial yang bermanfaat kepada generasi muda tanah rancangan FELDA. Dalam aspek pendidikan, FELDA perlu meningkatkan lebih ramai golongan cerdik pandai dan tahap profesionalisme di kalangan anak-anak peneroka dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperbanyakkan lagi institusi pendidikan dan latihan di tanah rancangan untuk memberikan pendidikan yang lebih sempurna dan latihan kemahiran dan vokasional serta melahirkan lebih ramai lagi golongan peniaga dan usahawan di kalangan anak-anak peneroka. FELDA sewajarnya memastikan program pendidikan selaras dengan cara mempertingkatkan pendidikan

agama dan dalam melahirkan modal insan yang berwibawa bagi melahirkan generasi baru FELDA yang berhemah tinggi dan berwawasan.

Penyusunan semula masyarakat FELDA adalah penting bagi meningkatkan peningkatan, komitmen, jati diri, kejayaan dan pencapaian seluruh warga FELDA khususnya generasi kedua FELDA dalam semua bidang demi menjamin kelangsungan dan kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, sudah tiba masanya bagi kerajaan untuk memberi peluang dan amanah yang lebih besar kepada generasi baru FELDA.

Berhubungan dengan FELDA ini saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung cadangan FELDA untuk melatih belia lelaki dan wanita terdiri daripada naka-anak peneroka sebagai pengurus rumah tangga. Asasnya mereka ini akan dilatih sebagai pembantu rumah selama satu tahun dalam bidang berkaitan hospitaliti dan lain-lain kemahiran. Walau bagaimanapun, saya dapati latihan selama satu tahun itu, adalah terlalu lama dan mencadangkan agar latihan tidak melebihi enam bulan dan sijil diberikan setaraf dengan sijil kemahiran lainnya. Program ini akan diurus oleh Yayasan FELDA dan diberi secara percuma. Saya berharap pihak Yayasan FELDA memastikan modul latihan ini komprehensif dan sesuai dengan kehendak pasaran.

Tuan Yang di-pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Bajet 2011 yang diberikan peruntukan yang agak terhad bagi *inspectorate* KPKT walaupun mempunyai peranan yang besar dan penting kepada rakyat khususnya kepada penduduk bangunan dan harta bersama. KPKT adalah bertanggungjawab memastikan sistem penyampaian dalam urusan pemaju, penyelenggaraan dan pengurusan hartanah berkesan dan seterusnya mampu mengujudkan dan membangunkan penempatan yang selesa dan sempurna.

Pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007, Akta 663 adalah bertujuan bagi memperkemaskan kaedah mengawal selia penyenggaraan dan pengusahaan semua jenis bangunan yang di pecah bagi dan dikeluarkan milik serah bermula dari peringkat penyaraan milik kosong *vacant profession* oleh pemaju sehingga ke peringkat selepas Perbadanan Pengurusan MC diwujudkan. Akta 663 ini telah diwartakan di peringkat Persekutuan pada 13 Februari 2007 dan mula berkuat kuasa di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 12 April 2007 setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak berkuasa negeri.

Majlis Negara bagi kerajaan tempatan ke-57 juga bersetuju supaya PBN melantik Yang di-Pertua (YDP) bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai Pesuruhjaya Bangunan COB untuk menjalankan peranan dalam bidang tugas sebagai Pesuruhjaya Bangunan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 663. Akta ini juga memperkenalkan tempoh peralihan interen di mana penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama di letakkan di bawah badan pengurusan bersama *Joint Management Body* (JMB) sementara menunggu hak milik serata di daftarkan dan MC diwujudkan. Pertalian antara pemaju JMB dan MC inilah yang

diwujudkan melalui Akta 663. Pesuruhjaya Bangunan COB menjadi satu badan kawal selia untuk mengawas dan mengawal pemaju JMBMC dan pembeli petak semasa mereka melaksanakan kewajipan masing-masing dalam memastikan bangunan diurus dengan sempurna.

Pada masa ini, terdapat beribu JMB di Lembah Klang sahaja. Kemampuan, kebolehan dan keberkesanan COB untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa yang diberikan oleh kedua-dua Akta 663 serta Bahagian VI dan VII Akta 318 inilah yang dipersoalkan bukan sahaja oleh pemaju malah lebih-lebih lagi penduduk bangunan serata. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Pertama jumlah unit bangunan dan hasrat bersama seluruh negara mengikut negeri dan nyatakan jumlah JMB yang didaftar dengan COB serta nyatakan jumlah unit bangunan dan harta yang telah mendapat *title* serata.

Kedua, sejauh manakah keberkesanan sesuatu organisasi COB berdasarkan kategori COB iaitu A, B, C, D, dan E termasuk penubuhan jabatan bahagian khas dan sekretariat COB dalam memastikan fungsi dan tanggungjawab COB dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Ketiga, adakah kerajaan akan menyediakan garis panduan, jumlah bayaran yang boleh dikenakan oleh JMB kepada pembeli bangunan dan harta bersama seperti bayaran perkhidmatan atau caj atau caruman seperti selenggaraan kawasan, pengawal keselamatan, lif, kolam renang dan lain-lain bayaran termasuk *sinking fund*, dan sebagainya bagi memastikan pembeli dilindungi. Sering kali kita mendapat aduan bayaran yang dikenakan terlalu tinggi dan membebankan rakyat seperti bayaran atau caj perkhidmatan antaranya sehingga RM100 bagi apartmen sederhana sedangkan perkhidmatan yang diberikan terhad.

■ 1810

Keempat adakah kerajaan ada menyediakan peruntukan dan garis panduan bagi standard penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama supaya bangunan akan dapat diselenggarakan secara rutin dan berkala. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya memantapkan dan memperkasakan peranan Pesuruhjaya Bangunan COB ini bagi memastikan pemantauan dan pengawasan JMB dalam melaksanakan tugas kerana kita tidak mahu kelemahan COB menyebabkan menteri malah Perdana Menteri terpaksa turun padang untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan rumah pangsa dan sebagainya termasuk kerosakan lif, bumbung dan bangunan tidak bercat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kerja Raya, saya ingin menyentuh berhubung dasar baru iaitu penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang diperuntukkan RM200 juta dalam Bajet 2011 ini, Kementerian Kerja Raya menyatakan objektifnya menyediakan rangkaian Jalan Persekutuan yang mampu menjana ekonomi negara dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Sebagai strateginya pula Kementerian Kerja Raya akan mempertingkatkan kualiti kerja-kerja penyelenggaraan aset-aset utama negara, Jalan Persekutuan dan sebagainya.

Pada masa ini terdapat 16,000 kilometer Jalan Persekutuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak sepanjang 1,500 kilometer dan 2,000 kilometer jalan tol. Peruntukan sebanyak RM200 juta bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan, Bajet 2011 jelas tidak mencukupi, kerajaan dianggarkan memerlukan sekurang-kurangnya RM800 juta setahun bagi menyelenggarakan jalan Persekutuan termasuk Sabah dan Sarawak serta jalan tol.

Masalah dengan penyelenggaraan jalan persekutuan ini adalah memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan secara rutin dan berkala serta bermutu tinggi bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya supaya menepati piawaian yang ditetapkan. Bajet sebanyak RM200 juta juga dijangka tidak mencukupi kerana pembinaan projek-projek jalan persekutuan baru yang juga memerlukan penyelenggaraan. Dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berikut.

Pertama, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pembinaan jalan raya Persekutuan termasuk di Sabah dan Sarawak serta lebuhraya tol dibina dengan kualiti yang tinggi bagi memastikan ia tidak memerlukan penyelenggaraan walaupun baru dibina.

Kedua, sejauh manakah bajet RM200 juta ini dapat digunakan secara *optima* dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan. Ketiga, apakah langkah proaktif kerajaan bagi menangani masalah kekurangan peruntukan penyelenggaraan jalan Persekutuan ini bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya, yang keempat sejauh manakah perancangan pembangunan jalan raya negara secara komprehensif dapat disediakan melalui *Highway Network Development Plan* bagi memastikan prestasi fizikal projek-projek jalan dan lebuhraya dapat disiapkan mengikut jadual dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang subsidi gula dengan peruntukan berjumlah RM400 juta bagi tahun 2011. Malaysia memang dianggap sebagai negara yang prihatin untuk membela nasib rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Malaysia adalah satu-satunya negara yang memberikan subsidi gula kepada rakyat. Kerajaan memperuntukkan RM720 juta pada tahun 2008...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Manakala...

Timbalan Yang di-Pertua: Tiga minit sahaja lagi ya.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Manakala RM1.008 bilion pada tahun 2009 untuk menanggung kos subsidi gula bagi memastikan harga gula bertapis berada di paras RM1.65 sekilogram, harga pasaran dunia pada masa kini RM2.45 sekilogram, harga pasaran runcit gula di Malaysia sekarang RM1.90 gula kasar dan RM2.00 bagi gula halus. Kerajaan mengimport 70% gula mengikut perjanjian jangka panjang dan akan menamatkan dalam tempoh dua tahun lagi dan 30% lagi bekalan diimport dengan harga semasa dan perjanjian pembelian bekalan gula dari beberapa negara pengeluaran akan tamat pada 2011.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang wajarkah kerajaan terus memberikan subsidi gula, siapakah yang akan mendapat manfaat daripada subsidi gula ini dan bagaimana memastikan ketirisan dapat dielakkan. Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia FOMCA bertegas dengan pendirian supaya kerajaan menghapuskan subsidi gula dengan alasan peniaga dan pengusaha khususnya industri sahaja yang akan mendapat manfaat terbanyak sedangkan pengguna awam hanya menggunakan sedikit sahaja gula kurang daripada 30%.

Saya membangkitkan perkara ini kerana bagi Bajet 2011, kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak RM400 juta. sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kerajaan telah membelanjakan RM720 juta dan RM1.008 bilion sebelum ini bagi subsidi gula sedangkan tahun 2011, kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak RM400 juta dan dalam masa yang sama kontrak pembelian gula juga akan berakhir pada tahun 2011. Ini bermaksud negara terpaksa mendapatkan gula daripada harga semasa.

Apakah langkah proaktif kerajaan bagi menangani kemungkinan kenaikan harga gula kerana kita khuatir kenaikan harga gula akan mengundang dan mendorong kenaikan makanan seperti kuih muih dan sebagainya serta menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi. Saya juga ingin mendapatkan sama ada kerajaan bercadang mewujudkan GLC sebagai pemborong dan pengimport gula bagi menjamin kestabilan harga gula negara.

Saya juga ingin menyentuh tentang Agensi AntiDadah Kebangsaan di mana masalah dadah menjadi ancaman keselamatan negara, lebih membimbangkan lagi 5% penagih daripada dadah adalah golongan yang berumur 13 hingga 20 tahun. Setiap seorang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: ...yang dilaporkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri dua minit ya.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Lima minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit masa tambahan.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Ada empat lagi penagih yang tidak dilaporkan bererti jika Malaysia mempunyai 250,000 penagih dadah maka sebenarnya negara mempunyai satu juta penagih. Peranan AADK Kebangsaan amat penting bagi mewujudkan masyarakat yang bebas daripada dadah. Kerajaan memberikan peruntukan yang tinggi kepada AADK pada tahun 2011 sejumlah RM534.8 juta bagi tujuan pengurusan, penguatkuasaan dan keselamatan, pencegahan dan rawatan serta pemulihan. Sementara itu kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM32.5 juta di bawah peruntukan pembangunan. Saya ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini, berhubung Dasar Dadah Negara yang menyasarkan negara ini tercapai status bebas dadah menjelang 2015.

Berdasarkan status terkini dalam sehari 17 orang penagih dadah baru dikesan dan 19 orang pula menjadi penagih berulang. AADK juga mengakui bahawa 515 orang rakyat Malaysia terjebak sebagai penagih baru dalam sebulan, manakala lima, enam orang pula membabitkan penagih berulang.

■ 1820

Jumlah makin lebih ramai kerana sebahagian penagih masih gagal dikesan. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan sejauh manakah strategi-strategi yang digariskan dalam Dasar Dadah Negara iaitu strategi penguatkuasaan undang-undang, strategi pencegahan, pendidikan dan publisiti, strategi rawatan dan pemulihan, strategi kerjasama antarabangsa berkesan dalam usaha membasmi penyalahgunaan dadah.

Sejak yang kedua, sejauh manakah penglibatan wanita Malaysia terbabit dalam penyalahgunaan dadah termasuk sebagai pengedar dadah antarabangsa? Apakah langkah kerajaan bagi memperkasakan peranan wanita dalam usaha mencegah penyalahgunaan dadah?

Ketiga, adakah kerajaan bercadang membina lebih banyak pusat serenti PUSPEN seluruh negara khususnya untuk wanita yang sehingga kini hanya sebuah sahaja berbanding dengan lebih lelaki sebanyak 27 buah bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan PUSPEN sedia ada. Sejauh manakah kejayaan pelaksanaan PUSPEN terbuka di *Cure and Care* 1Malaysia, Persada Sungai Besi, Kuala Lumpur bagi perkhidmatan rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah berhubung dengan status pegawai dan anggota Kemas yang kebanyakannya berjawatan kontrak. Walaupun telah pun bertugas berpuluh-puluh tahun khususnya guru tabika dan lain-lain kakitangan. Saya harap kerajaan prihatin ke atas kebajikan mereka kerana dengan jawatan kontrak sukar bagi mereka untuk mendapatkan pinjaman perumahan, kenderaan dan lain-lain kemudahan, sedangkan guru tabika perpaduan telah pun diserapkan ke jawatan tetap.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan dalam hal ini dan mohon kerajaan mempertimbangkan anggota Kemas ke jawatan tetap. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengemukakan Bajet 2011 sebagai bajet yang menyeluruh dan memberi tumpuan bagi memenuhi keperluan rakyat dan memberi insentif dalam melaksanakan projek yang mampu merancakkan ekonomi negara. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Maijol Mahap.
6.23 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama berbahas Bajet 2011. Tuan Yang di-Pertua saya amat teruja dengan tindakan proaktif kerajaan untuk mentransformasikan kerajaan dalam masyarakat dan menaikkan pendapatan negara dan juga rakyat. Saya difahamkan bahawa pada bulan November 2010 ini

pelbagai pencapaian telah pun diperolehi daripada inisiatif-inisiatif di bawah program pelan transformasi kerajaan.

Antaranya ialah NKRA mengurangkan jenayah di mana penurunan sebanyak 16% dalam indeks jenayah keseluruhan dan juga penurunan sebanyak 38% untuk jenayah jalanan, juga dalam segi pembangunan infrastruktur. Tuan Yang di-Pertua 591 kilometer jalan raya di kawasan pedalaman telah pun disiapkan. Sebanyak 19,401 buah rumah dihubungkan dengan bekalan elektrik dan juga berhubung dengan mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.

Penurunan sebanyak 53% dalam kadar miskin tegar dan juga 8,467 golongan miskin tegar di Sarawak mendapat manfaat daripada Program 1Azam Pelaburan iaitu Amanah Saham Sarawak (ASAR), juga 8,096 golongan miskin tegar di Sabah mendapat elaun bulanan di bawah Program 1 Azam.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin menyentuh beberapa perkara, dua, tiga perkara yang menyentuh mengenai dengan kekusaran yang telah disuarakan oleh masyarakat di Sabah. Oleh kerana saya dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sabah, saya ingin meluahkan sedikit tentang isu-isu yang disuarakan kepada saya oleh masyarakat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelajaran iaitu tentang pembelajaran dan juga pengajaran bahasa Kadazan Dusun di sekolah-sekolah kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sejak kelulusan kerajaan untuk menerima bahasa Kadazan Dusun sebagai salah satu daripada mata pelajaran berstatus bahasa tambahan pada tahun 1997, maka sehingga tahun 2010 ini sebanyak 435 sekolah di Sabah sudah terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Kadazan Dusun.

Pencapaian ini amat sederhana malah ada sekolah yang dahulunya menawarkan mata pelajaran bahasa Kadazan Dusun akan tetapi tidak lagi berbuat demikian masa kini. Murid-murid serta ibu bapa mereka berhak mengharap menghadapi bebanan masa mata pelajaran, kerana mata pelajaran ini diajar di luar jadual harian pembelajaran. Walaupun sudah ada 95 buah sekolah yang sudah mula mengajar bahasa ini, semasa jadual pembelajaran biasa, namun yang selebihnya masih lagi mengajar di luar jadual. Pada masa yang sama guru-guru juga menghadapi bebanan menjalankan tugas-tugas mengajar sebab bukan sahaja mata pelajaran ini di ajar di luar jadual akan tetapi mereka juga tidak diberi elaun.

Tambahan itu buku-buku teks tidak dapat disediakan dan bahan-bahan rujukan mengajar amat terhad menyebabkan guru-guru terpaksa bekerja lebih masa untuk membuat persediaan untuk mengajar. Memandangkan demikian, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya memasukkan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran bahasa Kadazan Dusun ini ke dalam jadual waktu persekolahan di semua peringkat bermula dari sekolah rendah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi awam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masih lagi dalam subjek ini. Saya juga melihat bahawa dan berterima kasih kepada kerajaan kerana memulakan pengajian bahasa Kadazan Dusun ini sebagai opsyen minor di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak yang dilancarkan oleh Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok pada 30 September 2010 untuk melahirkan guru-guru siswazah terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazan Dusun dan memulakan peperiksaan bahasa Kadazan Dusun di peringkat Penilaian Menengah, Rendah (PMR) pada tahun 2010.

Sebahagian besar daripada guru-guru pelatih yang berpotensi mengambil pengajian bahasa Kadazan Dusun sebagai opsyen minor adalah datangnya daripada penduduk Sabah khususnya di kalangan masyarakat Kadazan Dusun yang memasuki empat institusi pendidikan guru (IPG) yang terdapat di negeri Sabah iaitu IPG Kampus Kem Tuaran, IPG Kampus Gaya, IPG Kota Kinabalu, IPG Kampus Keningau dan IPG Kampus Tawau.

Pelajar-pelajar sekolah kebangsaan yang mengambil mata pelajaran bahasa Kadazan Dusun makin meningkat dari tahun ke tahun dan kini sudah menjangkau 18,000 pelajar sekolah rendah dan 16,000 di peringkat sekolah menengah. Disebabkan demikian saya ingin meminta kepada Kementerian Pelajaran supaya pengajian bahasa Kadazan Dusun juga ditawarkan kepada guru-guru pelatih di salah satu daripada kampus-kampus institut pendidikan guru di Sabah yang boleh diputuskan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

■1830

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu isu iaitu mengenai dengan satu rintihan rakyat Malaysia di Sabah yang sudah lama dibincangkan sebenarnya diperkatakan oleh umum iaitu tuntutan supaya anak-anak tempatan atau pegawai-pegawai tinggi tempatan diberi peluang untuk menjawat jawatan-jawatan ketua-ketua jabatan persekutuan di Sabah bersesuaian dengan Perkara 8, Perjanjian 20.

Tuan Yang di-Pertua, fasa kesedaran tentang berapa perlunya Perkara 8 dibuat Perjanjian 20 di negeri Sabah ditunaikan oleh Kerajaan Pusat kini telah berakhir berikutan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kota Kinabalu pada 15 September 2010 supaya lebih banyak jawatan tertinggi Jabatan Persekutuan di Sabah di ketuai oleh anak tempatan di negeri Sabah. Turut mengumumkan kenyataan yang sama di Kota Kinabalu pada 14 September 2010 ialah Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Beliau mengatakan bahawa tuntutan rakyat Sabah adalah wajar dan tidak boleh disanggah, bagi membuktikan komitmennya tentang perkara ini. Beliau turut mengharapkan agar *borneosasi* mengambil tempatnya di jabatan-jabatan di bawah kementerian beliau. Sesungguhnya pengumuman ini amatlah menggembirakan rakyat Malaysia di negeri Sabah.

Pertama, pengumuman ini dibuat oleh Perdana Menteri iaitu Ketua Kerajaan Persekutuan yang tidak boleh dipertikaikan kebenarannya.

Kedua, pengumuman ini dibuat oleh seorang Menteri Kerajaan Pusat lulusan undang-undang peringkat PhD yang sememangnya mempunyai kepakaran memahami secara mendalam Perjanjian 20. Kini isu Perjanjian 20 adalah pada fasa pengisiannya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti fasa pengisian ini adalah bertepatan dengan pengisytiharan 16 September sebagai Hari Malaysia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kini tumpuan ialah memudahcarakan supaya borneosasi ini dapat dilaksanakan dengan segera. Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan juga pihak-pihak berkuasa yang akan melaksanakan program ini peringkat jabatan, agensi, persekutuan berkenaan supaya tidak menaruh sedikit pun keraguan tentang pemenuhan tuntutan seperti yang saya katakan ini.

Sehubungan dengan ini, izinkan saya mengatakan tiga asas utama untuk melaksanakan perkara ini. Pertama ialah Perjanjian 20 adalah di dokumen bertulis yang wajib dianggap sebagai sebahagian daripada Perlembagaan Malaysia. Mungkin selama ini kita menganggap bahawa hanya Perlembagaan Malaysia sahaja sumber untuk kita mentadbir negara yang kita kasihi ini dan melupakan komitmen pemimpin-pemimpin dahulu iaitu Perjanjian 20 yang telah mendahului penubuhan Malaysia yang tidak disertakan dalam Perlembagaan Malaysia.

Kedua, Perjanjian 20 ini adalah lebih kuat atau sama dengan Perjanjian Sosial. Perjanjian 20 adalah dokumen yang mengatakan apakah yang perlu dilakukan berdasarkan apa yang termaktub dalam perjanjian berkenaan. Di bawah Perkara 8 Perjanjian 20 yang telah disebut tadi jelaslah bahawa kekuatannya terkandung dalam ayat yang cukup jelas iaitu pemborneosasian perkhidmatan awam hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh. Oleh itu, sekalipun Perjanjian 20 itu tidak dapat diterima sebagai sebahagian daripada Perlembagaan Negara, namun tanggungjawab menunaikan masih tidak boleh diabaikan.

Ketiga ialah tuntutan atas Perjanjian 20 bertepatan dengan konsep 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Perjanjian 20 ini telah lama diperjuangkan oleh rakyat Sabah. Isu ini disuarakan oleh pemimpin-pemimpin tanpa mengira fahaman politik, siapa pun punya negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kriteria kenaikan pangkat yang menghalang kepada pelaksanaan Perkara 8 Perjanjian 20 ini ialah soal berkenaan kekananan iaitu *seniority*. Sesudah Malaysia ditubuhkan selama 40 tahun sekarang memanglah sudah terdapat pegawai-pegawai anak Sabah, anak watan dari Sabah yang layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan pengarah jabatan atau ketua agensi persekutuan negeri Sabah. Namun, apabila kita nilai dari segi kekananan mereka terpaksa diketepikan kerana tidak dapat bersaing dengan rakan-rakan sejawatan dari negeri-negeri lain di negara kita.

Seyogianya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa isu berkenaan tidak disebut dalam Perkara 8 Perjanjian 20. Saya melihat bahawa kerajaan tidak serius untuk memenuhi semangat Perjanjian 20 di jabatan-jabatan persekutuan dan agensi-agensi di negeri Sabah. Sebagai contoh, hanya sebagai contoh saya ingin menyentuh Jabatan Kastam Malaysia di Sabah. Ia adalah contoh yang baik kerana isu anak tempatan Sabah tidak diberi peluang menerajui jabatan berkenaan dan tidak diberi peluang kerana diperkatakan secara meluas oleh pemimpin-pemimpin di Sabah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Menurut pengalaman saya dan pengamatan saya, *borneosiation* perkhidmatan awam Jabatan Kastam Malaysia negeri Sabah tidak dilakukan sesudah pengarah kastam anak watan Sabah yang pertama iaitu Dato' Lok In Jong mengikut kajian saya telah bersara pada tahun 1982. Walaupun akhirnya ada orang anak tempatan Sabah berjaya menjadi pengarah kastam tetapi kenaikan pangkat mereka itu dibuat di luar konteks Perkara 8 Perjanjian 20. Sebenarnya wujud peluang yang luas bagi anak tempatan untuk menerajui Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah. Namun, peluang-peluang itu terpaksa dinafikan oleh pembuat keputusan sebagai contoh sahaja Timbalan Pengarah Kastam Diraja Malaysia yang sekarang ini iaitu dan saya ingin menyebut nama Tuan Haji Jalatan Kaduk yang telah mampu – pengarah itu pada beberapa bulan yang lalu sebelum ianya diganti oleh orang lain harus diberi peluang untuk menjawat jawatan tersebut. Beliau adalah berkebolehan, berpendidikan dan telah mula bertugas di jabatan kastam sejak berumur 19 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu topik lagi secara ringkas sahaja iaitu mengenai dengan seksyen 153 dalam Perlembagaan kita. Artikel ini sebenarnya telah dibincangkan secara meluas pada hari ini mengenai dengan hak-hak orang Melayu dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak. Apa yang saya nampak di sini Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan ini ialah perkataan Orang Asli tidak termasuk dalam Artikel 153. Artinya hak-hak yang diberikan orang Melayu dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak itu tidak dipanjangkan kepada Orang Asli.

Saya berpendapat bahawa ada kesilapan di sini sewaktu kita menggubal *the drafters of the Constitution* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *have a great commission on this one*. Sepatutnya Orang Asli juga dimasukkan di sini sebagai satu kaum yang sama diberi taraf dan keistimewaan seperti orang-orang Melayu dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak. Saya rasa apabila kita mendapat majoriti 2/3 dalam Dewan Rakyat maka patutlah dibentangkan satu usul untuk memindahkan Perlembagaan ini supaya ia dapat merangkumi Orang Asli dalam gagasan bersama-sama dengan warga Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak. Ini adalah satu kes yang mungkin terlepas pandang oleh mereka yang menggubal Perlembagaan sepenuhnya saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sebagai *point* yang telah saya ingin sentuh tentang pendatang tanpa izin di Sabah.

■1840

Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang mengenai dengan ini tetapi apa yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua memang sudah ada usaha oleh kerajaan untuk menghantar balik pendatang tanpa izin daripada negara kita dan juga dalam masa yang sama menghalang mereka ini daripada datang ke negara kita. Akan tetapi apa yang saya perhatikan sebagai penduduk dan menetap di Sabah, saya melihat bahawa ramai lagi yang masih berkeliaran yang bersembunyi di ladang-ladang bertugas secara senyap-senyap di sana sini dan ini sudah tentu akan menjadi satu masalah sosial kepada kita.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada satu kategori yang dipanggil pemegang Dokumen IMM13 yang telah diberikan kepada pelarian Filipina di era 70-an dahulu dan Indonesia yang datang semasa atau selepas Konfrontasi Malaysia-Indonesia pada awal 60-an. Bilangan yang dilaporkan ialah 84,000 orang untuk penyertaan Kerajaan Negeri Sabah atau 81,000 orang mengikut Jabatan Perdana Menteri. Kategori kedua ialah – pertama tadi ialah kategori pendatang tanpa izin yang memegang IMM13.

Kategori kedua ini yang PATI ini adalah pemilik dokumen IC yang dianggarkan berjumlah hampir satu juta orang menurut anggaran banci penduduk 1960, 1970, 1980, 1990 dan 2000. Kategori yang ketiga ialah *overstayed* ataupun tinggal lebih masa yang masuk ke negeri Sabah dengan *passport* yang sah tetapi telah tamat tempoh dan terus tinggal di Sabah, kategori ketiga. Kategori keempat ialah pendatang tanpa izin iaitu orang asing yang memasuki dan tinggal di negeri Sabah tanpa sebarang dokumen, lazimnya mereka bekerja di dalam ladang-ladang, kawasan-kawasan pembalakan dan di pulau-pulau.

Jadi apa yang saya minta di sini kepada Kementerian Dalam Negeri ialah supaya menyelesaikan pemegang-pemegang Dokumen IMM13 tadi. Seru saya kepada kementerian ialah supaya kerajaan tidak lagi memperbaharui Dokumen IMM13 tadi di kalangan warga Indonesia kerana keadaan serta hubungan Malaysia-Indonesia sudah kembali normal, kembali pulih dan berada dalam suasana aman damai. Sebaliknya Kerajaan Malaysia hendaklah berbincang dengan pihak Kerajaan Indonesia dan maklumkan bahawa pembaharuan Dokumen IMM13 diberhentikan dan seterusnya menangani permasalahan proses penghantaran balik bekas pemegang-pemegang Dokumen IMM13 ke Indonesia.

Juga saya menyeru kepada kementerian supaya tidak lagi memperbaharui Dokumen IMM13 di kalangan warga Filipina kecuali mereka bersedia bekerja di kilang-kilang atau perladangan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Bagi mereka yang menerima tawaran ini, kerajaan hendaklah memastikan supaya pihak majikan membantu mereka serta semua anggota keluarga mereka dari segi logistik khususnya pengangkutan daripada Sabah ke Semenanjung Malaysia. Menyediakan kemudahan perumahan dan memastikan agar anak-anak mereka dihantar ke sekolah kerajaan yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang saya ingin sampaikan dalam bahas ini. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli dan seterusnya selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Zainun, bersedia ya.

6.44 ptg.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan pada pentang ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan satu laluan kepada saya untuk mengambil bahagian sama di dalam ucapan bajet bagi tahun 2011. Sesungguhnya saya merasakan amat sukacita di atas kesetiaan sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan yang terus berada di dalam Dewan ini dan sebahagian daripada pegawai-pegawai kerajaan yang terus bersetia kepada pentadbiran kerajaan ini. [Tepuk]

Meskipun momentum ucapan saya agak lemah dengan ketiadaan sebahagian daripada pegawai-pegawai terlibat tetapi Tuan Yang di-Pertua saya cuba memberikan suatu kupasan di atas niat suci saya untuk menyampaikan ucapan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun bersetujulah saya minta juga esok semua Ahli-ahli Yang Berhormat elok ada di dalam Dewan. Ini adalah satu Dewan yang saya harap semua sekalilah supaya bagi prioriti kepada Dewan yang mulia ini. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam ucapan belanjawan, ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, yang secara jelas telah memberikan beberapa garis panduan bagi memacu negara ke arah transformasi yang menggariskan empat garis utama dan ini merupakan suatu tunjang yang perlu menjadi suatu ikutan dan juga suatu paksi di dalam meneruskan agenda pembangunan di dalam negara.

Saya menyebut beberapa perkara hasil daripada ucapan bajet itu yang pertama sekali Tuan Yang di-Pertua ialah bersabit dengan Kementerian Dalam Negeri. *Alhamdulillah*, di antara beberapa kementerian dan jabatan, Jabatan Imigresen telah memperoleh seorang ketua pengarah yang baru. Kita juga mendengar suatu ucapan dan juga harapan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan menyaksikan suatu *rebranding*, minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, penjenamaan semula yang ingin melihat struktur dan pengurusan terutama sekali kedatangan pendatang tanpa izin ini yang menjadi suatu wabak dan fenomena yang berterusan sejak kita merdeka pada tahun 1957. Kebanjiran dan juga fenomena pendatang tanpa izin ini adalah merupakan suatu fenomena yang saya kira dan memberi harapan kepada kerajaan supaya memberikan perhatian yang sungguh-sungguh.

Kita faham pada hari ini kerajaan telah pun berusaha dan berikhtiar melalui dengan keupayaan yang ada pada kerajaan pada hari ini, saya menyarankan dan ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, berapa ramai anggota Imigresen di seluruh negara dan pecahan mereka yang bertugas di pintu masuk sama ada di depot, di kaunter, di pejabat dan juga di peringkat *enforcement*, dengan izin. Selagi kita lihat pegawai dan juga kakitangan Imigresen yang tidak mencukupi di peringkat pintu masuk, penjagaan depot dan juga di peringkat penguatkuasaan peraturan dan aturan Imigresen, kita yakin dan percaya selagi itulah Dewan yang mulia ini akan terus membicarakan soal pendatang tanpa izin.

Satu pihak kita melihat, kita membuka peluang kepada pendatang untuk datang dengan secara halal tetapi di suatu segi yang lain pula kita melihat suatu ketirisan berlaku bukan di peringkat kerajaan tetapi kebocoran di peringkat pintu masuk sehingga mengizinkan kepada pendatang tanpa izin datang secara haram.

■1850

Oleh yang demikian, sampai bila kita membicarakan soal pendatang tanpa izin ini selagi kakitangan dan pegawai imigresen yang tidak mencukupi sama ada pada peringkat pengurusan, penjagaan, penguatkuasaan dan kesemuanya ini akan memberikan suatu keadaan yang kurang memuaskan. Kita akan terus membicarakan soal pendatang tanpa izin di dalam negara kita ini. Serentak dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan soalan kepada Kementerian Dalam Negeri berapa ramai kah jumlah tahanan di seluruh depot tahanan di seluruh negeri kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Kementerian Dalam Negeri juga, kita lihat pada hari ini satu operasi dan juga gerakan secara menyeluruh telah diadakan di Sabah dan juga di Sarawak bersabit dengan operasi pendaftaran kad pengenalan. Saya ingin bertanya kepada pihak KDN dan khususnya Jabatan Pendaftaran Negara, sejauh manakah operasi yang bergerak yang bertujuan untuk mendaftarkan penduduk peribumi Sabah dan Sarawak yang tiada dokumen pengenalan diri di kawasan pedalaman itu telah mencapai matlamat. Ini kerana sering kita lihat dan juga kita terima rungutan daripada kawan-kawan dan juga sahabat-sahabat kita dari Sabah dan Sarawak. Penyelesaian terhadap dokumen yang tidak sah, ketiadaan dokumen, ketiadaan sijil beranak yang menjadi sebahagian daripada punca, tidak dapat menyelesaikan. Kita berharap dengan operasi dan juga gerakan pendaftaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ini akan menghasilkan sesuatu yang memuaskan. Kita minta Kementerian Dalam Negeri memberikan jawapan kepada Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengucapkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan. Pertama ialah dari segi penguasaan dan kejayaan di dalam bidang sukan negara kerana kejayaan di dalam Sukan Komanwel di New Delhi dan juga kejayaan Sukan Asia di Guangzhou, China baru-baru ini. Apa yang saya hendak utarakan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah daripada segi jumlah bilangan pingat yang kita peroleh, *alhamdulillah*, kita bersyukur kita telah mencapai

suatu kejayaan yang cukup besar. Bererti kita telah melangkaui daripada *target* yang diputuskan oleh Majlis Sukan Negara. Kita hendak timbulkan di sini ialah usaha berterusan daripada pihak kerajaan bagi mengenal pasti beberapa bidang sukan utama di dalam negara kita ini harus dikenal pasti secara sungguh-sungguh. Ia harus bermula di peringkat sekolah.

Pada hari ini daripada jawapan pihak kerajaan, jelas menunjukkan bahawa setakat hari ini kita hanya memiliki tiga buah sekolah sukan di Malaysia. Satu, Sekolah Sukan di Bukit Jalil; kedua, Sekolah Sukan di Bandar Seri Penawar, Bandar Penawar Johor Bahru; dan, ketiga, di dalam proses pembinaan di negeri Pahang. Hanya tiga buah sekolah sukan Malaysia yang ada, yang telah wujud dalam negara kita ini. Dua buah telah beroperasi, sebuah lagi dalam proses pembinaan. Saya juga difahamkan bahawa setakat ini kita hanya memiliki lebih kurang 15 buah sekolah sukan negeri dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebagai *feeder school* kepada sekolah sukan Malaysia. Ini bererti lebih kurang sebuah sekolah sukan di peringkat negeri yang menjadi *feeder school* untuk membangunkan sukan di peringkat ke arah yang lebih tinggi malah menjadi ahli atlet dan juga ahli sukan di peringkat antarabangsa.

Saya hendak kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, apakah boleh satu jawatankuasa penilaian dan juga pemantauan harus dikemukakan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan dan sekali gus merangkumi Jabatan Pendidikan bagi memikirkan serta mengenal pasti bidang-bidang sukan utama di dalam negara kita ini. Di samping kita memastikan beberapa bidang sukan yang boleh diceburi dengan secara sungguh-sungguh oleh masyarakat di dalam negara kita ini. Kita sedar ada beberapa kelemahan daripada segi fizikal, kelemahan daripada segi saiz badan yang tidak mengizinkan kepada atlet negara kita. Akan tetapi kalau kita kaji dari sudut beberapa bidang sukan di dalam negara kita ini sama ada dipertanggungkan di dalam Kejohanan Sukan Asia ataupun di dalam Kejohanan Sukan Komanwel.

Kita boleh kenal pasti beberapa bidang sukan yang memungkinkan kepada rakyat kita menyertainya dengan secara sungguh-sungguh dan boleh dilatih bermula daripada sekolah sukan lagi. Saya kemukakan beberapa contoh Tuan Yang di-Pertua misalnya sukan pingpong yang tidak memerlukan suatu saiz yang besar untuk kita berlawan daripada segi kejohanan pingpong. Skuasy, boling yang tidak memerlukan suatu saiz fizikal yang cukup hebat tetapi memerlukan suatu latihan dan juga kemahiran di peringkat awal. Akan tetapi beberapa bidang sukan mungkin juga kita tidak dapat sama saiz bersaing dengan atlet dari Eropah. Kita tidak dapat bersaing dengan atlet-atlet daripada negara luar yang mempunyai saiz bentuk badan yang cukup hebat. Akan tetapi beberapa bidang sukan memungkinkan kepada kita untuk menyertai melainkan ataupun memerlukan kita mengadakan suatu modul khusus di peringkat awal lagi. Sebagaimana saya sebutkan tadi daripada segi sukan pingpong ini misalnya kita tidak memerlukan satu saiz yang besar tetapi daripada segi kejohanan-kejohanan yang lain mungkin memerlukan satu saiz yang besar.

Saya cuba menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua ialah kerana kejayaan kita di dalam sukan di Guangzhou yang mana beberapa bidang sukan yang kita tidak pernah sebut sebelum daripada ini tetapi *alhamdulillah*, telah mencapai satu kejayaan. Misalnya kalau sukan gimrama mungkin tidak memerlukan suatu bentuk yang hebat tetapi memerlukan satu latihan yang cukup rapi. Adat ketimuran rakyat Malaysia kita yang berbilang bangsa ini memungkinan kita menjuarai sukan gimrama dan yang baru-baru ini kita juga telah merangkul beberapa *medal* di dalam kejohanan sukan gimrama.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun saya bercakap soal pembangunan beberapa bidang sukan tetapi sukan teras kita misalnya bola sepak, kita harus mengembalikan semula keagungan dan keperwiraan kita di dalam bidang bola sepak. Tidak dapat dinafikan bahawa sukan bola sepak ini adalah merupakan satu sukan yang boleh melahirkan suatu komersial yang boleh di *commercialize* kan, dengan izin yang boleh mendatangkan suatu pendapatan, penjana *income* yang cukup tinggi dalam bidang bola sepak. Tidak mustahil di dalam negara kita ini untuk mengembalikan semula semangat Chandran, Santokh Singh, Mokhtar Dahari suatu ketika dahulu.

Tidak mustahil apabila kejayaan di dalam bidang bola sepak ini dengan suatu permainan bola sepak boleh menarik sampai 70,000 orang penonton. Bukan senang untuk menarik seramai 70,000 orang penonton tetapi sukan bola sepak boleh menarik seramai 70,000 orang penonton. Saya harapkan pihak kerajaan dan juga pihak kementerian supaya mengembalikan semula imej dan kegemilangan sukan bola sepak ini supaya kita kembali setanding dan setaraf dengan pemain-pemain bola sepak dari Korea suatu ketika dahulu, pemain-pemain Jepun suatu ketika dahulu dan kita cukup yakin dengan semangat Malaysia Boleh ini, kita yakin mutu sukan negara akan kembali bertakhta terutama sekali di dalam bidang bola sepak.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan bajet itu juga telah memberikan satu suntikan untuk mengembalikan semangat kekitaan, mengembalikan semula serta memperingatkan kembali kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Saya teringat kepada sentuhan daripada guru saya iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus di dalam soalan lisan pada suatu hari yang membangkitkan soal penggunaan papan tanda-papan tanda di Lembah Klang dan juga di merata ceruk di dalam negara kita ini.

Kita sedar satu jawapan daripada pihak kerajaan ialah keseluruhan papan tanda, slogan-slogan dan juga apa juga yang diatur sebagai pengiklanan dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Kita sedar. Kita ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kita ada pihak majlis bandar raya, kita ada majlis perbandaran dan turun kepada peringkat yang lebih kecil pihak berkuasa tempatan adalah majlis-majlis daerah. Kita sedar.

Akan tetapi, kita juga sedar *constraintnya* ada di pihak kerajaan. Oleh hal yang demikian melalui Dewan yang mulia ini, saya menyarankan kepada pihak kerajaan melalui Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengenal pasti sumber tenaga yang ada di pihak kementerian terutama sekali di peringkat penguatkuasaan. Pengalaman saya sebagai setiausaha bagi kerajaan tempatan dan perumahan suatu ketika dahulu, sering kali kita melihat kecuaiannya ini berlaku adalah dari segi penguatkuasaan. Kalau kita sedar, ini merupakan suatu kelemahan kita dari sudut penguatkuasaan yang tidak termampu dimiliki oleh pihak berkuasa tempatan. Mungkin tidak tepat kalau kita membicarakan soal ketidakmampuan ini kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Akan tetapi, soal ketidakmampuan ini adalah tepat kalau kita membicarakan soal kemampuan yang dimiliki oleh seluruh majlis daerah di dalam negara kita ini yang tidak mempunyai pegawai yang cukup. Maka kerajaan perlu membentuk suatu pasukan petugas khas bagi memastikan pengamalan dan juga pematuhan kepada setiap undang-undang kecil yang diwujudkan di peringkat penguasa-penguasa tempatan. Lihat sahaja satu slogan atau sepanduk yang tidak mematuhi dengan akta dan juga peraturan yang diwujudkan di bawah undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan. Saya yakin dengan kakitangan yang mencukupi akan dapat mengambil satu tindakan dengan tegas dan *insya-Allah* suatu ketika kita akan boleh lihat bahawasanya seluruh papan tanda yang ada ini akan diselaraskan dan mengikut kehendak yang telah dituntut oleh pihak kementerian dan juga penguasa-penguasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan sentuhan daripada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin iaitu bersabit dengan mengembalikan sejarah sebagai suatu mata pelajaran di sekolah. Saya cukup menyokong dan saya juga turut menyokong supaya pihak kerajaan akan mendokumentasikan supaya filemkan balik sejarah ini supaya gambaran yang jelas kepada seluruh anak bangsa kita pada suatu ketika nanti. Apa tidaknya? Kalau ia merupakan satu subjek kepada mata pelajaran, maka ia perlu difahami oleh seluruh dan juga semua peringkat terutama sekali kepada para pelajar.

Tinggal lagi kita berharap kepada persatuan seniman ataupun artis-artis kita ini, apabila melakarkan kembali serta melakonkan kembali sejarah ini, ia mestilah berpandukan dan juga berkonsepkan kepada fakta sejarah yang betul supaya ia tidak boleh diperdebatkan oleh umum sebagaimana polemik yang pernah berlaku beberapa ketika yang lalu. Apabila bercakap soal filem sejarah, maka ada pihak yang cuba mempertikaikan dan pengarah ini pula akan cuba mempertahankan diri mengatakan bukan senang untuk jadi pengarah. Maka kita...

Tuan Yang di-Pertua: Minta boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim: Masa sudah cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim: Saya sebenar baru masuk gear satu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Beri dua minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Beri dua minit ya. Sebenarnya saya tidak boleh tidur kalau tidak boleh habis ucapan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua meskipun saya masih lagi di peringkat awal momentum saya dalam ucapan saya ini. Saya hendak menyebut bersabit dengan Kementerian Pelancongan. Saya cukup berbangga dengan beberapa usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, pihak Kementerian Pelancongan di dalam usaha untuk menarik pelancong untuk datang ke Malaysia. Kita juga berasa bangga dengan kewujudan persatuan pelancong dan juga agensi-agensi pelancongan yang bekerja keras dan ia merupakan satu sumber utama kepada negara kita.

Melancong ke negara kita berasaskan beberapa faktor, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan membeli-belah dan sebagainya dengan beberapa insentif yang cuba dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Dari sudut untuk menyuburkan pelancongan di dalam negara kita ini, selain kita menyediakan prasarana, ada juga infrastruktur yang cukup baik untuk menarik pelancong, seni budaya yang indah, dalam usaha untuk menarik pelancong, penawaran harga barangan kita dan kraf tangan kita dengan lebih murah untuk menarik pelancong, penyediaan tempat yang lebih bersih dan lebih elok, yang lebih baik mata memandang, boleh menarik pelancong, kita juga harus memberikan kesuburan kepada agensi-agensi pelancongan yang ada di dalam negara kita.

Saya pernah menghadiri beberapa mesyuarat dengan agensi-agensi pelancongan yang cuba meluahkan perasannya kepada saya. Di antaranya ialah setiap agensi pelancongan, *travel agency* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita harus menyediakan satu pakej yang berkesan kepada *travel agency*. Maksud saya ialah Kementerian Pelancongan ataupun Pesuruhjaya Pelancongan mestilah menyediakan satu kelulusan kepada agensi pelancongan ini, *travel agency* ini mestilah di dalam pakej yang cukup baik.

Bukan hanya sekadar mewujudkan agensi pelancongan, *ticketing*, *inbound* tetapi *outbound* pula tidak diberi kepada agensi pelancongan. Ini tidak tepat. Seolah-olahnya kita memberikan sejumlah wang RM1.50, suruh agensi pelancongan ini makan dengan kenyang. Hendak dengan kenyang bagaimana kalau beri RM1.50? Perlu beri RM2.50. Perlu beri cukup. Kalau kita mengiktiraf ia sebagai agensi pelancongan, kita perlu juga ia *ticketing*, selepas itu kita beri pula ia *inbound* tetapi *outbound* kita tidak beri. Bagaimana kita hendak suburkan sebuah *travel agency*.

Saya sering berdepan dengan beberapa *travel agency* yang menyuarakan pendapat kepada saya bahawasanya ini merupakan di antara beberapa kelemahan yang harus diperbaiki di peringkat Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Saya cukup berpuas hati. Kalau boleh sambung esok, bagaimana Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Esok kita ada program banyak, kita boleh bincang lagi.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya cukup berterima kasih. Saya lihat wajah Tuan Yang di-Pertua pun saya puas hati. *[Ketawa]* *Alhamdulillah.* Saya menyokong ucapan Bajet 2011. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Yang Berhormat, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun.

7.09 mlm.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk serta membahaskan Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

■1910

Saya juga bersyukur pada Allah SWT kerana dengan izinnya saya dapat turut sama dalam perbahasan Bajet 2011 ini mungkin orang yang terakhir pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Perdana Menteri yang telah mengemukakan Bajet 2011 yang komprehensif dan menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat serta dalam masa yang sama mampu memacu negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi melibatkan peruntukan RM212 bilion bagi tahun 2011 yang mengangkat konsep 1Malaysia sebagai falsafah induk dan memandu negara ke arah transformasi kerajaan dan transformasi ekonomi.

Bajet 2011 adalah merupakan bajet yang ke 53 negara dengan peruntukan sebanyak RM212 bilion ini telah diadun dengan penuh teliti dan dinamik dan bertemankan, "Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi." Bajet 2011 ini telah dirangka khas oleh maklum balas rakyat berdasarkan prinsip penyertaan dan keadilan sosial. Saya menyanjung tinggi kesediaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempelawa semua lapisan rakyat Malaysia untuk berkongsi pemikiran bagi membentuk Belanjawan 2011. Maka Bajet 2011 ini hasil daripada pemikiran rakyat dan menjadikan ekonomi Malaysia lebih sejahtera dan progresif. Dalam mencapai matlamat Bajet 2011 ini kerajaan telah mengemukakan empat pendekatan atau strategi iaitu seperti berikut:

- (i) Mendaya kembali pelaburan swasta;
- (ii) membangunkan modal insan;
- (iii) menyejahterakan hidup rakyat; dan
- (iv) memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang strategi pertama pelaksanaan Bajet 2011 iaitu mendayakan kembali pelaburan swasta untuk meningkatkan pelaburan swasta dan berkembang 12.5% serta dapat mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan. Kerajaan menjangkakan pelaburan RM1.3 trilion dengan 92% akan dibiayai oleh sektor swasta dan bakinya oleh kerajaan. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa projek Menara Warisan Merdeka ini bukan suatu pembaziran malah merupakan pelaburan hartanah yang menguntungkan.

PNB telah mengambil langkah bijak merangka projek ini semenjak tahun 2004 lagi selepas membeli kawasan tanah berhampiran daripada pengurusan Danaharta Nasional Sdn Bhd pada tahun 2000 melibatkan kos RM300 juta. Ibu pejabat PNB sedia ada di Jalan Tun Razak akan mencapai 30 tahun pada 12/16 dan ia perlu dinaikkan taraf. Projek Menara Warisan Merdeka juga merupakan usaha strategik PNB menukarkan kelas aset dan mempelbagaikan portfolio berbanding hanya tertumpu kepada pelaburan ekuiti. Pelaburan projek ikonik seperti ini akan mencetuskan minat ramai terhadap pembangunan di kawasan berkenaan dan memaksimumkan pulangan pelaburan dari segi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berhubung dengan strategik ketiga Bajet 2011 iaitu menyejahterakan rakyat. Saya ingin menyentuh tentang komitmen kerajaan untuk memastikan akses kepada kesihatan berkualiti dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Sejumlah RM15.2 bilion diperuntukkan bagi membina hospital baru, menambah bilangan doktor dan mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan. Saya ingin membangkitkan tentang ubat yang dibekalkan oleh hospital-hospital kerajaan, ada dua isu berhubung dengan ubat hospital kerajaan.

Pertama, bekalan ubat yang tidak mencukupi khususnya ubat bagi sakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya sehingga menyebabkan pesakit terpaksa datang beberapa kali untuk mendapatkan bekalan ubat. Keadaan ini sudah pasti menyukarkan penduduk luar bandar, masalah ini boleh dikatakan berlaku di banyak hospital atau klinik kerajaan di seluruh negara. Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini supaya bekalan ubat ini mencukupi?

Kedua, berhubung mutu ubat yang dibekalkan oleh hospital atau klinik kerajaan yang didapati kurang memuaskan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah dakwaan ini benar dan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan mutu ubatan di semua hospital dan klinik kerajaan?

Berhubung dengan ubat, saya ingin menyentuh rungutan orang awam berhubung dengan dakwaan harga ubat yang tinggi dan tidak dikawal oleh kerajaan di klinik swasta dan klinik pakar. Selain ubat, kos rawatan juga didapati agak tinggi. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah mengawal harga ubat dan belanja rawatan supaya lebih mampu diperolehi oleh semua lapisan masyarakat. Saya ingin juga mendapat penjelasan kerajaan sama

ada kerajaan akan mewajibkan semua rakyat mengambil atau memiliki insurans kesihatan bagi menjamin setiap rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesihatan ini juga saya ingin menyentuh tentang pengeluaran KWSP untuk mendapat rawatan penyakit kritikal. Baru-baru ini KWSP telah mengeluarkan senarai 36 penyakit kritikal yang dibenarkan bagi pengeluaran wang KWSP. Menurut KWSP senarai baru ini mengambil kira kos yang signifikan yang diperlukan bagi merawat penyakit kritikal berkenaan dan bertujuan membantu ahli menyelesaikan sepenuhnya atau mengurangkan beban kewangan pesakit atau ahli keluarga ketika menjalani rawatan. Antara penyakit yang dibenarkan pengeluaran oleh KWSP berkenaan ialah seperti berikut;

- (i) Buta;
- (ii) kanser;
- (iii) penyakit hati kronik;
- (iv) paru-paru kronik;
- (v) pekak;
- (vi) serangan penyakit jantung;
- (vii) kegagalan buah pinggang;
- (viii) strok dan angin ahmar;
- (ix) penyakit membawa maut; dan
- (x) hilang upaya kekal.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar KWSP mengkaji untuk memasukkan penyakit diabetes dalam senarai penyakit yang kronik ini. Ketika ini dianggarkan 2.5 juta atau 10% rakyat di negara ini mengidap diabetes dan dijangka akan meningkat kepada 3.38 juta menjelang 2020. Akibat diabetes ini pelbagai penyakit antara sakit kronik jantung, kegagalan buah pinggang, strok atau angin ahmar dan sebagainya.

Pada tahun 1995, seramai 21,970 pesakit dirawat pelbagai komplikasi akibat diabetes dan jumlah ini meningkat kepada 41,375 pesakit pada tahun 2005. Saya ingin mencadangkan supaya KWSP memasukkan penyakit kencing manis sebagai satu lagi penyakit yang dibenarkan untuk mengeluarkan wang KWSP daripada tabung dua sebagai tanda prihatin kepada kesihatan rakyat.

Berhubung dengan aspek kesihatan juga saya ingin menyentuh perubatan transaksi darah. Saya ingin menyentuh tentang peningkatan penyakit kegagalan ginjal di kalangan rakyat Malaysia. Punca utama kegagalan ginjal di kalangan rakyat Malaysia ialah akibat daripada kencing manis dan darah tinggi. Pada tahun 2009, 58% penyakit dialisis baru di Malaysia menghadapi kencing manis manakala lapan peratus penyakit darah tinggi.

■1920

Sepanjang tahun 2009 seramai 9,607 orang pesakit kegagalan ginjal yang sedang menerima rawatan hemodialisis di seluruh negara dan dijangka pada tahun 2010 ini jumlah akan

mencecah lebih 20,000 orang. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan pusat hemodialisis yang wujud ketika ini iaitu termasuk di hospital kerajaan, swasta dan NGO di seluruh negara. Adakah kerajaan akan membuka lebih banyak pusat hemodialisis di seluruh negara bagi kemudahan pesakit kegagalan ginjal?

Kos rawatan bagi pesakit kegagalan ginjal adalah sebanyak RM600 sebulan. Kerajaan memberi geran kapital kepada NGO yang menubuhkan pusat-pusat hemodialisis baru. Saya ingin mendapat penjelasan jumlah bantuan geran kapital yang telah diberikan kepada NGO. Saya juga ingin mendapat jumlah bantuan subsidi rawatan hemodialisis yang telah dikeluarkan kepada pesakit-pesakit miskin yang menjalani rawatan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi peruntukan penyelidikan dan dasar KPDNKK ini. Saya juga ingin membangkitkan tentang lesen operasi stesen minyak mini. Peranan stesen minyak mini ini penting khususnya di luar bandar terutamanya di kawasan FELDA dan sebagainya. Baru-baru ini kerajaan telah mengambil keputusan membekukan sementara lesen operasi stesen minyak mini kerana kerajaan mahu pengusaha membuktikan kemampuan mereka mengurus perniagaan bahan api subsidi tanpa sebarang penyelewengan.

Pada dasarnya saya bersetuju dengan langkah kerajaan ini kerana stesen minyak mini ini antaranya telah melakukan penyelewengan, penyalahgunaan sistem pengagihan minyak subsidi dan penyediaan ciri keselamatan yang kurang memuaskan ketika menjalankan operasi perniagaan bahan api subsidi ini. Akibat dari pembekuan ini kerajaan telah menangguhkan 100 permohonan baru stesen minyak mini. Walau bagaimanapun saya berpendapat kerajaan perlu mempertimbangkan semula dengan segera bagi membenarkan lesen stesen minyak mini untuk beroperasi bagi kepentingan pengguna di luar bandar.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan jumlah pengusaha stesen minyak mini seluruh negara mengikut negeri yang ada sekarang. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah langkah yang telah diambil bagi memastikan setiap pengusaha stesen minyak mini ini mematuhi standard pengurusan yang dikehendaki oleh KPDNKK. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan adakah kementerian bercadang mengadakan kursus dan seminar serta bimbingan kepada pengusaha-pengusaha stesen minyak mini bagi memastikan pengusaha-pengusaha menjalankan perniagaan secara beretika demi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong hasrat kerajaan untuk terus menggalakkan pembangunan dan penyelidikan sukan. Bajet 2011 menyediakan peruntukan RM365 juta bagi Kementerian Belia dan Sukan untuk belanja pembangunan dan pengurusan. Wajar dimanfaatkan secara optimum termasuk menggalakkan aktiviti sukan di luar bandar dan mewujudkan pusat latihan belia untuk memberikan pelbagai kemahiran sebagai modal insan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PBT yang dinilai cemerlang mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009. Kesemuanya 10 kementerian dan empat jabatan kerajaan yang mencapai tahap cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2009 dengan memperoleh 90 markah ke atas. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat kementerian dan jabatan diakui pada tahun 2009 ini adalah lebih baik berbanding tahun 2008.

Menyentuh tentang PBT ini saya ingin menyentuh peranan PBT membantu kerajaan memperkasakan penggunaan bahasa Kebangsaan supaya hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komersial, ekonomi dan memupuk perpaduan serta digunakan secara meluas di tempat awam akan tercapai. Terdapat 146 PBT di seluruh negara yang berperanan memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam. PBT perlu menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu bagi papan iklan, papan tanda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan pengurusan sisa pepejal negara bagi tahun 2011 meliputi emolumen berjumlah RM3,611,810 perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM627,070 dan pemberian dan kenaaan bayaran tetap berjumlah RM32,761 kesemuanya berjumlah RM37 juta. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam pengurusan sisa pepejal ini mempunyai objektif antara lainnya adalah bagi mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu seluruh negara.

Pada masa kini lebih 19,000 tan sisa pepejal dihasilkan meliputi beberapa jenis sisa pepejal seperti sisa pepejal awam, sisa pepejal isi rumah, sisa pepejal import, sisa pepejal komersial, sisa pepejal pembinaan dan sisa pepejal industri. Sisa pepejal yang tidak diuruskan dengan baik akan menyebabkan pencemaran alam sekitar termasuklah pencemaran udara seperti gas karbon dioksida dan gas metana yang merupakan gas rumah hijau yang boleh memberi kesan pemanasan global, pencemaran air dan pencemaran tanah.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian sejauh manakah dasar pengurusan sisa pepejal negara telah dilaksanakan sepenuhnya khususnya untuk mencapai matlamat pengurusan sisa pepejal yang bersepadu, kos efektif, mampan dan mementingkan pemeliharaan alam sekitar, teknologi mampu bayar dan menjamin kesihatan awam?

Keduanya, apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, negeri dan PBT, pihak swasta dan masyarakat ke atas pelaksanaan dasar-dasar pengurusan sisa pepejal bagi merealisasikan misi kerajaan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang komprehensif dan berkesan termasuk memastikan aspek ekonomi, alam sekitar, perundangan dan pentadbiran diberi keutamaan?

Ketiga, sejauh manakah kerajaan menitikberatkan kesihatan awam, pemeliharaan alam sekitar dan penggunaan teknologi yang cekap dalam pengurusan sisa pepejal melalui pengurusan strategik dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat ada satu minit untuk menggulung.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: ...Melaksanakan pengurusan sisa pepejal yang memberi keutamaan kepada pengurusan 3R – Rawatan pengantaraan dan pelupusan akhir.

Seterusnya saya ingin menyentuh pengurusan sisa pepejal yang mendapat peruntukan yang besar ini sebanyak RM735,651,400. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tujuan peruntukan yang besar ini. Pengurusan sisa pepejal bersepadu yang berkesan menggabungkan enam elemen penting iaitu penjanaaan, pengutipan, pengangkutan, rawatan, penghantaran dan pelupusan. Melalui dasar penswastaaan kerajaan telah melantik tiga konsortium bagi menguruskan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Sedikit sahaja lagi sebab hendak beritahu tiga syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Jadi saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Ada tercatat 15 orang semuanya daripada mula sampai akhir ini tadi.

■1930

Saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat perlu memberi kerjasama kepada Dewan ini supaya kita dapat memberi peluang kepada semua. Di samping itu menghormati Dewan mengikut masa yang ditentukan. Kita juga hanya ada tiga hari untuk membahaskan bajet ini. Esok hari kedua, saya sudah terima seramai lapan orang yang memberitahu akan berucap esok.

Mereka adalah Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat, Yang Berhormat Dato' Mustafa, Yang Berhormat Tuan Paul Chiong Ung, dan juga akhir sekali Yang Berhormat Senator Hajah Dayang Madinah. Bagaimana yang lain? Saya perlukan kerjasama ini supaya saya dapat merancang.

Apabila saya merancang itu, saya dapat menentukan semua Ahli Yang Berhormat berpeluang bercakap. Kalau semua dapat beri kerjasama dengan saya, dengan sahabat saya Timbalan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat semua akan dapat menikmati peluang untuk berucap. Saya tahu kerana ada separuh daripada rakan-rakan kita ada banyak hendak bercakap tetapi masa tidak cukup. Di samping itu juga, kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh bersedia mengikut dan cuba buat perancangan masa yang perlu dihadkan.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa saya mengingatkan diri saya. Saya nampak agaknya Ahli Yang Berhormat yang sama juga sanggup daripada pagi sampai ke petang. Yang

lain macam mana? Semua ada tugas masing-masing. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan, *staff* Dewan dan juga pegawai-pegawai dari kementerian. [*Tepuk*] Pegawai-pegawai kementerian penting, dia pun ada juga tanggungjawab tetapi tanggungjawab ini prioriti kepada kita.

Jadi, saya harap beritahulah Ahli Yang Berhormat yang lain itu, kalau ada kerja lain, tugas ini sudah ditentukan, mesti bersidang Dewan ini. So, saya harap ambil peringatan. Saya harap sangat-sangat lah perkara ini diambil berat dan dipatuhi dengan sepenuhnya.

Saya juga ingin memberitahu bahawa esok adalah hari kedua. Saya minta sehingga jam 12.00, saya ingin mengetahui semua Ahli Yang Berhormat yang ingin hendak berucap esok dan lusa supaya kita dapat menyiapkan. Saya tidak mahu Yang Berhormat hendak bercakap tetapi akhirnya kita terpaksa potong sampai lima minit, 10 minit. Tidak ada maknanya kalau bercakap 10 minit, tidak ada masa. Jadi, beri kerjasama ini untuk saya dan rakan-rakan saya Timbalan Yang di-Pertua mengendalikan Dewan ini sebaik mungkin, *insya-Allah*.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.34 malam